

ABSTRAK

Kajian ini menyelidik penggunaan kohesi dan koheren dalam karangan bahasa Tamil pelajar Tingkatan 6. Pendekatan penyelidikan yang digunakan ialah kaedah campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Jumlah responden kajian ini ialah seramai 36 orang pelajar yang dipilih dengan menggunakan kaedah pemilihan bertujuan dari sebuah pusat tuisyen yang menawarkan kelas tambahan bagi mata pelajaran bahasa Tamil Tingkatan 6. Responden kajian ini terdiri daripada pelbagai faktor latar belakang yang berbeza seperti jantina, umur, sekolah dan pencapaian gred bagi mata pelajaran bahasa Tamil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Responden dikehendaki menulis ujian karangan jenis ekspositori berdasarkan format Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Kesemua karangan responden diperiksa mengikut sistem pemarkahan holistik yang dihasilkan oleh pengkaji bagi menentukan karangan yang baik dan lemah. Kemudian, karangan responden dianalisis untuk melihat pencapaian kohesi dan koheren. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pencapaian Kohesi Nahan mencatat jumlah penggunaan yang lebih tinggi berbanding pencapaian Kohesi Leksikal. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan kohesi adalah lebih tinggi dalam karangan baik berbanding dengan karangan lemah. Selain itu, penganalisan kajian juga menunjukkan kewujudan korelasi yang signifikan antara gred dan bilangan kohesi dalam karangan responden. Karangan kategori baik didapati mengandungi ciri-ciri koheren yang baik serta kelemahan koheren pada kadar yang rendah berbanding dengan karangan kategori lemah. Kesimpulannya, penyelidikan selanjutnya mungkin perlu untuk mengkaji manfaat pengajaran dan pembelajaran secara langsung kohesi dan koheren dalam wacana penulisan karangan pelajar.

ABSTRACT

This study investigated cohesion and coherence in Tamil language compositions written by Form 6 students. 36 respondents involved in this study were selected from a tuition centre which offers Tamil language as a subject to Form 6 students. The respondents were categorised according to their achievement in the Tamil language paper in Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination (2009), gender and age. Data were gathered from expository compositions written by the respondents which were marked and graded according to Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) examination format. All compositions were evaluated holistically using Criteria Reference Banding Guide which was created by the researcher to classify the good and weak compositions. The data were analyzed to ascertain in the usage of cohesion and coherence. It is observed that the use of lexical cohesion is more than the grammatical cohesion. The data also showed that the good compositions are always characterized by more cohesion than the weak ones. The findings also indicate that there is a correlation between grade and the number of cohesion used in the compositions. Also, it is observed that good compositions have a better coherence than the weak ones. However, it is suggested that further investigations should be carried out with a larger number of data in order to formulate an academic framework which will have more pedagogical significance in teaching and learning cohesion and coherence.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya bersyukur kepada Tuhan yang Maha kuasa dan Maha Penyayang atas limpah kurnia dan berkatNya atas penyempurnaan disertasi ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada En. Supramani Shoniah, selaku penyelia disertasi saya yang telah memberi tunjuk ajar yang tidak terhingga sepanjang proses penulisan disertasi ini. Jasa dan budi baik beliau amat dihargai dan disanjung tinggi.

Saya juga terhutang budi kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik di atas pengorbanan masa dan tenaga yang disumbangkan kepada saya ketika menuntut ilmu.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan am di Fakulti Bahasa dan Linguistik serta para pustakawan di Universiti Malaya atas segala perkhidmatan yang disediakan.

Tidak dilupakan juga penghargaan yang tidak terhingga terhadap jasa kedua-dua ibu bapa saya yang tersayang, En. Kanapathy dan Pn. Selvarani yang mencurahkan kasih sayang yang tidak terhingga. Akhirnya tidak juga dilupakan adik-beradik saya, Dr. M. Gunasegaran dan rakan sekelas En. Muniisvaran yang memberi motivasi dan dorongan yang tidak terhingga kepada saya untuk menyempurnakan disertasi ini.

ISI KANDUNGAN

Kandungan Surat	Muka
PENGAKUAN.....	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN.....	v
ISI KANDUNGAN.....	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL	xiii
BAB 1.0 PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian.....	8
1.5 Soalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian.....	9
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	12
1.9 Penutup.....	14

BAB 2.0	KAJIAN KEPUSTAKAAN.....	15
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Pengertian Wacana.....	15
2.3	Analisis Wacana.....	16
2.4	Latar Belakang Analisis Wacana	17
2.5	Teks	19
2.6	Kohesi	23
2.7	Koheren.....	34
2.8	Kohesi dan Koheren.....	38
2.9	Aplikasi Analisis Kohesi dan Koheren dalam Karangan.....	39
2.10	Penutup.....	44
BAB 3.0	METODOLOGI KAJIAN.....	45
3.1	Pendahuluan	45
3.2	Kerangka Teoritis Kohesi	45
3.3	Kohesi Nahuan.....	46
3.4	Kerangka Teoretis Koheren	52
3.5	Kaedah Kajian.....	52
3.6	Variabel Kajian	53
3.7	Responden Kajian	55
3.8	Instrumen Kajian.....	56
3.9	Pengumpulan Data	56
3.10	Analisis Kajian	58
3.11	Penutup.....	61

BAB 4.0	PENGANALISISAN DAN TAFSIRAN DATA.....	62
4.1	Pendahuluan	62
4.2	Ujian dan Penilaian Kajian	62
4.3	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal Secara Keseluruhan.....	65
4.4	Perbezaan Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal Mengikut Kategori Gred Karangan.....	78
4.5	Korelasi Antara Gred dan Bilangan Penggunaan Kohesi dalam Karangan.....	95
4.6	Ciri-ciri Koheren dalam Karangan Pelajar.....	96
4.7	Kelemahan Koheren dalam Karangan Responden.....	106
4.8	Penutup.....	127
BAB 5.0	KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	128
5.1	Pendahuluan	128
5.2	Rumusan Hasil Dapatan.....	128
5.3	Perhubungan Kohesi dan Koheren.....	140
5.4	Faktor Kelemahan Responden	141
5.5	Cadangan Kajian Selanjutnya	144
5.8	Penutup.....	146
BIBLIOGRAFI		147
LAMPIRAN.....		156

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual

Muka Surat

Jadual 2.1: Model Komunikasi oleh Shannon, C.E., & Weaver, W. (1949).....	21
Jadual 3.1: Ganti Nama Diri Pertama	46
Jadual 3.2: Ganti Nama Diri Kedua	47
Jadual 3.3: Ganti Nama Diri Ketiga	47
Jadual 3.4: Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Demonstratif.....	48
Jadual 3.5: Konjungsi dalam Bahasa Tamil	49
Jadual 3.6: Penggantian dalam Bahasa Tamil	49
Jadual 3.7: Elipsis dalam Bahasa Tamil	50
Jadual 3.8: Reiterasi dalam Bahasa Tamil	51
Jadual 4.1: Markah Ujian Karangan Responden	63
Jadual 4.2: Markah Keseluruhan Ujian Karangan Responden	64
Jadual 4.3: Pencapaian Kohesi Secara Keseluruhan.....	65
Jadual 4.4: Jadual Pencapaian Kohesi Nahuan.....	67
Jadual 4.5: Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan.....	69
Jadual 4.6: Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi.....	71
Jadual 4.7: Kekerapan Penggunaan Pencapaian Kohesi Nahuan Penggantian	72
Jadual 4.8: Kekerapan Penggunaan Pencapaian Kohesi Nahuan Elipsis	73
Jadual 4.9: Pencapaian Kekerapan Kohesi Leksikal	75
Jadual 4.10: Kekerapan Penggunaan Pencapaian Kohesi Leksikal Reiterasi.....	76
Jadual 4.11: Kekerapan Penggunaan Kohesi Dalam Karangan Baik (Gred A).....	79
Jadual 4.12: Kekerapan Penggunaan Kohesi Dalam Karangan Baik (Gred A-)	81
Jadual 4.13: Kekerapan Penggunaan Kohesi Dalam Karangan Baik (Gred B+)	83
Jadual 4.14: Kekerapan Penggunaan Kohesi Dalam Karangan Baik (Gred B).....	85

Jadual 4.15: Kekerapan Penggunaan Kohesi Dalam Karangan Baik (Gred B-)	87
Jadual 4.16: Kekerapan Penggunaan Kohesi Dalam Karangan Baik (Gred C+)	89
Jadual 4.17: Kekerapan Penggunaan Kohesi Dalam Karangan Baik (Gred C).....	91
Jadual 4.18: Kekerapan Penggunaan Kohesi Dalam Karangan Baik (Gred D+)	93
Jadual 4.19: Perbezaan Korelasi antara Gred dan Bilangan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Responden.....	95
Jadual 4.20: Jenis Kelemahan Koheren Kategori Pendahuluan	107
Jadual 4.21: Jenis Kelemahan Koheren Kategori Isi	112
Jadual 4.22: Jenis Kelemahan Koheren Kategori Ayat	117
Jadual 4.23: Jenis Kelemahan Koheren Kategori Pemerenggan.....	123
Jadual 4.24: Jenis Kelemahan Koheren Kategori Penutup	125

SENARAI RAJAH

Senarai Rajah

Muka Surat

Rajah 4.1: Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal	66
Rajah 4.2: Peratusan Penggunaan Kohesi Nahuan	68
Rajah 4.3: Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan.....	70
Rajah 4.4: Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi	71
Rajah 4.5: Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian	73
Rajah 4.6: Peratus Penggunaan Jenis Kohesi Nahuan Elipsis	74
Rajah 4.7: Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal	75
Rajah 4.8: Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi.....	77
Rajah 4.9: Peratus Kekerapan Kelemahan Koheren Kategori Pendahuluan.....	108
Rajah 4.10: Peratus Kekerapan Kelemahan Koheren Kategori Isi.....	113
Rajah 4.11: Peratus Kekerapan Kelemahan Koheren Kategori Ayat	118

SENARAI SINGKATAN

Senarai Singkatan

SRJKT : Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil

SMK : Sekolah Menengah Kebangsaan

P.O.L. : Pupil's Own Language

PMR : Peperiksaan Menengah Rendah

SPM : Sijil Pelajaran Malaysia

STPM : Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

SENARAI FONEM DAN GRAFEM TAMIL

VOKAL

a	:	அ
a:	:	ஆ
i	:	இ
i:	:	ஈ
u	:	உ
u:	:	ஊ
e	:	எ
e:	:	ஏ
ai	:	ஐ
o	:	ஓ
o:	:	ஔ
au	:	ஔ

KONSONAN

k	:	க்	y	:	ய்	ñ	:	ங்
c	:	ச்	r	:	ர்	n	:	ஞ்
ṭ	:	ட்	l	:	ல்	ṇ	:	ண்
t	:	த்	v	:	வ்	n	:	ந்
p	:	ப்	ḷ	:	ழ்	m	:	ம்
ṟ	:	ற	ḷ	:	ள்	ṇ	:	ன்

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian yang menjadi dasar kajian ini. Seterusnya, bab ini juga membincangkan pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional konsep-konsep tertentu kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

1.2.1 Pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia

Di Malaysia, pendidikan bahasa Tamil diajar seawal sejak sekolah rendah dari tahun 1 hingga tahun 6 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT). Di SRJK(T) bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa pengantar bagi kesemua mata pelajaran, selain mata pelajaran bahasa Melayu dan Inggeris. Secara keseluruhannya, pembelajaran mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat sekolah rendah lebih menekankan kepada penulisan dan pemahaman. Ini kerana pada peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), para pelajar dinilai dari segi aspek pemahaman dan penulisan bagi mata pelajaran bahasa Tamil.

Setelah melalui 6 tahun persekolahan di SRJK(T), pelajar-pelajar sekolah Tamil akan menjejaki persekolahan pada peringkat menengah. Pada peringkat menengah, pembelajaran bahasa Tamil ditawarkan dari Tingkatan Peralihan sehingga Tingkatan 1. Pembelajaran bahasa Tamil pada peringkat menengah bergantung kepada pentadbiran pihak sekolah. Ini kerana tidak kesemua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang

menawarkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil dalam jadual waktu harian sekolah. Ini bergantung kepada bilangan pelajar Tamil yang ingin mengikuti kelas bahasa Tamil. Bagi SMK yang tidak menawarkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil dalam jadual harian sekolah, kelas bahasa ibunda ataupun P.O.L (*Pupil's Own Language*) diadakan selepas waktu sekolah. Kelas P.O.L hanya akan diadakan sekiranya terdapat sejumlah 15 orang pelajar atau lebih yang ingin mengikuti kelas bahasa ibunda mereka.

Terdapat dua jenis peperiksaan awam pada peringkat pengajian sekolah menengah yang menawarkan bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran elektif, iaitu peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Para pelajar akan menduduki peperiksaan PMR di Tingkatan 3 dan peperiksaan SPM di Tingkatan 5.

Manakala, pada peringkat pra-U, iaitu Tingkatan 6 para pelajar masih boleh mengambil bahasa Tamil sebagai salah satu mata pelajaran elektif dalam peperiksaan awam, iaitu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Seterusnya ialah perbincangan tentang pembelajaran bahasa Tamil pada peringkat STPM.

1.2.2 Bahasa Tamil pada Peringkat STPM

Pengajian pada peringkat STPM merupakan satu titik permulaan bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pendidikan pada peringkat STPM merangkumi pembelajaran selama 1½ tahun. Pada akhir pengajian, para pelajar dikehendaki menduduki peperiksaan STPM.

Bahasa Tamil merupakan salah satu mata pelajaran elektif pada peringkat STPM. Para pelajar yang telah lulus mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat SPM, layak untuk mendaftar mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat STPM berdasarkan pilihan sendiri setiap individu. Mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat STPM tidak diajar

dalam jadual waktu persekolahan kerana bilangan calon yang terlalu sedikit (Dzulrifli bin Abdul Razak, <http://www.mpm.edu.my/>). Calon yang mengambil mata pelajaran ini, kebiasaannya belajar sendiri ataupun mengikuti kelas tuisyen.

1.2.3 Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil STPM

Menurut Majlis Peperiksaan Malaysia (1999), matlamat penggubalan sukatan pelajaran bahasa Tamil ialah, agar menghasilkan pelajar-pelajar yang berkemahiran berbahasa setaraf dengan pelajar peringkat pra-U. Selain itu, matlamat penggubalan sukatan pelajaran bahasa Tamil yang lain ialah, agar dapat memupuk aspek berbahasa yang dapat dimanfaatkan terhadap pendidikan di Institut Pengajian Tinggi dan di alam pekerjaan.

Manakala, menurut Majlis Peperiksaan Malaysia (1999), objektif penggubalan sukatan pelajaran bahasa Tamil yang utama ialah, untuk mempertingkatkan kemahiran pelajar dalam menghasilkan penulisan esei yang berkualiti dengan penggunaan bahasa yang betul.

Peperiksaan bahasa Tamil pada peringkat STPM pula merangkumi kesemua aspek yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil. Sukatan pelajaran bahasa Tamil pada peringkat STPM secara keseluruhannya terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu bahagian bahasa yang meliputi tatabahasa serta kemahiran bahasa dan bahagian kesusasteraan.

1.2.4 Peperiksaan bahasa Tamil peringkat STPM

Kertas bahasa Tamil dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Kertas 1 dan 2. Tempoh masa peperiksaan bagi setiap kertas adalah 3 jam dan soalan-soalan yang dikemukakan berbentuk subjektif sepenuhnya. Pada amnya, Kertas 1 menguji kemahiran

bahasa Tamil yang dikuasai pelajar. Manakala, Kertas 2 pula menguji pengetahuan kesusasteraan bahasa Tamil pelajar.

Terdapat 5 bahagian utama dalam kedua-dua Kertas 1 dan 2. Bagi Kertas 1, antara bahagian-bahagiannya ialah Karangan (Bahagian A), Kefahaman (Bahagian B), Tatabahasa (Bahagian C), Rumusan (Bahagian D) dan Alih bahasa (Bahagian E). Pelajar dikehendaki menjawab kesemua bahagian dalam Kertas 1 dalam tempoh masa yang ditetapkan. Manakala Kertas 2 pula dibahagikan kepada penghayatan puisi Tamil klasik, penghayatan puisi Tamil zaman pertengahan, penghayatan puisi Tamil moden (sajak), penghayatan prosa Tamil moden (esei), penghayatan prosa Tamil moden (novel dan cerpen). Bagi setiap bahagian dalam Kertas 2, diperuntukkan sejumlah 20 markah. Antara kesemua bahagian dalam Kertas 1 mahupun Kertas 2, Bahagian A Kertas 1, iaitu bahagian penulisan karangan diperuntukkan markah yang tertinggi, iaitu 40 markah.

1.2.5 Aspek Penulisan karangan bahasa Tamil dalam STPM

Perbincangan seterusnya ialah mengenai bahagian penulisan karangan pada peringkat STPM yang dibincangkan berdasarkan kepada sukatan pelajaran bahasa Tamil (1999). Sebanyak enam tajuk karangan dikemukakan dalam Bahagian A, Kertas 1 bahasa Tamil pada peringkat STPM. Calon dikehendaki memilih dan menjawab satu soalan sahaja. Tajuk karangan kebiasaannya berkaitan dengan isu-isu semasa yang meliputi ekonomi, politik dan sosial. Tajuk-tajuk karangan merangkumi pelbagai format seperti perbincangan, penerangan, ucapan, syarahan, perbahasan, laporan dan surat kiriman. Karangan pelajar haruslah tidak melebihi 450-500 patah perkataan.

Hasil penulisan pelajar hendaklah memperlihatkan perancangan yang terperinci, kematangan fikiran, keupayaan untuk berfikir secara logik dan persembahan idea yang sesuai dengan tajuk karangan. Selain itu, bahasa kiasan dan peribahasa, iaitu [*paḷamolika*]

yang digunakan dalam hasil penulisan haruslah betul dan menepati situasi. Pelajar juga harus memperlihatkan kematangan fikiran dalam penulisan mereka. Segala isi karangan hendaklah sempurna, padat dan disusun dengan baik untuk mewujudkan kesinambungan idea.

Selain itu, karangan pelajar juga tidak seharusnya mengandungi sebarang kesalahan morfologi, sintaksis, ejaan, tanda baca dan pemerenggan. Bahasa dan laras bahasa yang sesuai serta standard harus digunakan.

Segala perbincangan di atas menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran menulis sangat penting dalam sistem pendidikan di negara ini.

1.2.6 Aspek Kohesi dan Koheren dalam Penulisan

Seorang penulis seharusnya menguasai peraturan nahu dan himpunan leksikal sesuatu bahasa sebelum menghasilkan sebarang teks dalam bahasa tersebut. Manakala sebuah teks yang dihasilkan yang juga berkohesif membantu pembaca mahupun pemeriksa memahami penulisan tersebut tanpa sebarang kekeliruan atau halangan kerana wujudnya perhubungan semantik (Van Dijk, T.A. 1977). Kekohesifan sebuah teks bergantung kepada penilaian penulisan dari segi keberkesanan penyampaian maksud kepada pembaca (Widdowson, H. G. 2007).

Jika penulisan pelajar mengandungi kohesi antara satu ayat dengan ayat yang lain, maka ia membantu untuk mewujudkan koheren dalam penulisan tersebut (Widdowson, H. G. 2007).

Koheren juga merupakan satu aspek yang penting dalam penulisan. Koheren sering dikatakan saling berhubung kait dengan kohesi (Widdowson, H. G. 2007). Koheren juga wujud antara setiap perenggan, ayat dan frasa. Koheren dalam penulisan agak susah untuk

dihasilkan berbanding dengan penghasilannya dalam bentuk wacana perbualan. Ini adalah kerana, penulis tidak mempunyai sebarang komunikasi verbal dengan pembaca ketika menghasilkan teks. Ini berbeza dengan penutur yang mempunyai hubungan verbal dengan pendengar. Dengan itu, penutur mendapat maklumat daripada reaksi mahupun maklum balas pendengar sama ada penyampaian maklumatnya adalah jelas ataupun tidak.

Oleh itu, kewujudan koheren dalam penulisan merupakan satu aspek yang memastikan bahawa segala maklumat yang ditulis difahami dengan jelas oleh pembaca tanpa sebarang kekaburan (Wikborg, E. 1990).

Kesimpulannya, hasil penulisan pelajar boleh diteliti dari aspek kohesi dan koheren yang menjadikan penulisan tersebut digredkan sama ada baik ataupun sangat lemah. Penelitian ini meliputi penggunaan kohesi yang memastikan penggunaan nahu dan leksikal yang betul serta kewujudan koheren yang merangkumi hasil penulisan yang jelas dan mudah difahami oleh pembaca.

1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran menulis karangan seperti yang telah dibincangkan sebelum ini merupakan satu aspek yang sangat penting dan juga satu aspek yang harus dikuasai oleh pelajar Tingkatan 6. Ini kerana para pelajar dikehendaki menulis sebuah karangan yang tidak kurang daripada 450 patah perkataan bagi mata pelajaran bahasa Tamil Kertas 1 pada peringkat STPM. Walaupun, para pelajar Tingkatan 6 yang ingin mengambil mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat STPM, menepati pra syarat, iaitu seharusnya lulus mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat SPM, namun ini tidak menjanjikan bahawa penulisan pelajar tersebut pada peringkat STPM adalah lebih berkohesi dan berkoheren. Ini kerana, tidak semestinya penutur asli sesuatu bahasa akan dapat menghasilkan penulisan yang koheren (Jones, J. 2007). Didapati juga bahawa pelajar India yang berbahasa ibunda

Tamil yang juga telah melalui pendidikan peringkat rendah selama 6 tahun, mempunyai pengetahuan pada tahap yang lemah dan sederhana untuk pembinaan ayat dalam mata pelajaran bahasa Tamil (Komathi Sinniah, 2009). Oleh itu, jika karangan yang dihasilkan oleh pelajar Tingkatan 6 tidak mempunyai aspek kohesi dan koheren, maka karangan tersebut akan digolongkan sebagai karangan yang tidak utuh. Keadaan ini akan menjejaskan pencapaian pelajar tersebut dalam mata pelajaran bahasa Tamil secara keseluruhan.

Pada peringkat STPM, bagi mata pelajaran bahasa Tamil, para pelajar dikehendaki untuk menghasilkan sebuah karangan yang diperuntukkan markah yang paling tinggi berbanding dengan bahagian-bahagian yang lain. Oleh itu, para pelajar seharusnya menjawab bahagian ini dengan lebih baik agar dapat memperoleh markah yang tinggi. Selain itu, pada peringkat STPM, bagi mata pelajaran bahasa Tamil para pelajar dikehendaki menjawab kesemua soalan bagi kedua-dua kertas 1 dan 2 secara subjektif. Ini berbeza daripada peringkat SPM di mana beberapa bahagian dalam kertas soalan bahasa Tamil masih terdapat soalan objektif atau beraneka pilihan. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa penghasilan wacana yang mantap dari segi kohesi dan koheren bagi menjawab soalan-soalan pada peringkat STPM, khususnya soalan penulisan karangan adalah sangat penting untuk memperoleh gred yang baik.

Justeru itu, kajian ini memfokuskan analisis kohesi dan koheren dalam penulisan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan STPM sama ada mampu untuk menghasilkan penulisan yang utuh dari segi kohesi dan koheren.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal oleh pelajar Tingkatan 6 dalam karangan bahasa Tamil pada peringkat STPM. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk menilai perbezaan penggunaan kekerapan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan dari setiap kategori baik, sederhana, lemah dan sangat lemah. Seterusnya kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat korelasi antara gred dan bilangan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan responden. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat ciri-ciri koheren yang terdapat dalam setiap kategori karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah. Akhirnya, kajian ini juga bertujuan untuk menilai kekerapan jenis kelemahan koheren dalam karangan ekspositori responden.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan seperti berikut :

- i) Apakah kekerapan Kohesi Nahuan dan Leksikal responden kajian dalam karangan ekspositori secara keseluruhan?
- ii) Apakah perbezaan kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam kategori karangan yang baik, sederhana, lemah dan sangat lemah?
- iii) Adakah terdapat korelasi yang signifikan antara gred dan bilangan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan pelajar?
- iv) Apakah ciri-ciri koheren yang terdapat dalam kategori karangan yang baik, sederhana, lemah dan sangat lemah?

- v) Apakah jenis-jenis kelemahan koheren yang sering wujud dalam karangan ekspositori responden kajian?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diandaikan sangat penting kerana pengkaji berharap kajian ini dapat memanfaatkan beberapa pihak seperti yang dibincangkan berikutnya.

Kajian ini dilakukan untuk mewujudkan satu persefahaman yang mendalam tentang kewujudan kohesi dan koheren dalam penulisan bahasa Tamil. Kajian ini diharapkan menjadi satu panduan yang berguna kepada semua lapisan masyarakat dalam menyumbang pengetahuan tentang kepentingan kewujudan kohesi dan koheren dalam penulisan.

Seterusnya, kajian ini diharap untuk membekalkan pengetahuan kepada para pelajar Tingkatan 6 tentang kepentingan kohesi dan koheren dalam hasil penulisan mereka. Ini kerana, karangan yang ditulis oleh responden kajian ini dikembalikan kepada mereka selepas pengkaji selesai menganalisis data kajian. Dengan cara ini para responden kajian yang juga bakal calon-calon STPM dapat mengetahui kelemahan diri mereka melalui penerangan yang diberikan oleh pengkaji. Dengan demikian, diharapkan mereka dapat berusaha untuk mempertingkatkan tahap penguasaan kemahiran bahasa Tamil. Usaha mempertingkatkan tahap penguasaan kemahiran bahasa amat penting untuk memastikan pencapaian gred yang tinggi dalam peperiksaan STPM kelak.

Dapatan kajian ini yang memperlihatkan penggunaan kohesi dan tahap koheren dalam karangan yang ditulis oleh responden kajian diharap berguna kepada guru-guru bahasa Tamil khususnya, guru-guru bahasa Tamil pada peringkat STPM. Para guru bahasa Tamil pada peringkat STPM dapat memahami kelemahan para pelajar dan mampu menambahkan pengetahuan pelajar tentang kesilapan penggunaan kohesi dan cara-cara

menghasilkan sebuah teks yang koheren. Dengan demikian, para guru diharap mengambil inisiatif untuk merancang pengajaran penulisan karangan yang lebih sesuai kelak.

Tambahan pula, kajian ini dijangka dapat memanfaatkan para perancang kurikulum bahasa Tamil kerana mereka berpeluang untuk mengetahui kepentingan penguasaan kohesi dan koheren dalam penghasilan sesuatu teks. Dengan itu, satu rombakan sukatan pelajaran bahasa Tamil tidak kira pada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah serta maktab perguruan diperlukan agar membolehkan aspek kohesi dan koheren diberi penekanan dalam sukatan pelajaran.

Seterusnya, para penulis buku bahasa Tamil juga diharap bermanfaat daripada kajian ini. Setakat ini, tiada sebarang buku latihan bahasa Tamil untuk melatih para pelajar mahupun guru pelatih dalam menghasilkan satu teks yang berkohesi serta berkoheren. Oleh itu, para penulis buku-buku latihan bahasa Tamil diharap dapat menghasilkan beberapa buku latihan untuk melatih dan membimbing pelajar mahupun guru pelatih dalam menghasilkan satu teks yang kohesi dan koheren.

Akhirnya, kajian ini diharap dapat membantu para perancang bahasa Tamil atau badan-badan persendirian (NGO) untuk mengendalikan pelbagai kursus, seminar ataupun bengkel dengan tujuan untuk meningkatkan profesionalisme serta membekalkan pengetahuan tentang kepentingan aspek kohesi dan koheren ketika menghasilkan sebuah teks. Langkah sebegini secara langsung akan menyedarkan para akademik untuk menekankan aspek kohesi dan koheren dalam situasi pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang esei.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya berfokus kepada aspek bahasa dari segi aspek kohesi dan koheren dalam penghasilan karangan oleh pelajar STPM. Disebabkan kajian analisis kohesi sangat terbatas, pengkaji membatasi kajian ini dengan hanya melihat kepada kekerapan penggunaan kohesi serta perbezaan penggunaan kohesi antara kategori karangan baik, sederhana lemah dan sangat lemah. Manakala, bagi analisis koheren kajian ini merupakan kajian rintis dalam bahasa Tamil. Oleh itu, pengkaji membatasi analisis kewujudan koheren secara keseluruhan dalam karangan yang dihasilkan dengan membandingkan ciri-ciri koheren seperti penghuraian isi yang tepat dengan tajuk, organisasi isi kandungan yang betul, gaya persembahan yang menarik serta penggunaan bahasa yang lancar. Pengkaji juga membatasi jenis kelemahan koheren kepada sembilan sahaja.

Kajian ini terbatas dari segi responden kajian, iaitu seramai 36 orang pelajar STPM sahaja dipilih. Ini disebabkan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat STPM adalah sangat kecil. Responden kajian hanya meliputi pelajar-pelajar India yang pernah menerima pendidikan awal dari SRJKT. Lokasi kajian ini dihadkan kepada daerah Ipoh, Perak sahaja. Mod karangan untuk ujian karangan telah dihadkan kepada karangan jenis ekspositori.

Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan pada semua pelajar pada peringkat kebangsaan kerana hanya menggunakan sebilangan sampel kajian.

1.8 Definisi Operasional

Berikut merupakan beberapa definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini:

1.8.1 Kohesi

Konsep kohesi merujuk kepada konsep semantik sebuah teks (Van Dijk, T.A. 1977). Ia menunjukkan perhubungan antara satu ayat dengan ayat berikutnya dalam satu perenggan serta dengan pembaca teks tersebut. Ini kerana kohesi wujud apabila satu perkataan dalam satu ayat bergantung kepada perkataan lain dalam ayat yang sama mahupun ayat yang berikutnya atau sebelumnya. Kohesi ini seharusnya boleh ditafsirkan oleh pembaca untuk memahami makna yang sebenar. Inilah yang dikatakan sebagai konsep semantik iaitu perhubungan makna dalam ayat yang difahami oleh pembaca. Halliday dan Hasan (1976) telah menyarankan kohesi boleh dikategorikan sebagai Kohesi Nahuan dan Leksikal.

1.8.2 Koheren

Koheren merupakan pengaturan ayat secara rapi dan padat yang dapat difahami dengan mudah (Wohl, M. 1978). Koheren juga merupakan pembentangan idea dan perkaitan idea dengan idea, sama ada mempunyai perkaitan kognitif, masa, tempat atau yang lain (Asmah, 2006). Koheren bukan sahaja dilihat dalam ayat yang bersambungan tetapi juga boleh dilihat dalam perenggan dan juga merupakan perkaitan antara perenggan. Koheren antara ayat-ayat yang berurutan disebut koheren berurutan (*sequential coherence*) dan koheren antara perenggan disebut koheren menyeluruh (*overall coherence*) (Van Dijk, T.A. 1977; Coskun, E. 2009).

1.8.3 Mod Wacana

Mod wacana merupakan format penulisan. Antara mod wacana ialah ekspositori, argumentatif, perbincangan, naratif, deskriptif dan pujukan.

1.8.3.1 Karangan Ekspositori

Karangan jenis ini memberi penekanan kepada penghuraian logik tentang isi-isi yang berkaitan dengan topik secara munasabah. Ini bermakna mod karangan ini memerlukan penulis untuk menulis penerangan yang jelas tentang topik dengan huraian serta bukti yang kukuh. Kebiasaannya, karangan mod ini berbentuk fakta. Untuk menghasilkan penulisan yang baik, penulis seharusnya memahami fakta yang berbentuk tajuk karangan dengan betul. Seterusnya, fakta perlu diterangkan secara lebih mendalam.

1.9 Penutup

Keseluruhan bab ini telah membincang secara terperinci tentang latar belakang kajian, penyataan masalah kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional dijangka dapat dijadikan rangka rujukan terhadap kajian yang dijalankan. Bab seterusnya membincangkan konsep-konsep utama kajian ini berpanduan kepada kajian kepustakaan yang berkaitan.

BAB 2

KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan pengenalan kepada analisis wacana bertulis dari sudut kohesi dan koheren dalam penulisan karangan.

2.2 Pengertian Wacana

Wacana sering menjadi pilihan pengkaji dalam analisis bahasa. Wacana mungkin berasal secara etimologinya daripada bahasa Latin, *discurrere* yang bermaksud ke hadapan dan ke belakang (Vass, 1992). Terdapat pelbagai jenis wacana seperti wacana politik (Idris Aman, 2001), wacana penulisan (Khatijah, 1997), wacana pertuturan (Khairul Bariah, 2006) dan wacana akademik (Johnson, P. 1992). T.S Sinar (2003) mengatakan bahawa wacana bukan sahaja laras bahasa, tetapi lebih luas lagi seperti penterjemahan, komunikasi, genre, sastera, pendidikan, pedagogi, sains, karangan pelajar, diskusi dan wawancara.

Kridilaksana (1982) telah mendefinisikan wacana sebagai kesatuan lengkap yang wujud dalam sebuah bahasa di mana ia boleh wujud dalam bentuk novel, buku dan ensiklopedia. Manakala menurut Crystal, D. (1992), wacana ialah satu pertalian bahasa yang berterusan serta lebih besar dari satu ayat, yang juga sering menghasilkan sebuah unit koheren. Cook, G. (1989) pula berpendapat bahawa wacana ialah satu pertalian bahasa yang bermakna, bersatu padu dan bertujuan. Nunan, D. (1993), pula mengatakan wacana sebagai penggunaan bahasa mengikut konteks.

Oleh itu, berdasarkan kepada definisi-definisi wacana yang diberikan oleh ahli-ahli linguistik, wacana boleh didefinisikan sebagai kegunaan bahasa mengikut konteks yang melampaui batas ayat.

2.3 Analisis Wacana

Analisis wacana telah menjadi satu kaedah yang digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang (Delwis, C. 1999). Objektif utama analisis wacana ialah, untuk memahami struktur dan fungsi bahasa. Menurut Philips, L., & Jargensen, M.W. (2002), analisis wacana bukan sahaja merupakan salah satu kaedah analisis, tetapi ia merupakan urutan pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk mengkaji pelbagai domain sosial dalam pelbagai kajian.

Kajian tentang wacana dilanjutkan selain kajian mengenai ayat dan teks (Aijmer, K., & Stenström, A. 2004). Pada mulanya, Haris, Z. S. (1952) telah memperkenalkan istilah analisis wacana dan mencadangkan bahawa matlamat analisis wacana ialah untuk mengkaji bagaimana wacana berbeza dari urutan ayat yang rawak. Dalam analisis wacana, beberapa aspek konteks selalunya diambil kira (Aijmer, K., & Stenström, A. 2004). Konteks pula didefinisikan sebagai:

“A world filled with people producing utterances: people who have social, cultural and personal identities, knowledge, beliefs, goals and wants, and who interact with one another in various socially and culturally defined situations”

(Schiffrin, D. 1994: 364)

yang bermaksud, sebuah dunia dengan manusia yang menghasilkan ujaran serta manusia yang berperanan sosial, kebudayaan dan identiti personel, pengetahuan, kepercayaan, matlamat dan keperluan serta mereka yang berinteraksi antara satu sama lain dengan pelbagai situasi yang didefinisikan secara sosial dan kebudayaan. Kajian awal dalam

bidang wacana memfokuskan kepada monolog. Namun, pada masa kini analisis wacana semakin berkembang meliputi analisis kedua-dua aspek pertuturan dan penulisan yang merangkumi tatabahasa, unit serta struktur klausa dan leksikal (Aijmer, K., & Stenström, A. 2004).

2.4 Latar Belakang Analisis Wacana

Analisis wacana dikaitkan dengan kajian tentang perhubungan antara bahasa dan konteks penggunaan bahasa tersebut. Analisis wacana bermula dengan kajian Harris, Z. S. (1952) yang merupakan sebuah kertas kerja bertajuk *Discourse Analysis*. Harris, Z. S. (1952) sangat berminat dengan elemen-elemen linguistik yang terdapat dalam teks dan juga perhubungan yang wujud antara sebuah teks dengan konteks.

Pada tahun 1960-an, analisis wacana masih lagi berkisar tentang kajian tentang bentuk penggunaan bahasa (Hymes, D.1960) yang dilihat dari segi semiotik dan sosiologi. Pada tahun 1970, analisis wacana di Britain sangat dipengaruhi oleh kaedah fungsional bahasa yang diperkenalkan oleh Halliday, M.A.K. (1973). Kaedah fungsional yang dipelopori oleh Halliday, M.A.K. (1973) memberi penekanan kepada fungsi bahasa mengikut konteks dan juga struktur informasi dalam pertuturan dan penulisan, iaitu wacana.

Analisis wacana akademik pada mulanya dipelopori oleh Sinclair, J. M., & Coulthard, M. (1975) di mana satu model analisis pertuturan yang merupakan model bagi menghuraikan pertuturan guru-murid, berdasarkan hierarki unit-unit wacana telah dihasilkan. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa guru-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran terlibat secara langsung dalam proses komunikasi di mana pertuturan guru menjadi dominan dalam proses komunikasi tersebut.

Selain Sinclair, J. M., & Coulthard, M. (1975) ada juga pengkaji lain yang telah melakukan kajian wacana pertuturan yang mengkaji pertuturan doktor-pesakit, perbualan tentang kemudahan yang disediakan oleh sesuatu organisasi, perbualan sewaktu temu duga, debat dan perbualan perundingan perniagaan (Aijmer, K., & Stenström, A. 2004). Selain itu, analisis wacana monolog iaitu penulisan yang melihat intonasi juga telah dilakukan di British pada tahun 1970-an (Aijmer, K., & Stenström, A. 2004). Pada ketika itu, analisis wacana mula berkembang dengan menekankan kriteria struktur linguistik (Aijmer, K., & Stenström, A. 2004).

Perkembangan analisis wacana di Amerika pula berfokus kepada kaedah tradisi etnografi, yang menekankan kaedah kajian pemerhatian terperinci terhadap pertuturan masyarakat dalam latar yang normal (T. S. Sinar, 2003). Para pengkaji mengkaji jenis-jenis pertuturan seperti bercerita, pertanyaan khabar dan pertuturan dalam latar kebudayaan dan sosial yang berbeza seperti yang dilakukan oleh Gumperz, J., & Hymes, D. (1972). Pada ketika itu, analisis wacana di Amerika juga merangkumi analisis pertuturan (*Conversational Analysis*). Analisis wacana di Amerika juga telah menghasilkan kewujudan pelbagai jenis wacana, dan juga kajian wacana yang berfokus kepada aspek sosial (T. S. Sinar, 2003).

Pada tahun 1980, analisis wacana semakin menjadi pilihan ramai pengkaji. Ini terbukti dengan terbitnya beberapa buah buku yang popular yang berkisar tentang analisis wacana seperti *Discourse Analysis* oleh Brown, G., & Yule, G. (1983), *Discourse Analysis: The Sociolinguistic Analysis of National Language* oleh Stubbs, M. (1983) dan *Handbook of Discourse Analysis* (1985) oleh Van Dijk T.A. Buku yang ditulis oleh Van Dijk T.A. (1985), iaitu *Handbook of Discourse Analysis* memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran kepada para pengkaji tentang penggunaan analisis wacana dalam pelbagai bidang dan cara-cara analisis wacana sistematik.

Selain itu, perkembangan analisis wacana yang menekankan nahuan khususnya, dalam teks bertulis juga menjadi perhatian para pengkaji. Para pengkaji yang menggunakan pendekatan ini melihat teks sebagai elemen bahasa yang berhubung kait antara satu sama lain. Para ahli linguistik seperti Van Dijk, T.A. (1972), Beaugrande, R. (1980), Halliday dan Hasan (1976) telah mencipta satu kesan yang signifikan dalam bidang nahuan teks. Bersama-sama dengan minat ahli linguistik ini dalam mengkaji kewujudan informasi dalam wacana, Sekolah Prague Linguistik juga memainkan peranan yang sangat penting (T. S. Sinar, 2003). Antara penyumbangan sekolah ini yang sangat penting ialah sekolah ini telah melakukan kajian yang menunjukkan perhubungan antara nahuan dan wacana.

Pada ketika ini, analisis wacana telah berkembang pesat dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang linguistik yang masih mengkaji kegunaan bahasa mengikut konteks yang melampaui batasan ayat (T. S. Sinar, 2003).

2.5 Teks

Teks menjadi salah satu aspek yang sangat penting dalam analisis wacana. Ini kerana wacana merupakan kegunaan bahasa mengikut konteks dan teks menjadi salah satu medium kegunaan bahasa. Brown, G., & Yule, G. (1983) menggunakan teks sebagai satu istilah teknikal untuk merujuk kepada rekod verbal perlakuan komunikatif sama ada secara lisan ataupun secara penulisan.

Seorang pembaca hendaklah mampu untuk dekod huruf-huruf alfabet, memahami maksud perkataan dalam teks dan juga harus mengenal pasti struktur tatabahasa teks tersebut. Manakala, sebuah teks seharusnya berada dalam keadaan di mana pembaca boleh menilai bagaimana satu ayat berhubung kait dengan yang lain. Berikut merupakan beberapa ciri-ciri teks yang dicadangkan oleh Emmott, C. (1999: 75) :


- Sebuah teks seharusnya mempunyai struktur hierarki. Seorang pembaca seharusnya boleh mengenal pasti struktur ini untuk memahaminya dan juga untuk menterjemahkan beberapa item linguistik pada tahap perkataan.
- Dalam teks, maksud satu ayat diperoleh dari ayat-ayat berikutnya atau sebelumnya.
- Teks juga memerlukan pembaca untuk menggunakan maklumat yang tersimpan dalam mindanya, iaitu pengetahuan am untuk memahaminya.
- Teks juga mempunyai satu perhubungan yang saling berhubung kait. Ini kerana, teks mengandungi ayat-ayat berurutan yang mempunyai kesinambungan antara satu sama lain dan hubungan ini sering kali dilambangkan melalui aspek-aspek linguistik.

Mengikut Fairclough, N. (1992: 75) proses analisis teks boleh dilakukan di bawah 4 kategori seperti berikut:

- Vokabulari – analisis teks yang berkaitan dengan perkataan secara individu.
- Nahuan – analisis teks yang berkaitan dengan percantuman perkataan dengan klausa serta ayat.
- Kohesi – analisis teks yang berkaitan dengan bagaimana klausa dan ayat berhubung kait.
- Struktur teks – analisis teks yang berkaitan dengan ciri-ciri organisasi teks, berhubung kait dengan struktur teks dalam skala yang lebih besar.

Fairclough, N. (1992) juga mencadangkan bahawa keselarian dalam teks boleh wujud melalui pelbagai cara. Sebagai contohnya, melalui penggunaan vokabulari dari bidang semantik yang sama, pengulangan perkataan, perkataan sinonimi, kohesi seperti Rujukan, Penggantian dan Konjungsi.

Shannon, C. E., & Weaver, W. (1949) telah memperkenalkan sebuah model berkenaan komunikasi umum bagi menerangkan konsep teks seperti berikut:



Rajah 2.1 Model Komunikasi oleh Shannon, C.E., & Weaver, W. (1949)

Renkema, J. (1993) berpendapat bahawa model yang diperkenalkan ini boleh juga diaplikasikan terhadap teks selain dari proses komunikasi. Berdasarkan model di atas, penulis ialah sumber maklumat iaitu sebuah teks bertulis. Mesej yang ingin disampaikan oleh penulis ditukarkan dalam bentuk perkataan. Ia kemudiannya dialihkan melalui saluran komunikasi, kertas atau skrin kepada pembaca. Akhirnya, maklumat atau mesej tersebut dihantar kepada penerima iaitu pembaca yang memahami maksud yang disampaikan melalui teks bertulis tersebut.

Renkema, J. (1993) juga telah mencadangkan tujuh kriteria yang membolehkan beberapa urutan ayat dikategorikan sebagai teks. Menurut beliau, kewujudan perhubungan antara ayat merupakan satu ciri yang sangat penting bagi teks. Berikut merupakan kriteria sebuah teks seperti yang dicadangkan oleh Renkema, J. (1993):

- i) **Kohesi** – Kohesi merupakan perhubungan yang dihasilkan apabila penterjemahan pemahaman elemen-elemen sebuah teks bergantung terhadap elemen-elemen yang lain.
- ii) **Koheren** – Koheren merupakan perhubungan yang dihasilkan daripada ‘sesuatu’ yang luar dari teks. ‘Sesuatu’ ini selalunya merupakan pengetahuan seorang pembaca dalam memahami sebuah teks. Renkema, J. (1993) berpendapat petikan-petikan dalam sebuah

teks yang tidak berhubung kait menjadi koheren apabila seorang pembaca mengaplikasikan sedikit sebanyak pengetahuan amnya. Dengan itu, teks tersebut akan menjadi lebih senang untuk difahami.

iii) Tujuan/niat (*intentionality*) – *Intentionality* bermaksud penulis sepatutnya mempunyai niat untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu dengan maklumat yang ingin disampaikan. Berdasarkan kriteria ini, perkataan yang berurutan dalam sebuah petikan hanya boleh dikatakan sebuah teks apabila petikan tersebut mempunyai sebuah niat seperti menyampaikan maklumat sebenar kepada pembaca.

iv) Kebolehterimaan (*acceptability*) – *Acceptability* merupakan kebolehterimaan ayat-ayat yang berurutan oleh pembaca agar menjadikannya sebuah teks. Biasanya ayat-ayat yang berurutan dalam sebuah teks boleh diterima oleh pembaca sekiranya ayat-ayat tersebut logik.

v) Maklumat (*informativeness*) – *Informativeness* merupakan aspek yang sangat penting dalam wacana. Sebuah teks seharusnya mempunyai beberapa maklumat yang baru yang disampaikan kepada pembaca. Sekiranya, seorang pembaca mengetahui kesemua perkara yang terkandung dalam sebuah teks, maka teks tersebut dikatakan tidak berkualiti. Sebaliknya, jika seorang pembaca tidak dapat memahami sebarang maklumat yang terkandung dalam sebuah teks, teks itu juga dikatakan tidak berkualiti.

vi) Situasi/konteks (*situationality*) – Situasi atau konteks merupakan satu aspek yang penting dalam sebuah teks. Oleh itu, adalah penting untuk mempertingkatkan situasi penghasilan sebuah teks dan mempertimbangkan situasi pembaca yang bakal membacanya.

Antara kriteria teks yang dibincangkan, Renkema, J. (1993) berpendapat kohesi dan koheren memainkan peranan penting sekali berbanding dengan ciri-ciri lain yang disenaraikan olehnya dalam penulisan.

2.6 Kohesi

Kohesi didefinisikan oleh Halliday dan Hasan (1976: 4) seperti berikut:

“occurs where the INTERPRETATION of some element in the discourse is dependent on that of another”.

Menurutnya, kohesi ialah pemahaman beberapa elemen dalam wacana yang bergantung terhadap elemen-elemen yang lain. Manakala, Tanskanen, S. (2004) pula mengatakan bahawa kohesi merujuk kepada elemen nahuan dan leksikal dalam sebuah teks yang boleh membentuk perhubungan di antara bahagian-bahagian lain dalam teks tersebut, contohnya kohesi dan koheren.

Sebuah teks yang dihasilkan dengan betul dikatakan dipengaruhi oleh pelbagai jenis kohesi yang wujud dalam teks tersebut (Hellmen, C. 1995). Fairclough, N. (1992) pula berpendapat bahawa kohesi merupakan pelbagai gambaran retorik mengikut kepada kumpulan pernyataan yang akan disatukan. Renkema, J. (1993) pula berpendapat bahawa kohesi merupakan perhubungan yang wujud apabila penterjemahan elemen teks bergantung kepada elemen yang lain dalam sebuah teks. Contohnya;

*The store no longer sold porcelain figurines. **It** used to, the man behind the counter said, but they didn't sell very well. Since the business had switched to plastic, sales were doing a lot better.*

(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 35)

Penterjemahan:

*(Kedai itu tidak lagi menjual patung-patung porselin. Orang di belakang kaunter itu berkata, dahulunya **ia** ada, tetapi penjualannya tidak begitu laris. Sejak perniagaannya beralih ke plastik, jualan menjadi jauh lebih baik.)*

Dalam contoh yang diberikan di atas, penterjemahan *it* (ia) bergantung kepada *store* (kedai), sama seperti *they* (ia) bergantung kepada *porcelain figurines* (patung-patung porselin). Maksud *used to* (dahulunya) bergantung kepada *sold porcelain figurines* (patung-patung porselin yang telah dijual). Penterjemahan perkataan *plastic* (plastik) bergantung sepenuhnya kepada *porcelain figurines* (patung-patung porselin). Oleh itu, disimpulkan bahawa kohesi merujuk kepada perhubungan yang wujud antara elemen-elemen dalam teks.

Walaupun terdapat pelbagai klasifikasi bagi kohesi, kajian ini hanya menggunakan pengklasifikasian yang diberikan oleh Halliday dan Hasan (1976). Menurut mereka, terdapat 2 jenis kohesi, iaitu **Kohesi Nahuan** dan **Leksikal**. Kohesi Nahuan terbahagi kepada **Rujukan, Penggantian, Konjungsi** dan **Ellipsis**. Kohesi Leksikal pula terbahagi kepada **Reiterasi** dan **Kolokasi**. Reiterasi dan Kolokasi dihadkan kepada aspek leksikal sahaja. Seterusnya ialah kategori kohesi seperti yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1976: 324) :

2.6.1 Kohesi Nahuan

1) **Rujukan** – Merupakan kata yang merujuk kepada satu elemen yang lain dalam ayat-ayat yang berurutan, dan berkait rapat dengan perhubungan semantik. Rujukan terbahagi kepada 3 jenis iaitu;

i) **Rujukan Personel** – Merupakan kata yang digunakan untuk merujuk Kata Ganti Diri Pertama.

Contohnya,

*I see **John** is here. **He** hasn't changed a bit.*
(*Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 38*)

Terjemahan:

*Saya melihat **John** di sini. **Dia** tidak berubah langsung.*

Dalam contoh di atas, '*dia*' (*he*) digunakan untuk merujuk kepada John.

ii) **Rujukan Demonstratif** – Merupakan kata yang digunakan untuk merujuk *article*.

Contohnya,

*A man crossed the street. Nobody saw what happened. Suddenly **the** man was lying there and calling for help.*

(*Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 38*)

Terjemahan:

*Seorang lelaki melintas jalan. Tiada sesiapa melihat apa yang berlaku. Tiba-tiba lelaki **itu** terjatuh dan meminta pertolongan.*

Dalam contoh di atas, '*the*' digunakan sebagai rujukan demonstratif yang merujuk kepada seorang lelaki.

- iii) **Rujukan Komparatif** - merupakan kata yang digunakan untuk merujuk kepada perbandingan sama ada persamaan atau perbezaan dalam ayat-ayat yang berurutan.

Contohnya,

Pada tahun lepas, musim kemarau bermula sejak bulan April. Pada tahun ini, diandaikan musim kemarau akan bermula pada bulan **seperti** pada tahun lepas.

Dalam contoh di atas, '**seperti**' digunakan untuk menunjukkan perhubungan Rujukan Komparatif secara perbandingan persamaan.

- 2) **Konjungsi** – Merupakan kata yang menunjukkan perhubungan tentang cara ayat-ayat atau klausa berurutan yang berhubung kait antara satu sama lain. Ini kebiasaannya diperoleh melalui penggunaan Konjungsi. Antara kesemua jenis kohesi yang utama, Kohesi Nahan Konjungsi merupakan jenis kohesi yang paling popular dalam penulisan (Witte, S. & Faighley, L.,1981). Menurut Halliday dan Hasan (1976) terdapat 4 jenis Kohesi Konjungsi iaitu Aditif, Adversatif, Kausal dan Temporal.

- i) **Aditif** – Merupakan kata yang berperanan memberi maklumat tambahan kepada topik yang diperkatakan melalui kordinasi dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*He no longer goes to school **and** is planning to look for a job.*
(*Discourse studies: an introductory textbook*, 1993: 38)

Terjemahan:

*Dia tidak lagi pergi ke sekolah **dan** bercadang untuk mencari satu pekerjaan.*

Dalam contoh di atas, '**dan**' (*and*) merupakan Konjungsi Aditif yang memberi maklumat tambahan kepada ayat sebelumnya.

- ii) **Adversatif** – Merupakan kata yang menunjukkan hubungan yang berlawanan dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*Raman merupakan seorang yang pintar, **tetapi** dia seorang yang pemaarah.*

Dalam contoh di atas, '**tetapi**' merupakan Konjungsi Adversatif yang menunjukkan hubungan yang berlawanan dengan ayat yang sebelumnya.

- iii) **Kausal** - Merupakan perkataan yang menunjukkan hubungan sebab dan akibat antara ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*He is not going to school today **because** he is sick.
(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 39)*

Terjemahan:

*Dia tidak pergi ke sekolah hari ini **kerana** dia tidak sihat.*

Dalam contoh di atas, '**kerana**' merupakan Adjektif Kausal yang menunjukkan perhubungan sebab dan akibat.

- iv) **Temporal** – Merupakan kata yang menunjukkan perkaitan masa dengan bahagian-bahagian ayat yang berurutan.

Contohnya,

***After** the car had been repaired, we were able to continue our journey.
(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 39)*

Terjemahan:

***Selepas** kereta itu sudah diperbaiki, kami dapat meneruskan perjalanan kami.*

Dalam contoh di atas, '**selepas**' (*after*) merupakan Konjungsi Temporal yang menunjukkan hubungan masa dalam ayat.

3) **Penggantian** – merupakan penggantian satu atau sekumpulan perkataan atau sebahagian ayat oleh satu perkataan '**palsu**'. Pembaca boleh membuat penggantian sebenar terhadap perkataan '**palsu**' ini mengikut kesinambungan teks. Terdapat 3 jenis Penggantian iaitu;

i) **Penggantian Nominal** – Merupakan kata yang menggantikan kata nama dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

These biscuits are stale. Get some fresh ones.
(*Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 37*)

Terjemahan:

*Biskut-biskut ini sudah lama. Dapatkan beberapa **yang baru**.*

Dalam contoh di atas, '**yang baru**' (*ones*) merupakan kata '**palsu**' yang menggantikan kata nama 'biskut' (*biscuits*).

ii) **Penggantian Verbal** - Merupakan kata yang menggantikan kata kerja dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

A: Have you called the doctor?
*B: I haven't **done** it yet, but I will **do** it.*
(*Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 37*)

Terjemahan:

A: Adakah kamu sudah memanggil doktor?
*B: Saya belum lagi **melakukannya**, tapi saya akan **berbuat begitu**.*

Dalam contoh di atas, '**melakukan**' (*done*) dan '**berbuat begitu**' (*do*) merujuk kepada kata yang telah menggantikan kata kerja '**memanggil doktor**' (*called the doctor*).

iii) **Penggantian Klausa** – Merupakan kata yang menggantikan klausa dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

A: Are they still arguing in there?

B: No, it just seems so.

(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 37)

Terjemahan:

A: Adakah mereka masih bertengkar di sana?

B: Nampaknya, tidak.

Dalam contoh di atas, '**tidak**' (*no*) merupakan kata yang telah menggantikan klausa '**adakah mereka masih bertengkar di sana?**'

4) **Ellipsis** – Merupakan perkataan atau bahagian suatu ayat yang digugurkan, dan berhubungan rapat dengan Penggantian. Ellipsis boleh diperjelaskan sebagai 'penggantian kosong'. Terdapat 3 jenis Elipsis iaitu:

i) **Nominal** – Merujuk kepada sebuah kata yang menggantikan kata nama dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*These **biscuits** are stale. **Those** are fresh.*

(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 38)

Terjemahan:

***Biskut-biskut** ini sudah lama. **Itu** baru.*

Dalam contoh di atas, '**biskut-biskut**' (*biscuits*) merupakan kata nama yang telah digugurkan dan digantikan dengan '**itu**' (*those*).

ii) **Verbal** – Merujuk kepada sebuah kata yang menggantikan kata kerja dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*He **participated in the debate**, but you **didn't**.*

(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 38)

Terjemahan:

*Dia **mengambil bahagian dalam debat**, tapi kamu **tidak**.*

Dalam contoh di atas, kata kerja '**mengambil bahagian dalam debat**' telah digugurkan.

iii) **Klausa** – Merujuk kepada sebuah kata yang menggantikan kata klausa dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*Who wants to go shopping? **You**?
(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 38)*

Terjemahan:

*Siapa nak pergi membeli belah? **Kamu**?*

Dalam contoh di atas, klausa '**siapa nak pergi membeli belah**' telah digugurkan dalam ayat yang kedua.

2.6.2 Kohesi Leksikal

Kohesi Leksikal merujuk kepada perhubungan leksikal dalam ayat. Kohesi Leksikal berbeza dari Kohesi Nahuan kerana setiap item leksikal berpotensi untuk berkoherensi tanpa sebarang maklumat item leksikal tersebut yang menjadikan sebuah ayat menjadi berkoherensi. Contohnya, jika kita melihat Kohesi Nahuan Rujukan, kita mungkin memerlukan pengetahuan atau pengalaman kita untuk memahami rujukan tersebut mengikut konteks ayat, iaitu apa yang ingin dirujuk oleh penulis. Keadaan yang sama juga bagi Kohesi Nahuan Konjungsi, iaitu pembaca terpaksa memahami perhubungan Konjungsi yang ingin disampaikan oleh penulis. Tetapi, Kohesi Leksikal hanya bergantung kepada beberapa 'kewujudan item leksikal yang mengikut urutan tertentu iaitu situasi kewujudan item-item leksikal' (Halliday & Hasan, 1976).

Kohesi Leksikal merupakan elemen yang utama yang berfungsi untuk menyatukan dua ayat dalam sebuah wacana. Menurut Halliday dan Hasan (1976), terdapat dua jenis Kohesi Leksikal, yaitu Kohesi Leksikal Reiterasi dan Kohesi Leksikal Kolokasi. Kohesi Leksikal Reiterasi terbagi kepada 4 jenis yaitu Pengulangan Sama Tepat, Sinonimi, Superordinat dan Kata Umum. Kohesi Leksikal Reiterasi kebiasaannya adalah senang untuk dikenal pasti dalam sebuah teks. Berikut merupakan contoh bagi setiap jenis Kohesi Leksikal Reiterasi:

1) Kohesi Leksikal Reiterasi – mewakili bukan sahaja Pengulangan tetapi juga Sinonimi. Reiterasi boleh juga wujud melalui penggunaan satu perkataan yang berhubung secara sistematik kepada yang sebelumnya. Sebagai contohnya, ‘muda’ dan ‘tua’. Keseluruhannya, Reiterasi terbagi kepada 4 jenis:

i) Pengulangan Sama Tepat - Merujuk kepada sebuah kata yang diulangi dalam sebuah ayat atau ayat yang berikutnya dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*A **conference** will be held on national environmental policy. At this **conference** the issue of salination will play an important role.*
(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 39)

Terjemahan:

*Satu **persidangan** akan diadakan tentang polisi alam sekitar. Dalam **persidangan** ini, isu pemasinan akan memainkan peranan yang penting.*

Dalam contoh di atas, ‘**persidangan**’ (*conference*) telah mengalami Pengulangan Sama Tepat, iaitu telah diulangi dalam ayat yang kedua.

ii) Pengulangan Kata Umum – Merupakan kata yang merujuk kepada perhubungan antara satu elemen dengan elemen lain yang lebih umum dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*At its six-month checkup, the **brakes** had to be repaired. In general, however, the **car** was in good condition.*

(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 39)

Terjemahan:

*Pada 6 bulan sekali pemeriksaan, kedua-dua **brek** harus diperbaiki. Keseluruhannya, **kereta** masih dalam keadaan yang baik.*

Dalam contoh di atas, ‘**brek**’ dan ‘**kereta**’ telah mengalami Pengulangan Kata Umum.

- iii) **Pengulangan Sinonimi** – Merujuk kepada kata yang diulangi dengan kata yang mempunyai maksud yang sama dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*A **conference** will be held on national environmental policy. This environmental **symposium** will be primarily a conference dealing with water.*

(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 39)

Terjemahan:

*Satu **persidangan** akan diadakan tentang polisi alam sekitar. **Simposium alam sekitar** ini akan berfokus kepada isu air.*

Dalam contoh di atas, ‘**persidangan**’ dan ‘**simposium**’ merupakan kata yang mempunyai hubungan sinonimi.

- iv) **Pengulangan Superordinat** – Merupakan kata yang merujuk kepada kelas kata umum (superordinat) dan sub kelas (hiponim) yang terkandung dalam ayat-ayat yang berurutan. Contohnya,

*We were in town today shopping for **furniture**. We saw a lovely **table**.*

(Discourse studies: an introductory textbook, 1993: 39)

Terjemahan:

*Kami pergi ke pekan hari ini untuk membeli **perabot**. Kami melihat sebuah **meja** yang cantik.*

Dalam contoh di atas, ‘**perabot**’ dan ‘**meja**’ merupakan kata yang mengalami pengulangan superordinat iaitu pertukaran kelas kata umum ke kelas kata yang lebih spesifik.

2) Kohesi Leksikal Kolokasi

Namun, tidak semua perhubungan leksikal boleh ditunjukkan dengan Kohesi Leksikal Reiterasi. Item leksikal yang tidak boleh dikategorikan di bawah Leksikal Reiterasi, dihimpun dalam satu lagi kategori yang dipanggil sebagai Kolokasi. Kolokasi bermaksud, ‘leksikal yang diperoleh melalui kesinambungan item leksikal yang selalu wujud bersama-sama’ (Halliday & Hasan, 1976). Kohesi Leksikal Kolokasi adalah jenis kohesi yang paling sukar untuk dianalisis kerana item leksikal yang berkolokasi selalunya wujud sama ada dalam bentuk Sinonimi, Sub-ordinat atau Item Umum (Witte, S., & Faighley, L., 1981). Walau apapun, yang penting ialah, item yang berkolokasi mestilah ‘berkongsi persekitaran leksikal yang sama’ (Halliday dan Hasan, 1976).

Contoh Kolokasi:

*The hedgehog **scurried** across the road. Its **speed** surprised me.*
(*Discourse studies: an introductory textbook*, 1993: 40)

Terjemahan:

*Landak kecil **bergegas** melintasi jalan. Saya terperanjat dengan **kelajuannya**.*

Dalam contoh di atas, ‘**bergegas**’ dan ‘**kelajuan**’ merupakan kata-kata yang berkolokasi kerana wujud bersama-sama dalam konteks yang sama.

Perhubungan Kolokasi dikatakan sukar untuk diperjelaskan berbanding Kohesi Leksikal Reiterasi (Tanskanen, S. 2004). Penyataan ini berdasarkan kepada hasil kajian para pengkaji yang selalunya tidak memasukkan analisis perhubungan Kolokasi. Item-item

yang berkolokasi sentiasa wujud dalam situasi yang sama kerana, item-item ini menerangkan benda atau perbuatan yang berlaku dalam situasi yang sama.

Kewujudan kohesi yang dibincangkan mengikut pengklasifikasian Halliday dan Hasan (1976) berkait rapat dengan koheren dalam sebuah teks (Widdowson, H.G. 2007).

2.7 Koheren

Menurut Reinhart, T. (1980), sebuah teks seharusnya menepati ketiga-tiga ciri teks iaitu penyambungan, konsistensi dan kerelevanan untuk menjadikannya koheren. Penyambungan (*connectedness*) merupakan keadaan linear ayat-ayat dalam teks. Ia memerlukan ayat-ayat dalam teks dihubungkan secara formal, di mana mengikut definisi Reinhart, T. (1980), setiap ayat yang berurutan sama ada dihubungkan secara rujukan atau penghubung semantik ayat. Konsistensi pula merupakan keadaan semantik yang memerlukan setiap ayat konsisten secara logik dengan ayat sebelumnya. Kerelevanan pula merupakan keadaan pragmatik yang membatasi bukan hanya perhubungan antara ayat, tetapi juga perhubungan antara ayat dan topik dan tema, tema wacana yang dibincangkan.

Oleh itu, konsep Reinhart, T. (1980) tentang koheren melibatkan ciri-ciri keadaan formal (*connectedness*), semantik (*konsistensi*) dan pragmatik (*kerelevanan*). Menurutnyanya, kesemua keadaan ini seharusnya wujud bersama-sama dalam sebuah teks untuk menjadikannya koheren. Tambah beliau, sungguhpun kohesi masih diperlukan, tetapi ia tidak mencukupi untuk kewujudan koheren dalam teks.

Menurut Tanskanen, S. (2004) pula, koheren bermaksud elemen yang tidak wujud dalam teks, tetapi merupakan hasil dialog antara sebuah teks dengan pembaca atau pendengar teks. Ini bermaksud, teks bertulis berkomunikasi dengan pembaca melalui kekoherenan teks tersebut yang mempengaruhi pemahaman pembaca.

Jones, J. (2007) pula berpendapat bahawa koheren merupakan kesinambungan idea dalam sesuatu teks dan hubung kait satu idea dengan idea lain melalui ayat-ayat. Jika dilihat daripada perspektif pembaca, koheren merupakan satu aspek yang menjadikan teks yang ditulis senang untuk dibaca dan mudah difahami (Wikborg, E. 1990). Koheren akan terjejas sekiranya penulis mengemukakan idea yang tidak berhubung kait dengan topik atau konteks (Wikborg, E. 1990).

Menurut Garrot, S., & Doherty, D. (1995) pula, koheren dalam teks menggambarkan cara ayat-ayat yang berbeza berhubung kait secara konsisten. Manakala Hellman, C. (1995) mengatakan bahawa koheren bukanlah sesuatu yang dicari oleh pembaca ketika membaca teks, malah pencarian koheren hanya bermula jika dan apabila proses pemahaman asas gagal.

Menurut Renkema, J. (1993), sebahagian kewujudan koheren bergantung kepada pemahaman pembaca. Tambah beliau, koheren merupakan ‘sesuatu’ perhubungan yang wujud disebabkan oleh sesuatu aspek luar dari teks. ‘Sesuatu’ yang dirujuk di sini kebiasaannya ialah, pengetahuan yang diandaikan oleh pembaca untuk memproses teks yang dibaca. Tambah beliau, suatu perenggan yang tidak berhubung kait dengan perenggan yang lain menjadi koheren apabila pembaca mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan tentang dunia luar. Sekiranya pembaca mengaplikasikan sedikit sebanyak pengetahuan dunia luar, maka teks yang dibaca menjadi lebih senang untuk difahami. Berikut merupakan contoh bagi menunjukkan kewujudan koheren tanpa penggunaan Konjungsi.

He is not going to school today. He is sick.
(*Discourse Studies : an introductory textbook, 1993:40*)

Terjemahan:

Dia tidak pergi ke sekolah hari ini. Dia tidak sihat.

Perhubungan antara kedua-dua contoh ayat di atas bergantung kepada pengetahuan seseorang, iaitu disebabkan tidak sihat memungkinkan seorang itu tidak dapat hadir ke sekolah. Berdasarkan kepada pengetahuan ini, seseorang pembaca boleh membuat satu perhubungan antara kedua-dua ayat tersebut. Oleh itu, koheren merupakan perhubungan yang berdasarkan pengetahuan yang ada dalam minda pembaca.

Walaupun taksonomi koheren berbeza mengikut pandangan masing-masing para pengkaji, namun dalam kajian ini, ciri-ciri koheren yang dicadangkan oleh Johnson, P. (1992) digunakan. Beliau berpendapat bahawa ciri-ciri koheren yang wujud dalam sebuah teks bertulis adalah seperti penghuraian isi yang tepat dengan tajuk, organisasi isi kandungan yang betul, gaya persembahan yang menarik serta penggunaan bahasa yang lancar seperti yang dicadangkan oleh Witte, S., & Faighley, L. (1981); Connor, U. (1984); Lindsay, D.B. (1985); Scarcella, M. (1984); Schneider, M. (1985). Johnson, P. (1992) berpendapat bahawa kualiti penulisan tidak bergantung semata-mata terhadap penggunaan kohesi sahaja seperti yang dikatakan oleh para pengkaji. Ini kerana, beliau mendapati bahawa perbezaan dalam kuantiti penggunaan kohesi serta organisasi idea dalam penulisan pelajar yang dijadikan sebagai garis panduan ketika mengkategorikan penulisan ‘baik’ atau ‘lemah’.

Ini mungkin disebabkan oleh beberapa sebab yang hanya difahami oleh penyemak sahaja. Antaranya ialah, mungkin disebabkan pembaca langsung tidak dapat mengenal pasti topik dalam penulisan atau kewujudan perubahan drastik dalam sesuatu topik yang dibincangkan. Selain itu, Johnson, P. (1992) juga berpendapat bahawa koheren terbantut apabila seorang pembaca mengalami masalah dalam mengenal pasti perhubungan secara logikal antara ayat-ayat yang berurutan. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa seorang

penulis seharusnya memastikan teks yang ditulisnya adalah jelas untuk dibaca oleh pembaca.

Selain itu, dalam kajian ini, jenis-jenis kelemahan koheren yang dikenal pasti oleh Wikborg, E. (1990) juga diaplikasikan. Beliau berpendapat jenis kelemahan koheren ini wujud apabila seorang pembaca hilang tumpuan atau tidak dapat memahami apa yang ditulis. Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa jenis kelemahan koheren ini memberi kesan kepada pembaca, iaitu membantutkan pemahaman pembaca terhadap sesuatu yang sedang dibaca.

2.8 Kohesi dan Koheren

Menurut Johnson, P. (1992), perhubungan yang wujud antara kohesi dan koheren dalam sebuah teks, kini merupakan satu persoalan yang sangat menarik perhatian para pengkaji. Tanskanen, S. (2004), menyimpulkan peranan kohesi berdasarkan kajiannya yang berkaitan dengan penggunaan penanda kohesi yang dikatakan penting dalam penyumbangan koheren, tetapi tidak penting mahupun tidak mencukupi bagi kewujudan koheren. Tambah beliau, kohesi hanya merupakan salah satu cara untuk melambangkan koheren dalam teks.

Kajian Khatijah (1997) juga membuktikan bahawa kohesi menyumbang kepada koheren dalam sebuah teks. Khatijah (1997) berpendapat bahawa kewujudan koheren dalam penulisan dapat dilihat dari segi ketepatan penggunaan kohesi yang membantu menjadikannya lebih koheren. Beliau juga mengatakan bahawa koheren dapat ditentukan oleh struktur keseluruhan semantik, kepadatan teks yang meliputi isi kandungan, organisasi dan gaya penulisan yang menepati tajuk. Khatijah (1997) juga mengatakan kewujudan beberapa kemungkinan terhadap kewujudan koheren iaitu:

- i) Karangan yang mengandungi jumlah kohesi yang mencukupi dan karangan yang baik dari segi organisasi isi kandungan, gaya penulisan yang bertepatan dengan tajuk merupakan karangan yang koheren.
- ii) Karangan yang tidak mengandungi jumlah kohesi yang mencukupi dan karangan yang lemah dari segi organisasi isi kandungan, gaya penulisan yang bertepatan dengan tajuk merupakan karangan yang tidak koheren.

Manakala, Widdowson, H. G. (2007) berpendapat bahawa kekohesifan sebuah teks bergantung pada penilaian penulis terhadap maksud yang bakal difahami oleh pembaca dengan mengaplikasikan sedikit sebanyak pengetahuan dunia luar. Menurut beliau, kohesi hanya berfungsi sebagai satu alat yang membantu mempertingkatkan pemahaman pembaca terhadap maksud yang disampaikan oleh penulis mengikut konteks-konteks tertentu. Dengan kata lain, kohesi yang wujud dalam sebuah teks membantu menghasilkan koheren dalam teks tersebut.

Johnson, P. (1992) pula berpendapat bahawa kualiti penulisan seseorang tidak dipengaruhi oleh penggunaan kohesi semata-mata. Mereka berpendapat bahawa kualiti penulisan seseorang dipengaruhi oleh penghuraian isi yang tepat dengan tajuk, organisasi isi kandungan yang betul, gaya persembahan yang menarik serta penggunaan bahasa yang lancar. Kesemua ciri yang mempengaruhi kualiti penulisan ini juga menjadi pengukur kepada kewujudan koheren dalam penulisan seseorang.

2.9 Aplikasi Analisis Kohesi dan Koheren dalam Penulisan Pelajar

Konsep kohesi dan koheren semakin menjadi perhatian pengkaji selepas penerbitan analisis kohesi oleh Halliday dan Hasan (1976). Kajian-kajian yang dilakukan menambah penjelasan yang sedia ada berkenaan aspek kohesi dan koheren.

Lieber, P.E. (1980) telah melakukan satu kajian deskriptif yang bertujuan mengkaji penggunaan kohesi dalam karangan mod pendedahan pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di New York Universiti. Beliau mendapati bahawa, penggunaan kohesi leksikal adalah lebih kerap berbanding dengan penggunaan kohesi nahan dalam penulisan responden kajian. Satu lagi dapatan Lieber, P.E. (1980) yang utama ialah peratus penggunaan kohesi yang konsisten dalam kesemua kategori karangan responden. Beliau juga mendapati bentuk-bentuk penggunaan kohesi adalah hampir sama dalam penulisan setiap individu pelajar. Selain itu, Lieber, P.E. (1980) juga mendapati kewujudan kesilapan penggunaan kohesi yang tidak mengikut proses gramatis bahasa Inggeris.

Witte, S., & Faighley, L. (1981) telah melakukan sebuah kajian dengan 10 karangan pelajar berdasarkan taksonomi kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976) dalam penulisan. Kajian mereka sebenarnya bertujuan untuk mengkaji kepenggunaan teori kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976). Karangan-karangan pelajar pada mulanya disemak dan dinilai mengikut sistem penilaian holistik oleh dua orang guru penyemak. Pengkaji telah memilih 5 karangan masing-masing daripada kategori cemerlang dan lemah. Kesemua karangan tersebut telah dianalisis oleh pengkaji mengikut bilangan dan jenis kohesi. Pengkaji mendapati bahawa hasil kajian mereka adalah sama dengan dapatan kajian yang dilaporkan oleh pengkaji-pengkaji yang lain iaitu karangan cemerlang mengandungi klausa yang lebih panjang, unit-unit T yang lebih panjang serta jumlah kesalahan sintaksis yang sedikit.

Jangkaan Witte, S., & Faighley, L. (1981) iaitu analisis kohesi dalam kedua-dua kategori karangan cemerlang dan lemah akan menampakkan sejumlah perbezaan, terbukti apabila wujudnya perbezaan penggunaan kohesi antara karangan yang baik dan lemah.

Dapatan kajian Witte, S., & Faighley, L. (1981) juga menunjukkan bahawa penulis yang berbakat lebih cenderung untuk menghasilkan pertalian kohesi yang lebih erat antara unit-T berbanding dengan penulis yang kurang berbakat. Hasil analisis Kohesi Rujukan dan Konjungsi mereka membuktikan pernyataan tersebut. Hasil dapatan mereka menunjukkan bahawa penggunaan Kohesi Rujukan dalam karangan cemerlang jauh lebih tinggi khususnya Rujukan Personel Diri Ketiga berbanding karangan lemah. Ini kerana, penulis yang kurang berbakat cuba untuk mengelakkan kesalahan seperti memberikan Rujukan Personel yang samar (Witte, S., & Faighley, L. 1981).

Dapatan Witte, S., & Faighley, L. (1981) juga menunjukkan bahawa karangan cemerlang mempunyai kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi secara lebih kerap berbanding dengan karangan yang lemah. Juga didapati bahawa, karangan yang cemerlang mengandungi kesemua jenis Kohesi Nahuan dan Leksikal berbanding dengan karangan yang lemah. Akhirnya, mereka mendapati bahawa kekerapan Kohesi Leksikal menunjukkan bahawa karangan cemerlang mempunyai penjelasan serta hubung kait idea yang lebih baik berbanding dengan karangan yang lemah.

Namun Witte, S., & Faighley, L., (1981) tidak berpuas hati dengan hanya membuat analisis kohesi, kerana masih terdapat beberapa soalan yang tidak dapat dijawab seperti kualiti penulisan. Ini kerana, kualiti penulisan tidak semata-mata bergantung pada analisis kohesi sahaja, malah faktor-faktor luaran teks seperti tujuan penulisan, medium wacana dan pengetahuan pembaca terhadap teks tersebut turut mempengaruhi kualiti penulisan seseorang.

Manakala, Hoey, M. (1983) telah mengkaji kohesi dan koheren daripada sudut perhubungan klausa, iaitu pengulangan mudah dan kompleks. Kajian Hoey, M. ditumpukan kepada analisis wacana pertuturan. Analisis yang dilakukan oleh Hoey, M.

lebih menekankan aspek perkaitan semantik leksikal. Penelitian ini berbeza dengan analisis Halliday dan Hasan (1976) yang menyentuh aspek perkaitan semantik nahuan.

Berkenaan dengan kewujudan koheren yang meningkatkan kualiti penulisan seseorang, Wikborg, E. (1990) telah menjalankan sebuah kajian dengan tujuan untuk memberi definisi koheren dan mengenal pasti jenis kesalahan koheren yang paling kerap wujud dalam penulisan pelajar. Sampel kajian beliau terdiri daripada 144 penulisan pelajar yang terdiri dari 5 jabatan yang berlainan. Beliau telah mengenal pasti 11 jenis kelemahan yang membantutkan kewujudan koheren yang digolongkan ke dalam 2 kategori yang umum iaitu masalah pembentukan topik dan kesukaran penggunaan kohesi.

Wikborg, E. (1990) mengatakan bahawa antara 11 jenis kelemahan yang dikenal pasti, kelemahan hubungan inferens yang tidak tentu mencatat kekerapan paling tinggi dan diikuti pembahagian pemerenggan yang tidak betul. Kebanyakan kelemahan pembahagian perenggan yang dikenal pasti dalam kajian beliau didapati berlaku pada tahap topik ayat. Pada keseluruhannya, beliau mendapati responden kajiannya tidak mengalami kesukaran dalam menunjukkan pembahagian topik ayat dalam perenggan, tetapi bermasalah dalam menunjukkan perhubungan antara sub-topik dalam satu perenggan. Beliau juga berpendapat bahawa sub-topik seharusnya jelas agar dapat menghasilkan sebuah teks yang dapat difahami dengan mudah oleh pembaca. Wikborg, E. (1990) juga merumuskan bahawa kesemua 11 jenis kelemahan koheren yang dikenal pasti olehnya didapati memberi kesan kepada pembaca, di mana ia mengganggu proses pemahaman pembaca.

Johnson, P. (1992) telah melakukan satu kajian bagi mengkaji kewujudan kohesi dalam penulisan ekspositori bahasa Melayu dan Inggeris yang ditulis oleh kedua-dua penutur asli dan penutur bukan asli bahasa-bahasa tersebut. Data kajian beliau dianalisis

berdasarkan kepada penilaian holistik agar dapat mengkategorikan hasil penulisan pelajar sama ada baik atau lemah dari segi kualiti. Beliau menganalisis penggunaan kohesi berdasarkan pengklasifikasian Halliday dan Hasan (1976) berserta pengaplikasian ujian-T.

Hasil kajian Johnson, P. (1992) menunjukkan bahawa penulisan yang baik mengandungi penghuraian yang terperinci, bahasa yang lancar dan juga pendapat seorang penulis. Beliau juga mendapati bahawa penulisan yang baik mengandungi penggunaan kohesi yang jauh lebih tinggi berbanding dengan penulisan yang lemah. Selain itu, beliau mendapati bahawa wujud perbezaan yang ketara dari segi organisasi kandungan dalam penulisan yang baik dan lemah. Analisis kajian beliau menunjukkan bahawa walaupun definisi topik dapat dilihat dalam kedua-dua penulisan yang baik dan lemah, koheren hanya wujud dalam karangan yang baik. Ini kerana, dalam karangan lemah definisi tidak dihadkan dalam perenggan pendahuluan seperti yang dilakukan dalam penulisan yang baik. Dengan kata lain, kualiti penulisan seseorang bukan semata-mata bergantung terhadap penggunaan kohesi tetapi, bergantung pada kewujudan koheren dalam penulisan tersebut.

Chan (1994) telah melakukan satu kajian terhadap hasil korpus penulisan 10 orang pelajar dengan tujuan untuk mengkaji apa yang menjadikan teks pelajar menjadi lebih koheren. Pada mulanya, pengkaji mengkaji kewujudan koheren dalam penulisan pelajar kerana beliau berpendapat bahawa kohesi ialah salah satu faktor yang menyumbang koheren. Pengkaji juga mengkaji strategi yang digunakan oleh pelajar untuk mencapai koheren yang menjadikan teks yang ditulis kelihatan lebih padat. Oleh itu, bagi mengkaji strategi pelajar, Chan mengandaikan koheren sebagai sesuatu elemen yang wujud dalam minda pembaca dan penulis secara semula jadi. Beliau juga berpendapat bahawa koheren meliputi konteks, fungsi teks dan hubungan sosial pembaca.

Khatijah (1997) telah melakukan satu kajian untuk melihat penggunaan kohesi dan koheren dalam karangan bahasa Melayu pelajar Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah. Responden kajian beliau terdiri daripada 82 orang pelajar, dari pelbagai faktor latar belakang yang menghasilkan sejumlah 328 karangan naratif, pendedahan, perbincangan dan pujukan. Data yang diperoleh telah dianalisis mengikut 5 faktor belakang responden, iaitu aliran sains dan sastera, kumpulan etnik Melayu dan bukan Melayu, gender lelaki dan perempuan, pencapaian akademik tinggi dan rendah bahasa Melayu dalam peperiksaan PMR dan sikap pelajar.

Khatijah mendapati bahawa karangan kategori baik bagi keempat-empat mod penulisan mempunyai penggunaan kohesi yang lebih banyak berbanding dengan karangan yang lemah. Manakala, bagi analisis koheren Khatijah mendapati bahawa karangan yang baik juga karangan yang mengandungi bilangan kohesi yang jauh lebih tinggi dan lebih koheren. Manakala, karangan yang lemah adalah sebaliknya.

Jones, J. (2007) telah melakukan satu kajian tentang kemahiran penulisan teks yang koheren. Beliau mendapati bahawa kedua-dua kumpulan responden kajian, iaitu kumpulan yang terdiri dari penutur asli dan kumpulan bukan penutur asli bahasa Inggeris masing-masing telah menghasilkan teks yang tidak koheren. Beliau merumuskan bahawa tidak semestinya penutur asli sesuatu bahasa akan dapat menghasilkan penulisan yang koheren.

Berdasarkan kepada kajian-kajian ini, didapati bahawa sebuah teks yang berkohesi juga merupakan teks yang berkoheren. Ini juga bererti penggunaan kohesi berkait rapat koheren dalam penulisan seseorang.

2.10 Penutup

Berdasarkan kajian kepustakaan yang dipaparkan seperti di atas kajian ini menganalisis penggunaan kohesi dan koheren yang diterapkan dalam korpus karangan bahasa Tamil pelajar Tingkatan 6 dan pengkaji telah merangka metodologi kajian ini yang dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membicarakan secara terperinci tentang kerangka teoritis, reka bentuk, responden, instrumen, prosedur pengumpulan dan penganalisan data kajian ini.

3.2 Kerangka Teoritis Kohesi

Dalam kajian ini kohesi dikategorikan sebagai satu elemen yang memperlihatkan perhubungan semantik yang rapat yang wujud dalam sebuah teks (Van Dijk, T.A. 1977). Oleh itu, pengkaji menggunakan pengklasifikasian kohesi yang diusulkan oleh Halliday dan Hasan (1976) dalam menganalisis perkaitan semantik yang wujud dalam karangan responden. Kohesi yang diusulkan oleh Halliday dan Hasan (1976) dalam bukunya *Cohesion in English* meliputi Kohesi Mekanikal dan Leksikal.

Pengklasifikasian yang dibuat oleh Halliday dan Hasan (1976) ini telah diubahsuakan oleh pengkaji dengan berpanduan kepada Agesthalingom (2002) agar dapat digunakan dalam konteks bahasa Tamil. Berikut ialah penjelasan yang terperinci tentang pengklasifikasian kohesi bahasa Tamil yang dalam kajian ini.

3.3 Kohesi Nahuan

Kohesi Nahuan terbahagi kepada Kohesi Nahuan Rujukan, Kohesi Nahuan Penggantian, Kohesi Nahuan Elipsis dan Kohesi Nahuan Konjungsi.

(a) Kohesi Nahuan Rujukan

Seperti dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa Tamil turut terdapat 3 jenis Kohesi Nahuan Rujukan iaitu:

- (i) Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Personel
- (ii) Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Demonstratif
- (iii) Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Komparatif

(i) Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Personel

Kategori ganti nama dalam bahasa Tamil diperjelaskan dalam jadual berikut :

Jadual 3.1

Ganti Nama Diri Pertama (diadaptasikan – Agesthialingom, 2002)

Ganti Nama Diri Pertama			
Termasuk Diri Pendengar (<i>inclusive</i>)		Kecuali Diri Pendengar (<i>exclusive</i>)	
Tunggal	Jamak	Tunggal	Jamak
	[<i>na:m</i>] (kita)	[<i>na:n</i>] (saya)	[<i>na:ṇka!</i>] (kami)
	[<i>nam</i>] (<i>ours</i>)	[<i>tan</i>] (nya)	

Jadual 3.2

Ganti Nama Diri Kedua(diadaptasikan – Agesthialingom, 2002)

Ganti nama diri kedua [<i>munnilai</i>]- pendengar				
Manusia (Tunggal & Jamak)				
Biasa	Tunggal & Formal		Jamak & Formal	
[<i>ni:</i>] (awak)	[<i>ni:r</i>] (anda)	[<i>ni: ñkaʎ</i>] (anda)	[<i>ta: ñkaʎ</i>] (anda)	[<i>ni: ñkaʎ</i>] (anda)
[<i>un</i>] (kamu)	[<i>um</i>] (anda)	[<i>unkaʎ</i>] (anda)	[<i>ta:ñkaʎ</i>] (anda)	[<i>unkaʎ</i>] (anda)

Jadual 3.3

Ganti Nama Diri Ketiga (diadaptasikan – Agesthialingom, 2002)

Ganti nama diri ketiga				
Kategori	Bilangan	Jantina	Jarak	
Manusia	Tunggal	Lelaki	Jauh	[<i>avan</i>] (dia-lelaki-biasa)
			Dekat	[<i>ivan</i>] (dia-lelaki-biasa)
		Perempuan	Jauh	[<i>avaʎ</i>] (dia-perempuan-biasa)
			Dekat	[<i>iva ʎ</i>] (dia-perempuan- biasa)
		Lelaki / Perempuan	Jauh	[<i>avar</i>] (beliau-formal)
			Dekat	[<i>ivar</i>] (beliau-formal)
	Jamak	Lelaki	Jauh	[<i>avarkaʎ</i>] (mereka- formal&tidak formal)
		Perempuan	Dekat	[<i>ivarkaʎ</i>] (mereka- formal&tidak formal)
Haiwan	Tunggal		Jauh	[<i>atu</i>] (itu)
			Dekat	[<i>itu</i>] (ini)
	Jamak		Jauh	[<i>avai/avaikaʎ</i>] (ia)
			Dekat	[<i>ivai/ivaikaʎ</i>] (ia)

(ii) Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Demonstratif

Berikut ialah Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Demonstratif dalam bahasa Tamil:

Jadual 3.4
Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Demonstratif

(i)Rujukan Ganti Nama Demonstratif	[<i>itu</i>] (ini – <i>this</i>), [<i>ivai</i>] (ini- jamak, dekat – <i>these</i>), [<i>atu</i>] (itu, jauh – <i>that</i>) dan [<i>avai</i>] (itu-jamak, jauh – <i>those</i>)
(ii) ‘ <i>Definite article</i> ’	[<i>anta</i>] (far, <i>the</i>), [<i>inta</i>] (<i>near,the</i>), [<i>o:r</i>] (<i>an</i>), [<i>oru</i>] (<i>a</i>)

(iii) Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Komparatif

Rujukan Komparatif yang terdapat dalam bahasa Tamil ialah [*atu po:la*] (seperti/*same as*), [*atai viṭa*] (*more or less*) dan [*ve:ru*] (selain/*else*).

b) Kohesi Nahuan Konjungsi

Bahasa Tamil juga mempunyai Kohesi Nahuan Konjungsi iaitu [*iṭaicorkal*]. Walaupun, dalam bahasa Tamil terdapat beberapa jenis Konjungsi, namun dalam kajian ini jenis-jenis Konjungsi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976) sahaja dianalisis. Jadual seterusnya menunjukkan Konjungsi dalam bahasa Tamil.

Jadual 3.5
Konjungsi dalam Bahasa Tamil

(i) Aditif	[<i>um/marrum</i>] (dan), [<i>innum</i>], [<i>me:lum</i>] (tambahan pula) dan [<i>a:kaiya:l</i>], [<i>enave:</i>], [<i>atana:l</i>], [<i>aa:ka</i>] (oleh itu)
(ii) Adversatif	[<i>a:na:l</i>], [<i>a:na:lum</i>] (tetapi), [<i>irunta:lum</i>] (namun), [<i>ma:ra:ka</i>] (otherwise) dan [<i>a:yinum</i>], [<i>eninum</i>] (walaupun).
(iii) Kausal	[<i>atana:l</i>], [<i>itana:l</i>] (oleh itu), [<i>a:kaiya:l</i>], [<i>a:tala:l</i>], [<i>a:ka</i>] (oleh yang demikian) dan [<i>enave:</i>] (maka)
(iv) Temporal	[<i>atan piraku</i>], [<i>appuram</i>] (selepas itu), [<i>itarkku mun</i>] (sebelum ini), [<i>irutiya:ka</i>] (akhirnya), [<i>a:tutata:ka</i>], [<i>piraku</i>] (next), [<i>appo:tu</i>] (pada ketika itu), [<i>ippo:tu</i>], [<i>tarcamayam</i>] (kini), [<i>eppo:ta:vatu</i>], [<i>eppo:te:num</i>], [<i>eppo:ta:kilum</i>] dan [<i>eppo:ta:yinum</i>] (bila-bila pun)

(c) Kohesi Nahuan Penggantian

Berikut ialah Kohesi Nahuan Penggantian dalam bahasa Tamil.

Jadual 3.6
Penggantian dalam Bahasa Tamil

(i) Nominal	[<i>avarril onru</i>], (salah satu), [<i>atil onru</i>] (antaranya), [<i>ivvirantum</i>] (kedua-duanya), [<i>anku</i>] (di sana), [<i>inku</i>] (di sini), [<i>appa:ti</i>] (begitu), [<i>ippa:ti</i>] (begini), [<i>appo:tu</i>] (ketika itu), [<i>anne:ram</i>] (masa itu), [<i>ava!</i>] (dia-perempuan-jauh), [<i>iva!</i>] (dia-perempuan-dekat), [<i>avan</i>] (dia-lelaki-jauh), [<i>ivan</i>] (dia-lelaki-dekat), [<i>avarka!</i>] (mereka-jauh), [<i>ivarka!</i>] (mereka-dekat), [<i>atu</i>] (itu-jauh) dan [<i>itu</i>] (ini-dekat).
(ii) Verbal	[<i>appa:ti</i>] (begitu), [<i>ivva:ru ceivata:l</i>] (berbuat demikian), [<i>atan vali</i>] (dengan itu), [<i>itan vali</i>] (dengan ini), [<i>itana:l</i>] (oleh sebab ini), [<i>atana:l</i>] (oleh sebab itu), [<i>ivva:ru</i>] (begini), [<i>avva:ru</i>] (begitu), [<i>atan atipadaiyil</i>] (berpandukan itu) dan [<i>itan atipadaiyil</i>] (berpandukan ini).
(iii) Klausa	[<i>appadita:n</i>] (begitulah), [<i>illai</i>] (bukan/tidak), [<i>a:m</i>], [<i>a:ma:m</i>] (ya/betul) dan [<i>irukkala:m</i>] (mungkin).

d) Kohesi Nahan Elipsis

Berikut ialah Kohesi Elipsis dalam bahasa Tamil.

Jadual 3.7
Elipsis dalam Bahasa Tamil

(i) Elipsis Nominal	<p>Pengguguran yang berlaku dalam sebuah kata atau frasa nama.</p> <p>[<i>na:n ne:rru puttakam va:nkine:n. atu me:cai mi:tu ullatu.</i>]</p> <p>Saya beli buku semalam. Ia ada di atas meja.</p>
(ii) Elipsis Verbal	<p>Kehilangan keseluruhan atau sebahagian frasa kerja.</p> <p>[<i>avanta:n po:ttiyil verrip perra:n, na:n illai.</i>]</p> <p>Dia menang dalam pertandingan, saya tidak.</p>
(iii) Elipsis Klausa	<p>Kehilangan keseluruhan atau sebahagian klausa. Wujud dalam bentuk soal jawab.</p> <p>[<i>ya:r anta atirshaca:li? ni:ya?</i>]</p> <p>Siapa yang bertuah itu? Kamu?</p>

3.3.2 Kohesi Leksikal

Kohesi Leksikal terdiri daripada dua jenis iaitu Reiterasi dan Kolokasi.

(a) Kohesi Leksikal Reiterasi

Berikut ialah Kohesi Leksikal Reiterasi dalam bahasa Tamil:

Jadual 3.8
Reiterasi dalam Bahasa Tamil

(i) Sama Tepat	<p>Pengulangan kata yang mempunyai kata dasar yang sama.</p> <p>[<i>na:ṇ ne:r<u>r</u>u puttaka kaṇka:ṭcikku ce<u>n</u>re:ṇ. anta puttaka kaṇka:ṭciyil niraia puttakaṇka! va:ṇki<u>n</u>e:ṇ.]</i></p> <p>Saya pergi ke pameran buku semalam. Saya telah membeli banyak buku di pameran buku itu.</p>
(ii) Sinonim	<p>Pengulangan kata yang mempunyai maksud yang sama.</p> <p>[<i>su:riya<u>n</u> ka:laiyil utikkum. katirava<u>n</u> ki<u>l</u>akkuc tica<u>i</u>til utikkum.]</i></p> <p>Matahari terbit pada waktu pagi. Matahari terbit di arah timur.</p>
(iii) Superordinat	<p>Pengulangan kata dari yang lebih umum kepada yang lebih spesifik yang dipanggil [<i>ci<u>r</u>appupeyar</i>].</p> <p>[<i>eṇ vi:ṭṭil niraia va:ci<u>p</u>pu puttakaṇka! u<u>l</u>la<u>n</u>a. avar<u>r</u>il perumba:la:ṇavai kataip puttakaṇka!]</i></p> <p>Saya ada pelbagai jenis buku bacaan di rumah. Kebanyakan daripadanya ialah buku cerita.</p>
(iv) Kelas Kata Umum	<p>Pengulangan kata dari yang lebih spesifik kepada yang lebih umum yang dipanggil [<i>po<u>t</u>uppeyar</i>].</p> <p>[<i>appa:vukku iratta kotippu u<u>l</u>latu. avar ovvoru ma:ta<u>m</u>um inno:yu<u>k</u>ka:ṇa paroco:ta<u>n</u>aic ceyva:r.]</i></p> <p>Bapa ada darah tinggi. Dia menjalani pemeriksaan penyakit ini setiap bulan.</p>

(b) Kohesi Leksikal Kolokasi

Kohesi Leksikal kolokasi merupakan item daripada kumpulan medan semantik yang sama ataupun yang berlawanan. Ia merupakan kata dalam satu medan yang sama.

3.4 Kerangka Teoritis Koheren

Analisis ciri-ciri koheren dalam setiap kategori karangan (baik, sederhana, lemah dan sangat lemah) dilakukan berdasarkan ciri-ciri koheren yang diklasifikasikan oleh Johnson, P. (1992) iaitu penghuraian isi yang tepat dengan tajuk, organisasi isi kandungan yang betul, gaya persembahan yang menarik serta penggunaan bahasa yang lancar. Jenis kelemahan koheren pula ditentukan berpandukan kepada jenis kelemahan koheren yang diadaptasi daripada Wikborg, E. (1990) dan diubahsuai oleh pengkaji setelah berbincang dengan penyelia.

3.5 Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal serta kewujudan koheren dalam karangan bahasa Tamil yang ditulis oleh pelajar Tingkatan 6. Pengkaji menggunakan kaedah campuran dalam kajian ini, iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif yang mudah. Kaedah kualitatif digunakan untuk membuat penghuraian deskriptif tentang ciri-ciri koheren dalam setiap kategori karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah. Selain itu, kaedah kualitatif juga digunakan untuk menghuraikan jenis-jenis kelemahan koheren yang dilakukan oleh responden. Manakala, kaedah kuantitatif mudah digunakan untuk menentukan kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan ekspositori yang dihasilkan oleh responden kajian ini. Kaedah kuantitatif mudah juga digunakan untuk membuat perbandingan peratus kekerapan setiap Kohesi

Nahuan dan Leksikal antara kategori karangan yang baik, sederhana, lemah dan sangat lemah. Seterusnya kaedah kuantitatif mudah juga digunakan untuk menilai kewujudan korelasi antara gred dan bilangan Kohesi Nahuan dan Leksikal dengan menggunakan perisian SPSS. Akhirnya, kaedah kuantitatif mudah juga digunakan untuk menentukan kekerapan jenis kelemahan koheren dalam karangan responden kajian.

3.6 Variabel Kajian

Kajian ini mengandungi variabel-variabel seperti berikut :

3.6.1 Variabel Bersandar

Variabel bersandar merupakan situasi atau kuantiti yang mengalami perubahan disebabkan oleh variabel bebas. Dalam kajian ini, variabel bersandar ialah jumlah kohesi yang digunakan oleh responden dalam setiap karangan dan pencapaian gred karangan.

3.6.2 Variabel Bebas

Variabel bebas merupakan situasi atau kuantiti yang menyebabkan perubahan kepada variabel bersandar. Dalam kajian ini variabel bebas ialah hasil penulisan responden yang berkohesi dan berkoheren. Ini kerana, hasil penulisan responden yang berkohesi dan berkoheren menyebabkan perubahan dalam jumlah penggunaan kohesi dan juga pencapaian gred karangan.

3.6.3 Variabel yang dikawal

Variabel yang dikawal merupakan situasi atau kuantiti atau kualiti yang dikekalkan dalam keadaan yang sama sepanjang kajian. Dalam kajian ini terdapat beberapa variabel yang dikawal seperti berikut :

3.6.3.1 Genre Karangan

Genre karangan yang dipilih merupakan karangan jenis ekspositori. Karangan ekspositori dipilih kerana pengkaji mendapati kekerapan karangan jenis ini dalam soalan tahun-tahun lepas bahasa Tamil STPM adalah paling tinggi berbanding jenis karangan yang lain.

3.6.3.2 Tajuk Karangan

Kesemua responden kajian diminta untuk menulis karangan bagi satu tajuk yang diberikan oleh pengkaji dan tiada pilihan lain. Tajuk karangan dipilih hasil perbincangan dengan dua orang guru penyemak untuk memastikan bahawa tajuk tersebut masih terdapat dalam sukatan pelajaran. Kedua-dua orang guru penyemak adalah guru terlatih yang berijazah dan bertaraf tetap serta mempunyai pengalaman sebagai penyemak karangan pada peringkat STPM. Pengkaji juga telah berbincang dengan penyelia untuk meneliti tahap kesukaran tajuk.

3.6.3.3 Isi-isi karangan

Isi-isi yang relevan telahpun dibincangkan bersama dengan penyelia untuk memastikan kesahihan isi ujian karangan. Responden dikehendaki menggunakan sepenuhnya isi-isi yang dibincangkan oleh pengkaji, tetapi dengan gaya bahasa yang tersendiri.

3.6.3.4 Tempoh Masa

Responden diberikan tempoh masa maksimum selama 1 jam 15 minit untuk menghabiskan hasil penulisan mereka. Tempoh masa ini diberikan berdasarkan format STPM yang diagihkan mengikut formula berikut:

$$\frac{\text{Peruntukan markah bagi karangan (40\%)} \times \text{Jumlah masa bagi kertas 1 (180 Min)}}{\text{Jumlah markah keseluruhan kertas 1 (100\%)}}$$

Para responden diingatkan 15 minit sebelum tamat ujian karangan. Tiada masa tambahan yang diberikan.

3.6.3.5 Jumlah Patah Perkataan

Jumlah patah perkataan telah dikawal, iaitu responden dikehendaki menghasilkan sebuah karangan yang tidak melebihi 450-500 patah perkataan agar membolehkan pengkaji memperoleh satu korpus data yang sama rata untuk dianalisis.

3.7 Responden Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 36 orang pelajar Tingkatan 6 Atas yang mengambil mata pelajaran bahasa Tamil sebagai salah satu mata pelajaran elektif pada peringkat STPM. Kesemua responden dipilih dengan kaedah pemilihan persampelan bertujuan. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih kesemua pelajar Tingkatan 6 dari sebuah pusat tuisyen.

Kesemua responden kajian berasal dari sekolah menengah kerajaan yang berbeza-beza dan juga dari daerah-daerah negeri Perak yang berlainan. Namun, kesemua responden

kajian menghadiri kelas bahasa Tamil di sebuah pusat tuisyen di bandar raya Ipoh. Kelas bahasa Tamil ini diadakan setiap minggu selama 2 jam.

Bahasa ibunda 28 orang responden ialah bahasa Tamil kecuali dua orang responden berbahasa Malayalam. Responden kajian juga mempunyai latar belakang pendidikan sekolah rendah yang sama iaitu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, SJKT selama 6 tahun yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.

Satu korpus bahasa yang terdiri daripada mod wacana penulisan ekspositori yang dihasilkan oleh setiap responden kajian ini dijadikan sebagai data kajian untuk digunakan menganalisis kohesi dan koheren.

3.8 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen kajian seperti berikut :

3.8.1 Ujian Karangan

Setiap responden dikehendaki untuk menulis sebuah karangan berpandukan kepada tajuk ujian karangan yang telah diedarkan (Lampiran I). Selain itu, responden juga diberi isi-isi karangan yang sepatutnya digunakan dalam penulisan mereka (Rujuk Lampiran II).

3.9 Pengumpulan Data

Sampel wacana kajian ini diperoleh dari satu sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sebuah pusat tuisyen yang terdapat di bandar raya Ipoh. Ujian karangan dilakukan pada 11 Mac 2010 di pusat tuisyen tersebut. Responden dikumpulkan di dalam sebuah kelas dan kedudukan pelajar disusun mengikut senarai nama yang dibekalkan oleh guru pusat tuisyen. Meja responden dijauhkan dari satu sama lain untuk

mengelakkan perbincangan ketika menulis ujian karangan. Ujian karangan ini dimulakan pada pukul 12.40 tengah hari dan tamat pada pukul 1.55 tengah hari.

Sebelum responden menulis karangan, pengkaji telah menerangkan tajuk karangan serta isi-isi yang relevan dengan tajuk. Langkah ini bertujuan untuk mengelak kewujudan perbezaan jenis isi mahupun kuantiti isi yang ditulis oleh responden kajian. Dengan mengawal jumlah dan jenis isi, pengkaji dapat melihat penguasaan gaya bahasa sebenar responden.

Kesemua karangan responden yang dikutip selepas ujian karangan dilabelkan dari K1-K36. Borang butiran responden yang mengandungi butiran responden disimpan oleh pengkaji sebelum salinan karangan dibuat untuk diedarkan kepada para penyemak. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan kewujudan situasi berat sebelah dalam kalangan guru penyemak ketika memberi penilaian kepada karangan responden.

Setiap orang guru penyemak diberi satu fail masing-masing yang mengandungi 36 salinan karangan responden yang telah pun dilabel oleh pengkaji. Bersama-sama dengan ini, diedarkan Panduan Rujukan Kriteria seperti dalam Lampiran III. Amnya, kedua-dua orang guru penyemak diminta untuk memberikan penilaian secara holistik bagi setiap karangan responden.

3.10 Analisis Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa peringkat analisis seperti berikut:

3.10.1 Moderasi Panduan Rujukan Kriteria

Setelah berbincang dengan penyelia, pengkaji mendapati bahawa tiada sebarang skema pemarkahan holistik pada peringkat STPM seperti yang sedia ada pada peringkat SPM. Ini kerana, pada peringkat STPM bagi mata pelajaran bahasa Tamil (bahagian karangan) hanya terdapat skema pemarkahan analitikal (Rujuk Lampiran IV). Dalam panduan pemarkahan holistik, pemeriksa menilai karangan pelajar secara keseluruhan berdasarkan kepada beberapa kriteria yang ditentukan lebih awal seperti pendahuluan, bahasa, pengolahan dan penutup. Manakala, dalam proses pemarkahan analitikal pemeriksa menilai karangan pelajar dengan memberi markah dengan menghitung bilangan isi utama, isi sampingan, kesalahan tatabahasa dan pengolahan.

Oleh itu, setelah berbincang dengan penyelia, pengkaji mendapati bahawa skema panduan holistik adalah lebih sesuai digunakan seperti yang telah digunakan oleh Witte, S., & Faighley, L (1981), Johnson, P. (1992), Khatijah (1997), Meurer, J. (2003) dan Olateju, M. (2006). Sehubungan dengan itu, pengkaji serta penyelia berbincang bersama untuk menghasilkan satu panduan pemarkahan holistik iaitu Panduan Rujukan Kriteria (*Criterion Reference Banding Guide*).

Dalam panduan ini, pengkaji menggunakan kriteria-kriteria yang terdapat dalam panduan pemarkahan analitikal STPM yang sedia ada iaitu pendahuluan, isi, pengolahan, bahasa dan penutup. Pengkaji mengkategorikan panduan ini kepada 4 kategori iaitu baik, sederhana, lemah dan sangat lemah berdasarkan markah yang diperuntukkan dalam panduan pemarkahan analitikal STPM yang sedia ada.

Panduan Rujukan Kriteria yang dihasilkan ini digunakan untuk menyemak kesemua karangan responden kajian dan seterusnya mengkategorikan karangan tersebut mengikut kategori (baik, sederhana, lemah atau sangat lemah).

Pada peringkat awal, Panduan Rujukan Kriteria yang digunakan oleh pengkaji serta dua orang guru penyemak diselaraskan bagi tujuan moderasi melalui perbincangan. Langkah ini bertujuan untuk mewujudkan penyemakan dan penilaian karangan responden yang selaras.

3.10.2 Penyemakan Karangan

Pada peringkat kedua, kesemua karangan responden dibaca sekurang-kurangnya 2 kali oleh pengkaji dan dua orang guru penyemak. Seterusnya, pengkaji serta dua orang guru penyemak menyemak kesemua karangan itu secara berasingan. Setelah selesai proses penyemakan karangan, kesemua karangan dikutip semula oleh pengkaji. Pengkaji menjumlahkan ketiga-tiga markah yang diberikan dua orang penyemak serta pengkaji bagi satu karangan dan membahagikannya dengan tiga untuk menghitung purata markah. Purata markah ini digunakan untuk menentukan tahap karangan sama ada baik, sederhana, lemah atau sangat lemah. Penentuan ini dibuat berdasarkan Panduan Rujukan Kriteria yang dihasilkan oleh pengkaji.

3.10.3 Analisis Kohesi

Dalam proses penganalisan kohesi, segala kesalahan ejaan, morfologi dan sintaksis telah diabaikan. Analisis Kohesi Nahuhan dan Leksikal dilakukan dengan menentukan kekerapan penggunaan Kohesi Nahuhan dan Leksikal yang digunakan. Seterusnya, analisis penggunaan Kohesi Nahuhan dan Leksikal secara terperinci bagi setiap kategori karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah dilakukan. Setelah

menganalisis penggunaan Kohesi Nahan dan Leksikal secara terperinci bagi setiap kategori karangan yang baik, sederhana, lemah dan sangat lemah, kewujudan korelasi antara gred dan bilangan Kohesi Nahan dan Leksikal dilakukan. Bagi tujuan ini, pengkaji melakukan ujian ANOVA dengan menggunakan perisian SPSS.

3.10.4 Analisis Koheren

Pengkaji memilih satu karangan dari setiap kategori (baik, sederhana, lemah dan sangat lemah) bagi tujuan membuat perbandingan ciri-ciri koheren antara karangan-karangan kategori tersebut. Perbandingan ciri-ciri koheren ini dilakukan berdasarkan kepada ciri-ciri koheren yang diadaptasi dari Johnson, P. (1992) yang meliputi aspek-aspek seperti penghuraian isi yang tepat dengan tajuk, organisasi isi kandungan yang betul (isi kandungan yang mengikut urutan isi utama, isi sampingan dan huraian serta contoh), gaya persembahan yang menarik yang meliputi penggunaan bahasa yang lancar.

Selain itu, pengkaji juga menganalisis kekerapan jenis kelemahan koheren yang dilakukan oleh responden kajian dengan berpanduan kepada Kriteria Kelemahan Koheren yang dihasilkan berdasarkan kepada jenis kelemahan koheren yang diadaptasi dari Wikborg, E. (1990) (Lampiran V). Jenis kelemahan ini telah diubahsuai oleh pengkaji setelah berbincang dengan penyelia (Panduan VI). Secara keseluruhannya, Kriteria Kelemahan Koheren mengandungi 9 jenis kelemahan yang dilihat dari segi 5 aspek karangan, iaitu pendahuluan, isi, ayat, pemerenggan dan penutup. Bagi tujuan ini, pengkaji memilih perenggan-perenggan tertentu dari karangan responden secara rawak (gred responden diabaikan) dan membuat penghuraian secara deskriptif.

3.11 Penutup

Pemilihan tajuk, lokasi, instrumen dan responden yang sesuai melicinkan lagi kajian ini serta meningkatkan kualiti kajian ini. Segala perancangan yang dihuraikan dalam bab ini telah disiapkan dalam masa yang ditetapkan supaya kajian ini dapat disiapkan dengan efisien dan lebih berkesan. Perancangan awal yang rapi membantu pengkaji mendapat satu keputusan yang jitu yang dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 4

PENGANALISISAN DAN TAFSIRAN DATA

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan analisis kohesi dan koheren yang dilakukan pada karangan ekspositori pelajar-pelajar Tingkatan 6 yang merupakan data kajian ini. Hasil analisis dipersembahkan secara kualitatif dalam bentuk jadual dan laporan dan secara kuantitatif mudah dalam bentuk peratusan.

4.2 Ujian dan Penilaian Karangan

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 3, data kajian ini diperoleh dari karangan pelajar-pelajar Tingkatan 6. Para responden dikehendaki menulis sebuah karangan jenis ekspositori. Karangan ini telah disemak oleh dua orang guru penyemak serta pengkaji berdasarkan Panduan Lajur Rujukan Kriteria. Markah penuh bagi ujian karangan ialah 40, tetapi ditukarkan menjadi 100% untuk memudahkan penilaian dan pemberian markah. Manakala, jumlah responden kajian ialah seramai 36 orang. Keputusan responden dalam ujian karangan ini dibahagikan kepada 4 kategori iaitu baik (A: 80-100; A-: 75-79), sederhana (B+: 70-74; B: 65-69; B-: 60-64), lemah (C+: 55-59; C: 50-54; C-: 45-49) dan sangat lemah (D+: 40-44; D: 35-39; E: 0-34).

4.2.1 Markah Ujian Karangan Responden

Jadual seterusnya menunjukkan markah keseluruhan para responden dalam ujian karangan yang telah dijalankan.

Jadual 4.1 Markah Ujian Karangan Responden

Responden	Markah (%)	Gred/Kategori
R1	40	D+/Sangat Lemah
R2	43	D+/Sangat Lemah
R3	43	D+/Sangat Lemah
R4	43	D+/Sangat Lemah
R5	74	B+/Sederhana
R6	65	B/Sederhana
R7	70	B+/Sederhana
R8	85	A/ Baik
R9	70	B+/Sederhana
R10	67	B/Sederhana
R11	79	A-/Baik
R12	61	B-/Sederhana
R13	65	B/Sederhana
R14	77	A-/Baik
R15	65	B/Sederhana
R16	73	B+/Sederhana
R17	73	B+/Sederhana
R18	78	A-/ Baik
R19	64	B-/Sederhana
R20	51	C/Lemah
R21	55	C+/Lemah
R22	66	B/Sederhana
R23	78	A-/ Baik
R24	64	B-/Sederhana
R25	67	B/Sederhana
R26	50	C/Lemah
R27	74	B+/Sederhana
R28	64	B-/Sederhana
R29	84	A/ Baik
R30	74	B+/Sederhana
R31	63	B-/Sederhana
R32	72	B+/Sederhana
R33	54	C/Lemah
R34	64	B-/Sederhana
R35	58	C+/Lemah
R36	58	C+/Lemah

* Min Keseluruhan = Jumlah Markah/ Jumlah Responden = $2331/36 = 64.8\% = 65\%$

Berdasarkan Jadual 4.1, markah yang paling tinggi diperoleh oleh responden kajian ialah sebanyak 85%, manakala markah yang paling rendah ialah sebanyak 40%. Pada keseluruhannya, pencapaian pelajar adalah memuaskan kerana min keseluruhan markah dalam ujian karangan ialah sebanyak 65% (Sederhana/B). Seterusnya, satu jadual penyebaran markah keseluruhan ujian karangan telah dibuat seperti berikut:

Jadual 4.2
Markah Keseluruhan Ujian Karangan Responden

Kategori Karangan	Gred Karangan	Jumlah Responden	Peratus (%)
Baik	A (80-100)	2	5.6
	A- (75-79)	4	11.1
Sederhana	B+ (70-74)	8	22.2
	B (65-69)	6	16.7
	B- (60-64)	6	16.7
Lemah	C+ (55-59)	3	8.3
	C (50-54)	3	8.3
	C- (45-49)	0	0.0
Sangat Lemah	D+ (40-44)	4	11.1
	D (35-39)	0	0.0
	E (0-34)	0	0.0
Jumlah		36	100

Berdasarkan kepada Jadual 4.2, didapati bahawa dalam ujian karangan yang dilakukan, seramai 2 (5.6%) orang dan 4 (11.1%) orang responden telah memperoleh gred A dan A- masing-masing di mana, kedua-dua gred ini merupakan gred kategori karangan baik . Gred B+ merupakan gred yang paling kerap diperoleh oleh responden kajian, iaitu seramai 8 (22.2%) orang. Manakala, gred B dan B- telah diskor dalam bilangan yang sama iaitu, masing-masing oleh 6 (16.7%) orang. Gred C+ dan C juga telah diskor dalam bilangan yang sama, iaitu masing-masing oleh 3 (8.3%) orang. Seterusnya, bagi kategori

karangan lemah, gred D+ diskor oleh 4 (11.1%) orang. Akhirnya, didapati tiada responden yang mendapat gred D dan E (Rujuk Lampiran VII di mana contoh dari setiap kategori karangan telah dilampirkan).

4.3 Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal Secara Keseluruhan

Pada peringkat pertama, pencapaian kekerapan Kohesi Nahuan dan Leksikal dianalisis secara keseluruhan dan seterusnya secara khusus dalam karangan responden bagi menjawab soalan kajian yang pertama seperti berikut:


Soalan Kajian 1 : Apakah kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal oleh responden kajian dalam karangan ekspositori secara keseluruhan?

Bagi menjawab soalan kajian di atas, satu jadual analisis sebaran kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal secara keseluruhan dalam karangan responden telah dibuat seperti dalam jadual berikutnya.

Jadual 4.3
Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal Secara Keseluruhan

Jenis Kohesi	Kekerapan Penggunaan (Kali)	Peratus Penggunaan (%)
Nahuan	2967	76.1%
Leksikal	936	23.9%
Jumlah Keseluruhan	3903	100%

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan responden ialah sebanyak 3903 kali. Dalam jumlah ini, kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan adalah jauh lebih tinggi daripada Kohesi Leksikal, iaitu sebanyak 2967 (76.1%) kali. Manakala penggunaan Kohesi Leksikal pula mencatat jumlah penggunaan sebanyak 936 (23.9%) kali sahaja. Rajah berikut menunjukkan pecahan peratus penggunaan Kohesi Nahuan serta Leksikal oleh responden kajian.



Rajah 4.1
Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal

Seterusnya, kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dianalisis secara lebih terperinci seperti berikut.

4.3.1 Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan


Kohesi Nahuan dikategorikan kepada empat jenis, iaitu Rujukan, Konjungsi, Penggantian dan Elipsis (Halliday dan Hasan, 1976).

Pencapaian Kohesi Nahuan dianalisis secara keseluruhan pada permulaannya. Jadual seterusnya menunjukkan analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan mengikut kategori-kategorinya dalam karangan responden kajian.

Jadual 4.4
Pencapaian Kohesi Nahuan

Kohesi Nahuan	Kekerapan Penggunaan (Kali)	Peratus Penggunaan (%)
Rujukan	1379	46.5
Konjungsi	1137	38.3
Penggantian	385	13.0
Elipsis	66	2.2
Jumlah Keseluruhan	2967	100

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa Kohesi Nahuan Rujukan mencatatkan jumlah kekerapan penggunaan yang paling tinggi dalam Kohesi Nahuan, iaitu sebanyak 1379 (46.5%) kali. Kohesi Nahuan Konjungsi pula mencatatkan jumlah kekerapan penggunaan yang kedua tertinggi, iaitu sebanyak 1137 (38.3%) kali. Kohesi Nahuan Penggantian pula mencatat jumlah penggunaan sebanyak 385 (13.0%) kali. Manakala, Kohesi Nahuan Elipsis mencatat jumlah penggunaan yang paling rendah dalam Kohesi Nahuan iaitu sebanyak 66 (2.2%) kali. Jumlah keseluruhan kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan ialah sebanyak 2967 kali. Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa kesemua Kohesi Nahuan telah digunakan dalam penulisan karangan oleh responden kajian. Rajah seterusnya menunjukkan secara terperinci tentang peratus penggunaan Kohesi Nahuan oleh responden kajian.



Rajah 4.2
Peratusan Penggunaan Kohesi Nahuan

Seterusnya adalah penganalisan terperinci tentang kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan.


4.3.1.1 Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan

Kohesi Nahuan Rujukan dikategorikan kepada tiga jenis lagi iaitu, Kohesi Nahuan Rujukan Personal, Kohesi Nahuan Rujukan Demonstratif dan Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif (Halliday dan Hasan, 1976). Kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan dalam data kajian adalah seperti dalam jadual yang seterusnya.

Jadual 4.5
Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan

Kohesi Nahuan Rujukan	Kekerapan Penggunaan	Peratus Penggunaan (%)
Personel	900	65.3
Demonstratif	454	32.9
Komparatif	25	1.8
Jumlah	1379	100

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa Kohesi Nahuan Rujukan Personel mencatat jumlah penggunaan kekerapan yang tertinggi, iaitu sebanyak 900 (65.3%) kali dari jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan, iaitu sebanyak 1379 kali. Kohesi Nahuan Demonstratif pula mencatat jumlah kekerapan penggunaan sebanyak 454 (32.9%) kali. Manakala Kohesi Nahuan Komparatif mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling rendah dari jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan, iaitu hanya sebanyak 25 (1.8%) kali sahaja. Rajah berikut menunjukkan peratus kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan dalam karangan responden kajian.



Rajah 4.3
Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan


4.3.1.2 Pencapaian Kohesi Nahuan Konjungsi

Kohesi Nahuan Konjungsi dikategorikan kepada empat jenis lagi, iaitu Konjungsi Aditif, Konjungsi Kausal, Konjungsi Temporal dan Konjungsi Adversatif (Halliday dan Hasan, 1976). Jadual seterusnya menerangkan dapatan penganalisan kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi dalam data kajian.

Jadual 4.6
Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi

Kohesi Nahuan Konjungsi	Kekerapan Penggunaan	Peratus Penggunaan (%)
Aditif	588	51.7
Kausal	312	27.4
Temporal	201	17.7
Adversatif	35	3.2
Jumlah	1136	100

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa Kohesi Nahuan Konjungsi Aditif mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 588 (51.7 %) kali. Manakala, Kohesi Nahuan Konjungsi Kausal dan Temporal mencatat jumlah kekerapan penggunaan masing-masing sebanyak 312 (27.4%) kali dan 201 (17.7%) kali. Kohesi Nahuan Konjungsi Adversatif pula mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling rendah, iaitu hanya sebanyak 35 (3.2%) kali sahaja. Rajah seterusnya menunjukkan peratus penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi secara lebih terperinci.



Rajah 4.4
Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi


4.3.1.3 Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian

Kohesi Nahuan Penggantian dikategorikan kepada tiga jenis lagi, iaitu Penggantian Nominal, Penggantian Klausa dan Verbal (Halliday dan Hasan, 1976). Jadual berikut menerangkan dapatan penganalisan kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian dalam data kajian.

Jadual 4.7
Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian

Kohesi Nahuan Penggantian	Kekerapan Penggunaan (Kali)	Peratus Penggunaan (%)
Klausa	179	46.5
Nominal	163	42.3
Verbal	43	11.2
Jumlah	385	100

Jadual 4.7 menunjukkan Kohesi Nahuan Penggantian Klausa mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling tertinggi, iaitu sebanyak 179 (46.5%) kali. Manakala Kohesi Nahuan Penggantian Nominal pula mencatat jumlah kekerapan penggunaan sebanyak 163 (42.3%) kali. Manakala Kohesi Nahuan Penggantian Verbal mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling rendah, iaitu hanya sebanyak 43 (11.2%) kali. Rajah 4.5 menunjukkan peratus kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian.



Rajah 4.5
Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian


4.3.1.4 Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis

Kohesi Nahuan Elipsis dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu Elipsis Nominal, Kohesi Kausal dan Elipsis Verbal (Halliday dan Hasan, 1976). Jadual berikut menerangkan dapatan penganalisan kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis dalam data kajian secara terperinci.

Jadual 4.8
Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis

Kohesi Nahuan Elipsis	Kekerapan Penggunaan (Kali)	Peratus Penggunaan (%)
Klausa	30	44.8
Nominal	29	43.3
Verbal	8	11.9
Jumlah	67	100

Jadual 4.8 menunjukkan penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis Klausa mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 30 (44.8%) kali. Manakala, Kohesi Nahuan Elipsis Nominal pula mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang hampir sama dengan Kohesi Nahuan Elipsis Klausa, iaitu sebanyak 29 (43.3%) kali. Kohesi Nahuan Elipsis Verbal pula mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling rendah, iaitu hanya sebanyak 8 (11.9%) kali sahaja. Rajah 4.6 menunjukkan peratus kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis secara terperinci.



Rajah 4.6
Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis


4.3.2 Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal

Kohesi Leksikal dikategorikan kepada dua jenis, iaitu Reiterasi dan Kolokasi (Halliday dan Hasan, 1976). Jadual seterusnya menerangkan dapatan penganalisisan kekerapan penggunaan Kohesi Leksikal secara keseluruhannya.

Jadual 4.9
Pencapaian Kekerapan Kohesi Leksikal

Kohesi Leksikal	Kekerapan Penggunaan (Kali)	Peratus Penggunaan (%)
Reiterasi	780	83.3
Kolokasi	156	16.7
Jumlah	936	100

Berdasarkan Jadual 4.9 di atas, didapati bahawa daripada jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal, iaitu sebanyak 936 kali, jumlah keseluruhan kekerapan penggunaan jenis Kohesi Leksikal Reiterasi ialah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 780 (83.3%) kali. Manakala, jumlah kekerapan penggunaan jenis Kohesi Leksikal Kolokasi pula ialah sebanyak 156 (16.7%) kali sahaja. Rajah berikut menunjukkan peratus kekerapan penggunaan Kohesi Leksikal secara keseluruhan.



Rajah 4.7 Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal

4.3.2.1 Pencapaian Kekerapan Kohesi Leksikal Reiterasi


Kohesi Leksikal Reiterasi dikategorikan kepada empat jenis, iaitu Pengulangan Sama Tepat, Pengulangan Sinonim, Pengulangan Kata Umum, Pengulangan Subordinat (Halliday dan Hasan, 1976). Jadual seterusnya menjelaskan kekerapan penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi.

Jadual 4.10
Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi

Kohesi Leksikal Reiterasi	Kekerapan Penggunaan	Peratus Penggunaan (%)
Pengulangan Sama Tepat	418	53.6
Pengulangan Subordinat	157	20.2
Pengulangan Kata Umum	108	13.8
Pengulangan Sinonim	97	12.4
Jumlah Keseluruhan	780	100

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan kekerapan penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi ialah sebanyak 780 kali. Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat mencatatkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi iaitu, 418 (53.6%) kali. Manakala, Pengulangan Subordinat pula mencatat kekerapan penggunaan yang kedua tertinggi, iaitu sebanyak 157 (20.2%) kali diikuti Pengulangan Kata Umum yang mencatat jumlah kekerapan penggunaan sebanyak 108 (13.8%) kali. Akhirnya, Pengulangan Sinonim mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling rendah, iaitu hanya sebanyak

97 (12.4%) kali. Seterusnya, pecahan peratus kekerapan penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi dipersembahkan dalam Rajah 4.8 seperti berikut:



Rajah 4.8
Peratus Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi

4.3.2.2 Kekerapan Penggunaan Pencapaian Kohesi Leksikal Kolokasi

Kohesi Leksikal Kolokasi merujuk kepada leksikal yang diperoleh melalui kesinambungan item leksikal yang selalu wujud bersama-sama (Halliday dan Hasan, 1976). Berdasarkan analisis data kajian ini, didapati bahawa penggunaan Kohesi Leksikal Kolokasi ialah sebanyak 156 (16.7%) kali daripada jumlah penggunaan Kohesi Leksikal (Jadual 4.9).

4.4 Perbezaan Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal Mengikut Kategori Gred Karangan

Pada peringkat kedua, pencapaian kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dianalisis berdasarkan pencapaiannya dalam karangan responden mengikut kategori-kategori tertentu bagi menjawab soalan kajian yang ketiga seperti berikut:

Soalan Kajian 2 : Apakah perbezaan kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah?

Bagi menjawab soalan kajian di atas, satu jadual sebaran pencapaian kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan serta Kohesi Leksikal dalam setiap karangan pelajar, mengikut kategori gred karangan yang dijadualkan. Bilangan penggunaan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal, disenaraikan supaya dapat dibandingkan perbezaan penggunaannya antara kategori karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah.

4.4.1 Kekerapan Penggunaan Pencapaian Kohesi dalam Karangan Baik

Seterusnya ialah analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam kategori karangan baik, Gred A.

i) Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Baik, Gred A.

Jadual 4.11
Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Baik (Gred A)

Kohesi Nahuan (KN) dan Leksikal (KL)	Pencapaian Kohesi Gred A (80-100)		Jum
	R8	R29	
1. KN Rujukan			
i) Personel	56	50	106
ii) Demonstratif	17	19	36
iii) Komparatif	1	1	2
Jumlah	74	70	144
2. KN Konjungsi			
i) Aditif	18	13	31
ii) Adversatif	1	1	2
iii) Kausal	10	10	20
iv) Temporal	5	8	13
Jumlah	34	32	66
3. KN Penggantian			
i) Nominal	2	8	10
ii) Verbal	3	7	10
iii) Klausa	12	4	16
Jumlah	17	19	36
4. KN Elipsis			
i) Nominal	3	1	4
ii) Verbal	1	1	2
iii) Klausa	1	1	2
Jumlah	5	3	8
<i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Nahuan</i>	<i>130</i>	<i>124</i>	<i>254</i>

1. KL Reiterasi

i)P. Sama Tepat	25	20	45
ii) P. Sinonim	1	2	3
iii) P. Subordinat	3	10	13
iv) P. Kata Umum	8	5	13
Jumlah	37	37	74
2. KL Kolokasi	5	5	10
<i>Jumlah Keseluruhan Leksikal</i>	42	42	84

(sambungan Jadual 4.11)

Berdasarkan Jadual 4.11, didapati bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan oleh kedua-dua responden gred A ialah sebanyak 130 (R8) dan 124 (R29). Manakala, jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal oleh kedua-dua responden gred A ialah sebanyak 42 (R8 & R29). Kedua-dua jumlah penggunaan keseluruhan Kohesi Nahuan dan Leksikal oleh responden gred A, merupakan jumlah paling tinggi jika dibandingkan dengan jumlah penggunaan keseluruhan dari kategori-kategori yang lain.

Selain itu, juga didapati bahawa kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan yang paling tinggi oleh responden gred A ialah Rujukan (Personel). Manakala, kekerapan penggunaan Kohesi Leksikal yang paling tinggi oleh responden gred A ialah Reiterasi (Pengulangan Sama Tepat). Responden gred A juga didapati telah menggunakan kesemua Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam penulisan mereka.

ii) **Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Baik, Gred A-.**

Analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan baik (Gred A-) ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.12
Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Baik (Gred A-)

Kohesi Nahuan (KN) dan Leksikal (KL)	Pencapaian Kohesi Gred A- (75-79)				Jum
	R11	R14	R18	R23	
1. KN Rujukan					
i) Personel	25	22	22	28	97
ii) Demonstratif	18	19	22	16	75
iii) Komparatif	2	1	2	3	8
Jumlah	45	42	46	47	180
2. KN Konjungsi					
i) Aditif	25	22	24	20	91
ii) Adversatif	1	1	2	3	7
iii) Kausal	12	10	14	9	45
iv) Temporal	15	8	7	10	40
Jumlah	53	41	47	42	183
3. KN Penggantian					
i) Nominal	2	6	8	2	18
ii) Verbal	3	2	2	2	9
iii) Klausa	9	10	1	10	30
Jumlah	14	18	11	14	57
4. KN Elipsis					
i) Nominal	1	2	2	3	8
ii) Verbal	1	1	1	1	4
iii) Klausa	1	1	5	3	10
Jumlah	3	4	8	7	22
<i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Nahuan</i>	<i>115</i>	<i>105</i>	<i>112</i>	<i>110</i>	<i>442</i>

1. KL Reiterasi					
i)P. Sama Tepat	14	13	18	23	68
ii) P. Sinonim	10	4	9	4	27
iii) P. Subordinat	6	13	2	4	25
iv) P. Kata Umum	4	5	1	3	13
Jumlah	34	35	30	34	133
 2. KL Kolokasi	 2	 5	 4	 2	 13
 <i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Leksikal</i>	 36	 40	 34	 36	 146

(sambungan Jadual 4.12)

Berdasarkan Jadual 4.12, didapati bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan oleh responden gred A- ialah sebanyak 115 (R11), 105 (R14), 112 (R18) dan 110 (R23). Manakala, jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal oleh responden gred A- ialah 36 (R11), 40 (R14), 34 (R18) dan 36 (R23).

Selain itu, juga didapati bahawa kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal yang paling tinggi oleh responden gred A- ialah Kohesi Nahuan Konjungsi Aditif dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Kata Umum. Responden gred A- didapati bahawa telah menggunakan kesemua Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam penulisan mereka.

4.4.2 Kekerapan Penggunaan Pencapaian Kohesi dalam Karangan Sederhana

Analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan sederhana (Gred B+) ditunjukkan dalam jadual seterusnya:

i) Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Sederhana, Gred B+.

Jadual 4.13
Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Sederhana (Gred B+)

Kohesi Nahuan (KN) dan Leksikal (KL)	Pencapaian Kohesi Gred B+ (68-74)								Jum
	R5	R7	R9	R16	R17	R27	R30	R32	
1. KN Rujukan									
i) Personel	22	22	28	32	28	33	30	31	226
ii) Demonstratif	11	11	7	11	16	22	15	13	106
iii) Komparatif	1	5	2	1	1	1	1	3	15
Jumlah	34	38	37	44	45	56	46	47	347
2. KN Konjungsi									
i) Aditif	27	22	18	16	26	15	18	14	156
ii) Adversatif	2	1	1	1	2	5	3	3	18
iii) Kausal	14	2	13	9	10	16	13	6	83
iv) Temporal	6	4	11	9	10	4	4	3	51
Jumlah	49	29	43	35	48	40	38	26	308
3. KN Penggantian									
i) Nominal	8	11	7	7	1	2	1	4	41
ii) Verbal	3	3	2	1	3	2	2	2	18
iii) Klausa	4	6	1	3	3	4	3	8	32
Jumlah	15	20	10	11	7	8	6	14	91
4. KN Elipsis									
i) Nominal	1	4	1	1	1	2	1	1	12
ii) Verbal	0	0	1	0	0	0	0	0	1
iii) Klausa	0	0	0	1	1	0	0	0	2
Jumlah	1	4	2	2	2	2	1	1	15
Jumlah Keseluruhan Kohesi Nahuan	99	91	92	92	102	106	91	88	761

1. KL Reiterasi									
i) P. Sama Tepat	18	9	12	14	15	12	14	7	101
ii) P. Sinonim	9	7	5	1	5	3	3	2	35
iii) P. Subordinat	2	3	4	7	5	5	9	10	45
iv) P. Kata Umum	1	2	3	5	2	3	2	7	25
Jumlah	30	21	24	27	27	23	28	26	206
2. KL Kolokasi									
	8	7	5	7	5	3	2	5	42
<i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Leksikal</i>	38	28	29	34	32	26	30	31	248

(sambungan Jadual 4.13)

Berdasarkan Jadual 4.13 di atas, didapati bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan oleh responden gred B+ ialah sebanyak 99 (R5), 91 (R7), 92 (R9), 92 (R16), 102 (R17), 106 (R27), 91 (R30) dan 88 (R32). Manakala, jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal oleh responden gred B+ ialah 38 (R5), 28 (R7), 29 (R9), 34 (R16), 32 (R17), 26 (R27), 30 (R30) dan 31 (R32).

Selain itu, didapati bahawa kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal yang paling tinggi oleh responden gred B+ ialah Kohesi Nahuan Konjungsi Aditif (156) dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat (101). Hampir kesemua responden gred B+ didapati bahawa tidak menggunakan Kohesi Nahuan Elipsis Verbal dan Kohesi Nahuan Elipsis Klausa dalam penulisan mereka. Tetapi, responden gred B+ didapati telah menggunakan kesemua Kohesi Leksikal dalam penulisan mereka.

ii) **Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Sederhana, Gred B-.**

Analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan sederhana (Gred B) ditunjukkan dalam jadual seterusnya.

Jadual 4.14
Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Sederhana (Gred B)

Kohesi Nahuan (KN) dan Leksikal (KL)	Pencapaian Kohesi Gred B (60-63)						Jum
	R6	R10	R13	R15	R22	R25	
1. KN Rujukan							
i) Personel	32	28	23	16	21	19	139
ii) Demonstratif	14	13	10	11	10	14	72
iii) Komparatif	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	46	41	33	27	31	33	211
2. KN Konjungsi							
i) Aditif	14	9	17	16	18	15	89
ii) Adversatif	0	0	0	0	0	0	0
iii) Kausal	8	7	7	6	5	8	41
iv) Temporal	4	6	2	5	9	8	34
Jumlah	26	22	26	27	32	31	164
3. KN Penggantian							
i) Nominal	3	9	9	9	4	7	41
ii) Verbal	0	0	0	0	0	0	0
iii) Klausa	1	9	3	5	2	8	28
Jumlah	4	18	12	14	6	15	69
4. KN Elipsis							
i) Nominal	0	0	0	0	0	0	0
ii) Verbal	0	0	0	0	0	0	0
iii) Klausa	1	1	1	2	2	1	8
Jumlah	1	1	1	2	2	1	8
Jumlah Keseluruhan Kohesi Nahuan	77	82	72	70	71	80	452

1. KL Reiterasi							
i) P. Sama Tepat	14	10	11	14	9	4	62
ii) P. Sinonim	1	1	1	2	1	1	7
iii) P. Subordinat	2	5	1	1	5	5	19
iv) P. Kata Umum	1	1	2	2	1	8	15
Jumlah	18	17	15	19	16	18	103
2. KL Kolokasi	2	5	4	4	4	4	23
<i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Leksikal</i>	20	22	19	23	20	22	126

(sambungan Jadual 4.14)

Berdasarkan Jadual 4.14 di atas, didapati bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan oleh responden gred B ialah sebanyak 77 (R6), 82 (R10), 72 (R13), 70 (R15), 71 (R22) dan 80 (R25). Manakala, jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal oleh responden gred B ialah 20 (R6), 22 (R10), 19 (R13), 23 (R15), 20 (R22) dan 22 (R25). Selain itu, didapati bahawa kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal yang paling tinggi oleh responden gred B ialah Kohesi Nahuan Rujukan Personel (139) dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat (62). Kesemua responden gred B didapati bahawa tidak menggunakan 5 Kohesi Nahuan iaitu, Rujukan Komparatif, Konjungsi Adversatif, Penggantian Verbal, Elipsis Nominal dan Elipsis Verbal dalam penulisan mereka. Tetapi, responden gred B didapati telah menggunakan kesemua Kohesi Leksikal dalam penulisan mereka.

iii) **Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Sederhana, Gred B.**

Analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan sederhana (Gred B-) ditunjukkan seperti berikut:

Jadual 4.15
Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Sederhana (Gred B-)

Kohesi Nahuan (KN) dan Leksikal (KL)	Pencapaian Kohesi Gred B- (64-67)						Jum
	R12	R19	R24	R28	R31	R34	
1. KN Rujukan							
i) Personel	31	27	24	30	29	19	160
ii) Demonstratif	21	13	15	6	11	14	80
iii) Komparatif	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	52	40	39	36	40	33	240
2. KN Konjungsi							
i) Aditif	19	14	16	10	15	10	84
ii) Adversatif	2	2	1	2	1	1	9
iii) Kausal	3	13	7	9	7	14	53
iv) Temporal	1	1	4	3	10	8	27
Jumlah	25	30	28	24	33	33	173
3. KN Penggantian							
i) Nominal	2	5	7	9	6	4	33
ii) Verbal	1	1	1	1	1	1	6
iii) Klausa	1	6	1	9	1	13	31
Jumlah	4	12	9	19	8	18	70
4. KN Elipsis							
i) Nominal	0	0	0	0	0	0	0
ii) Verbal	0	0	0	0	0	0	0
iii) Klausa	2	2	1	1	1	1	8
Jumlah	2	2	1	1	1	1	8
Jumlah Keseluruhan Kohesi Nahuan	83	84	77	80	82	85	491

1. KL Reiterasi							
i)P. Sama Tepat	13	4	14	13	15	11	70
ii) P. Sinonim	4	1	1	1	3	1	11
iii) P. Subordinat	7	5	4	4	4	6	30
iv) P. Kata Umum	5	8	2	3	1	4	23
Jumlah	29	18	21	21	23	22	134
2. KL Kolokasi	7	4	4	4	1	2	22
<i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Leksikal</i>	36	22	25	25	24	24	156

(sambungan Jadual 4.15)

Berdasarkan Jadual 4.15, didapati bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan oleh responden gred B- ialah sebanyak 83 (R12), 84 (R19), 77 (R24), 80 (R28), 82 (R31) dan 85 (R34). Manakala, jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal oleh responden gred B+ ialah 36 (R12), 22 (R19), 25 (R24), 25 (R28), 24 (R31) dan 24 (R34).

Selain itu, didapati bahawa kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal yang paling tinggi oleh responden gred B- ialah Kohesi Nahuan Rujukan Personel (160) dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat (170). Kesemua responden gred B- didapati bahawa tidak menggunakan 3 Kohesi Nahuan iaitu, Rujukan Komparatif, Elipsis Nominal dan Elipsis Verbal dalam penulisan mereka. Tetapi, responden gred B- didapati telah menggunakan kesemua Kohesi Leksikal dalam penulisan mereka.

4.4.3 Kekerapan Penggunaan Pencapaian Kohesi dalam Karangan Lemah

Analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan lemah (Gred C+) ditunjukkan dalam Jadual 4.16 seperti berikut:

i) Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Lemah, Gred C+.

Jadual 4.16
Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Lemah (Gred C+)

Kohesi Nahuan (KN) dan Leksikal (KL)	Pencapaian Kohesi Gred C+ (55-59)			Jum
	R21	R35	R36	
1. KN Rujukan				
i) Personel	11	26	21	58
ii) Demonstratif	13	12	10	35
iii) Komparatif	0	0	0	0
Jumlah	24	38	31	93
2. KN Konjungsi				
i) Aditif	16	14	11	41
ii) Adversatif	0	0	0	0
iii) Kausal	8	11	7	26
iv) Temporal	7	5	1	13
Jumlah	31	30	19	80
3. KN Penggantian				
i) Nominal	1	1	6	8
ii) Verbal	0	0	0	0
iii) Klausa	8	0	7	15
Jumlah	9	1	13	23
4. KN Elipsis				
i) Nominal	0	0	0	0
ii) Verbal	0	0	0	0
iii) Klausa	0	0	0	0
Jumlah	0	0	0	0
Jumlah Keseluruhan Kohesi Nahuan	64	69	63	196

1. KL Reiterasi				
i)P. Sama Tepat	11	15	14	40
ii) P. Sinonim	5	11	9	25
iii) P. Subordinat	3	1	1	5
iv) P. Kata Umum	2	1	5	8
Jumlah	21	28	29	78
 2. KL Kolokasi	 9	 4	 4	 17
 <i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Leksikal</i>	 30	 32	 33	 95

(sambungan Jadual 4.16)

Berdasarkan Jadual 4.16, didapati bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan oleh responden gred C+ ialah sebanyak 64 (R21), 69 (R35) dan 63 (R36). Manakala, jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal oleh responden gred C+ ialah 30 (R21), 32 (R35) dan 33 (R36). Selain itu, didapati bahawa kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal yang paling tinggi oleh responden gred C+ ialah Kohesi Nahuan Rujukan Personel (58) dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat (48). Kesemua responden gred C+ didapati bahawa tidak menggunakan 6 Kohesi Nahuan iaitu, Rujukan Komparatif, Konjungsi Adversatif, Penggantian Verbal, Elipsis Nominal, Elipsis Verbal dan Elipsis Klausa dalam penulisan mereka. Tetapi, responden gred C+ didapati telah menggunakan kesemua Kohesi Leksikal dalam penulisan mereka.

ii) **Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Lemah, Gred C.**

Analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan lemah (Gred C) ditunjukkan dalam Jadual 4.17 berikut:

Jadual 4.17
Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Lemah (Gred C)

Kohesi Nahuan (KN) dan Leksikal (KL)	Pencapaian Kohesi Gred C (50-54)			Jum
	R20	R26	R33	
1. KN Rujukan				
i) Personel	15	14	19	48
ii) Demonstratif	13	11	4	28
iii) Komparatif	0	0	0	0
Jumlah	28	25	23	76
2. KN Konjungsi				
i) Aditif	10	18	16	44
ii) Adversatif	0	0	0	0
iii) Kausal	6	6	7	19
iv) Temporal	2	2	2	6
Jumlah	18	26	25	69
3. KN Penggantian				
i) Nominal	5	6	8	19
ii) Verbal	0	0	0	0
iii) Klausa	0	0	0	0
Jumlah	5	6	8	19
4. KN Elipsis				
i) Nominal	3	1	1	5
ii) Verbal	0	0	0	0
iii) Klausa	0	0	0	0
Jumlah	3	1	1	5
<i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Nahuan</i>	<i>54</i>	<i>58</i>	<i>57</i>	<i>169</i>

1. KL Reiterasi				
i)P. Sama Tepat	5	4	6	15
ii) P. Sinonim	0	0	0	0
iii) P. Subordinat	7	4	3	14
iv) P. Kata Umum	0	0	0	0
Jumlah	12	8	9	29
 2. KL Kolokasi	 2	 7	 5	 14
 <i>Jumlah Keseluruhan</i>	 <i>14</i>	 <i>15</i>	 <i>14</i>	 <i>43</i>
<i>Kohesi Leksikal</i>				

(sambungan Jadual 4.17)

Berdasarkan Jadual 4.17 di atas, didapati bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan oleh responden gred C ialah sebanyak 54 (R20), 58 (R26) dan 57 (R33). Manakala, jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal oleh responden gred C ialah 14 (R20), 15 (R26) dan 14 (R33). Selain itu, didapati bahawa kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal yang paling tinggi oleh responden gred C ialah Kohesi Nahuan Rujukan Personel (48) dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat (15). Kesemua responden gred C didapati bahawa tidak menggunakan 6 Kohesi Nahuan iaitu, Rujukan Komparatif, Konjungsi Adversatif, Penggantian Verbal, Penggantian Klausa, Elipsis Verbal dan Elipsis Klausa dalam penulisan mereka. Responden gred C juga didapati tidak menggunakan 2 Kohesi Leksikal iaitu Reiterasi Pengulangan Sinonim dan Reiterasi Pengulangan Kata Umum.

4.4.4 Kekerapan Penggunaan Pencapaian Kohesi dalam Karangan Sangat Lemah

Analisis kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan lemah (Gred D+) ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

i) Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Lemah, Gred D+.

Jadual 4.18
Kekerapan Penggunaan Kohesi dalam Karangan Sangat Lemah (Gred D+)

Kohesi Nahuan (KN) dan Leksikal (KL)	Pencapaian Kohesi Gred D (40-44)				Jum
	R1	R2	R3	R4	
1. KN Rujukan					
i) Personel	9	22	23	12	66
ii) Demonstratif	10	2	2	8	22
iii) Komparatif	0	0	0	0	0
Jumlah	19	24	25	20	88
2. KN Konjungsi					
i) Aditif	10	12	14	16	52
ii) Adversatif	0	0	0	0	0
iii) Kausal	7	4	7	7	25
iv) Temporal	4	7	2	4	17
Jumlah	21	23	23	27	94
3. KN Penggantian					
i) Nominal	1	3	5	3	12
ii) Verbal	0	0	0	0	0
iii) Klausa	4	2	1	1	8
Jumlah	5	5	6	4	20
4. KN Elipsis					
i) Nominal	0	0	0	0	0
ii) Verbal	0	0	0	0	0
iii) Klausa	0	0	0	0	0
Jumlah	0	0	0	0	0
<i>Jumlah Keseluruhan Kohesi Nahuan</i>	45	52	54	51	202

1. KL Reiterasi					
i) P. Sama Tepat	3	5	5	4	17
ii) P. Sinonim	0	0	0	0	0
iii) P. Subordinat	1	1	3	1	6
iv) P. Kata Umum	0	0	0	0	0
Jumlah	4	6	8	5	23
 2. KL Kolokasi	 4	 5	 2	 4	 15
 <i>Jumlah Keseluruhan</i>	 8	 11	 10	 9	 38
<i>Kohesi Leksikal</i>					

(sambungan Jadual 4.18)

Berdasarkan Jadual 4.18, didapati bahawa jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Nahuan oleh responden gred D+ ialah sebanyak 45 (R1), 52 (R2), 54 (R3) dan 51 (R4). Manakala, jumlah keseluruhan penggunaan Kohesi Leksikal oleh responden gred D+ ialah 8 (R1), 11 (R2), 10 (R3) dan 9 (R4). Selain itu, didapati bahawa kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal yang paling tinggi oleh responden gred D+ ialah Kohesi Nahuan Konjungsi Aditif (52) dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat (17). Kesemua responden gred D+ didapati bahawa tidak menggunakan 6 Kohesi Nahuan iaitu, Rujukan Komparatif, Konjungsi Adversatif, Penggantian Verbal, Elipsis Nominal, Elipsis Verbal dan Elipsis Klausa dalam penulisan mereka. Responden gred D+ juga didapati tidak menggunakan 2 Kohesi Leksikal iaitu Reiterasi Pengulangan Sinonim dan Reiterasi Pengulangan Kata Umum.

4.5 Korelasi antara Gred dan Penggunaan Kohesi

Seterusnya, korelasi antara gred dan bilangan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan responden telah dihitung bagi menjawab soalan kajian yang kedua seperti berikut:

Soalan Kajian 3 : Adakah terdapat korelasi yang signifikan antara gred dan bilangan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan responden?

Bagi menjawab soalan kajian di atas, korelasi antara gred dan bilangan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan responden dihitung dengan menggunakan perisian SPSS.

Jadual 4.19
Perbezaan Korelasi antara Gred dan Penggunaan Kohesi

		Kohesi Nahuan	Kohesi Leksikal
Gred pencapaian pelajar	Korelasi Pearson	.959**	.888**
	Sig. (2-arah)	.000	.000
	N	36	36

** korelasi yang signifikan pada aras 0.01 (2-arah).

nota :
 $p \leq 0.05$

Berdasarkan kepada Jadual 4.19 di atas, keputusan ujian ANOVA menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara gred responden dan bilangan kohesi pada aras 0.01 di mana nilai p ialah ≤ 0.05 . Jika dilihat Jadual 4.19, didapati bahawa korelasi yang signifikan wujud antara gred karangan dan penggunaan Kohesi Nahuan di mana

kesignifikanan adalah sebanyak .96^{**}. Korelasi yang signifikan juga wujud antara gred dan bilangan Kohesi Nahun dalam karangan responden di mana kesignifikanannya adalah sebanyak .89^{**}.

4.6 Ciri-ciri Koheren dalam Karangan Pelajar

Ciri-ciri koheren dalam data kajian ini dianalisis secara deskriptif berdasarkan pengklasifikasian oleh Johnson, P. (1992), iaitu penghuraian isi yang tepat dengan tajuk, organisasi isi kandungan yang betul dan gaya persembahan yang berkesan termasuk penggunaan bahasa yang lancar. Penganalisisan ini menjawab soalan kajian yang keempat seperti berikut:

Soalan Kajian 4: Apakah ciri-ciri koheren yang terdapat dalam karangan ekspositori bagi setiap kategori karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah?

Bagi menjawab soalan kajian yang keempat, pengkaji telah menganalisis beberapa perenggan yang dipilih secara rawak dari setiap kategori karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah untuk menunjukkan ciri-ciri koheren dalam perenggan-perenggan tersebut.

4.6.1 Kategori Karangan Baik

Berikut ialah petikan isi yang diambil dari karangan kategori baik yang menunjukkan ciri-ciri koheren yang wujud dalam karangan tersebut.

Contoh dari Responden R8:

Teks Asal:

1 [*uṭal eṭai piraccanaiḱḱu muraiyarra uṇavumuraiye: mutarka:raṇama:kum.*] 2 [*pala a:yvukaḱil, cariya:ṇa ca:ppa:ṭṭu murai illa:tataṇa:l, uṭarparumaṇ piraccanai e:rpaṭukiratu eṇbatu niru:pikkappaṭṭuḱḱatu.*] 3 [*muraiyarra uṇavumurai eṇra:l, muraiya:na uṇavu poruṭḱalai uṭkoḱvatillai eṇru poruḱpaṭum.*] 4 [*eṭuttuk ka:ṭṭirku, eṇṇei aṭippaṭaiyila:ṇa poriyalkaḱ, koḱuppu niṛainta uṇavu poruṭḱaḱ, pala vakaiya:na iṛaicci vakaikaḱ marrum pala ivarrul aṭaṇkum.*] 5 [*me:lum, tarpo:taiya makkal, mi:ṇ, iṛa:l, naṇṭu po:ṇra puratac cattukaḱ aṭaṇkiya uṇavukaḱai uṇbatu muyarkompa:kave: uḱḱatu.*] 6 [*itana:l, uṭalukku te:vaiya:ṇa cattukaḱum vaiṭṭamiṇkaḱum kiṭaippaṭillai.*] 7 [*ivarraitavirttu, pala vakaikaḱum, ka:ykarikaḱum nam uṭalukku te:vaiya:ṇa pala cattukkaḱaiyum, vaiṭṭamiṇkaḱaiyum aḱikkinṛaṇa.*] 8 [*atumaṭṭumalla:tu, ivvuṇavukaḱ nam uṭalin ci:ranacaktikkum mikavum uruṇaṇaiya:ka amaikinṛaṇa.*] 9 [*aṇa:l, inṛaiya talaimuraiyinar, taṇkaḱ uṇavil palaṇkaḱaiyum ka:ykarikaḱaiyum eḱḱavum ce:rṭṭukoḱvatillai.*] 10 [*ivva:ra:na muraiyarra uṇavu muraiyai kaiya:ḱvata:l, nam uṭalil koḱuppu atikarittuk koṇṭe: celkiratu.*] 11 [*ituve: piṛka:lattil uṭal parumaṇ piraccanaiḱḱu vittuṭukiratu.*] 12 [*eṇave, me:rku:riyatu po:la, muraiyarra uṇavu muraiyai tavirttu muraiya:ṇa uṇavu muraiyai pinparrina:l uṭal eṭai piraccanaiyai tavirkkala:m.*]

Terjemahan Teks Asal:

1 Sebab utama masalah berat badan ialah amalan pemakanan yang tidak sihat. 2 Amalan pemakanan yang tidak sihat yang menjadi punca masalah berat badan telah pun dibuktikan melalui kebanyakan kajian. 3 Amalan pemakanan yang tidak sihat ialah sikap seseorang individu yang tidak makan makanan yang tidak berkhasiat. 4 Sebagai contohnya, makanan bergoreng yang berminyak serta pelbagai jenis daging. 5 Tambahan, masyarakat kini jarang makan makanan yang kaya dengan protein seperti ikan, ketam dan sotong. 6 Dengan ini, badan kita tidak menerima zat-zat dan vitamin yang diperlukan. 7 Selain ini, sayur-sayuran dan buah-buahan membekalkan mineral zat dan vitamin untuk badan kita. 8 Selain itu, ia juga sangat penting bagi proses penghadaman badan kita. 9 Tetapi, masyarakat pada masa kini, tidak suka makan buah-buahan dan sayur-sayuran. 10 Dengan mengamalkan amalan pemakanan yang tidak sihat sebegini, kandungan lemak dalam badan kita akan kian meningkat. 11 Keadaan ini akan menjadi punca kepada masalah berat badan kelak. 12 Oleh itu, seperti yang dibincangkan kita harus mengamalkan amalan pemakanan yang sihat dan seimbang untuk mengelakkan masalah berat badan.

Teks asal yang dipaparkan di atas merupakan satu perenggan yang dipetik dari karangan baik. Jika dilihat petikan tersebut, didapati bahawa responden telah menggunakan pelbagai Kohesi nahuan dan Leksikal (kata-kata yang dihitamkan dalam teks asal) yang betul mengikut keperluan ayat. Penggunaan kohesi juga didapati lebih kerap dalam teks asal di atas, di mana setiap ayat dipaut antara satu sama lain dengan penggunaan kohesi. Petikan tersebut juga didapati mengandungi penghuraian yang menepati tajuk karangan iaitu punca masalah berat badan. Ini kerana, responden telah memberikan penghuraian yang menepati dengan tajuk karangan. Selain itu, jika dilihat dari segi organisasi isi, didapati bahawa petikan di atas mengandungi penyusunan organisasi isi yang betul di mana responden telah mengemukakan isi utama terlebih dahulu dan diikuti dengan isi-isi sampingan berserta dengan contoh yang relevan. Manakala, jika dilihat dari segi gaya persembahan, petikan di atas didapati mempunyai bahasa yang lancar yang gramatis dari segi tatabahasa serta tanpa sebarang kesalahan tanda baca.

4.6.2 Kategori Karangan Sederhana

Berikut ialah petikan dari karangan kategori sederhana yang menunjukkan ciri-ciri koheren yang wujud dalam karangan tersebut.

Contoh dari Responden R12:

Teks Asal:

1 [*muraiyarra uṇavu murai enṛa ku:rruta:ṇ ku:tutal uṭal eṭaikku mukkiya ka:raṇama:ka viḷaṅkukiratu.*] 2 [*namatu male:ciyarkaḷiṇ uṇavu muraiyai parri a:ra:ynto:ma:ṇa:l atu maṇatirku pa:ratai tarukiratu.*] 3 [*uta:raṇama:ka namatu male:ciyarkaḷil 80 viḷukka:ṭiṇar uṇavu mukko:ṇattin vali uṇavai me:rkoḷḷavillai enṛu o:r a:ra:ycciyiṇ vali teriya vantullatu.*] 4 [*na:m uṇavu uṇṇum po:tu kaṇṭippa:ka uṇavu mukko:ṇattai pinparra ve:ṇṭum.*] 5 [*anta uṇavu mukko:ṇattil na:m evvaḷavu uṇavu aḷavai me:rkoḷḷa ve:ṇṭum enṛu vali yuruttukinratu.*] 6 [*ata:vatu na:m atika u:ṭṭaccattu mikunta uṇavaiyum purataccattu mikunta uṇavaiyum eṭukka ve:ṇṭum.*] 7 [*ato:ṭu koluppuccattu mikunta uṇavai tavirkka ve:ṇṭum.*]

Terjemahan Teks Asal:

1 Pernyataan **amalan pemakanan** yang tidak sihat menjadi punca utama kepada masalah berat badan. 2 Jika kita mengkaji **amalan pemakanan** masyarakat Malaysia **kita**, ianya sangat menyedihkan hati. 3 **Sebagai contohnya**, melalui **satu** kajian didapati bahawa seramai 80% masyarakat Malaysia **kita** tidak mengamalkan amalan pemakanan berdasarkan **piramid makanan**. 4 Apabila **kita** makan, harus menepati **piramid makanan**. 5 Dalam piramid makanan **itu**, kuantiti makanan yang seharusnya diambil oleh **kita** ditegaskan. 6 **Iaitu**, **kita** sepatutnya mengambil makanan yang berkhasiat **dan** berprotein dalam kuantiti yang banyak. 7 **Tambahan**, harus mengelakkan makanan yang mengandungi lemak yang berlebihan.

Pembetulan Teks Asal:

1 [*muraiyarra uṇavu murai enra ku:rruta:n ku:tutal utal eṭaikku mukkiya ka:raṇama:ka viḷaṅkukiratu.*] 2 [*male:ciyarkaḷiṇ uṇavu muraiyai parri a:ra:ynto:ma:ṇa:l atu maṇatirku pa:ratai tarukiratu.*] 3 [*enenral, namatu male:ciyarkaḷil 80 viḷukka:ṭiṇar uṇavu mukko:ṇattaip pinparri uṇavai me:rkoḷḷavillai enru o:r a:ra:ycciyiṇ vali teriya vantulḷatu.*] 4 [*na:m uṇavu uṇṇum po:tu kaṇṭippa:ka uṇavu mukko:ṇattai pinparra ve:ṇṭum.*] 5 [*enenral, uṇavu mukko:ṇattil na:m uṇṇum uṇaviṇ vakaikaḷuke:rpa atan aḷavu valiyruttappaṭṭuḷḷatu.*] 6 [*ata:vatu, na:m atika u:ṭṭaccattu mikunta uṇavaiyum purataccattu mikunta uṇavaiyum eṭukka ve:ṇṭum.*] 7 [*ato:ṭu, koluppuccattu mikunta uṇavai na:m tavirkka ve:ṇṭum.*]

Terjemahan Pembetulan Teks Asal:

1 Pernyataan **amalan pemakanan** yang tidak sihat menjadi punca utama kepada masalah berat badan. 2 Jika kita mengkaji **amalan pemakanan** masyarakat Malaysia, ianya sangat menyedihkan hati. 3 **Ini kerana**, melalui **satu** kajian didapati **bahawa** seramai 80% masyarakat Malaysia tidak mengamalkan amalan pemakanan berdasarkan **piramid makanan**. 4 Apabila kita makan, **kita** harus menepati **piramid makanan**. 5 Piramid makanan menegaskan kuantiti makanan yang seharusnya diambil oleh seseorang. 6 **Iaitu**, **kita** sepatutnya mengambil makanan yang berkhasiat **dan** berprotein dalam kuantiti yang banyak. 7 **Tambahan**, **kita** harus mengelakkan makanan yang mengandungi lemak yang berlebihan.

Perenggan yang dipaparkan di atas merupakan satu perenggan yang dipetik dari kategori karangan yang sederhana. Jika dilihat teks asal di atas, didapati bahawa responden telah menggunakan pelbagai Kohesi Nahuan dan Leksikal (kata-kata yang dihitamkan dalam teks asal). Namun, ada Kohesi Nahuan dan Leksikal yang digunakan pada tempat

yang salah. Penggunaan Kohesi Nahuan yang salah telah dialihkan oleh pengkaji dalam teks pembetulan (ayat 2 dan 3; teks asal). Pengkaji juga telah menambahkan beberapa Kohesi Nahuan pada tempat yang sepatutnya. (ayat 3, 5 dan 7; teks pembetulan). Petikan tersebut didapati mengandungi penghuraian yang kurang menepati tajuk karangan iaitu punca masalah berat badan. Ini kerana, responden tidak memberikan penghuraian yang mencukupi bagi isi utama dalam petikan tersebut. Sepatutnya responden menghuraikan bagaimana amalan pemakanan yang tidak sihat dengan tidak mengikuti piramid makanan menjadi punca kepada masalah berat badan. Selain itu, jika dilihat dari segi organisasi isi, didapati bahawa petikan di atas tidak diorganisasikan dengan baik. Walaupun responden telah mengorganisasikan perenggan di atas mengikut susunan isi utama, penghuraian dan contoh yang berkaitan dengan isi utama, namun, penulisannya gagal menunjukkan hubungan kait dengan tajuk. Manakala, jika dilihat dari segi gaya persembahan, petikan di atas didapati masih mempunyai bahasa yang agak lancar. Namun, didapati responden telah melakukan kesalahan tanda baca seperti penggunaan tanda baca koma (ayat 6 dan 7; teks asal). Akhirnya, didapati penulis telah melakukan kesalahan dari segi tatabahasa bahasa Tamil (ayat 5; teks asal).

4.6.3 Karangan Lemah

Berikut ialah petikan dari karangan kategori lemah yang menunjukkan ciri-ciri koheren yang wujud dalam karangan tersebut.

Contoh dari Responden R20:

Teks Asal:

1 [eppo:tu oruvan uṭal parumaṇa:ka irukkira:ṇo: avan va:lkaiyil ca:tikka ve:ṇṭiya pala vishayaṇkaḷai ilakkira:ṇ.] 2 [perumpa:lum, uṭal parumaṇa:ka irunta:l, oruvarukku co:mbal irukkum.] 3 [a:tala:l, avarkaḷ oru ve:laiyai ceyyakku:ṭa ciramappaṭuva:rkaḷ.] 4 [pirarin utaviyaiye: nalkuva:rkaḷ.] 5 [ippaṭippaṭṭavarkaḷ, taṇkaḷ va:lkaiyil valarciyum ca:taṇaiyum pera:mal iruppato:ṭum kuṭumbattiṛkum na:ṭṭiṛkum oru

munne:rramum aṭaiya:mal oru cumaiya:kave:ta:n ka:ṇappaṭuva:rkaḷ.] 6 [itaṇa:l, pala tarama:ṇa ilaiṇarkaḷai ilakka ne:ridum.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Apabila seseorang bermasalah berat badan, dia akan ketinggalan banyak perkara yang sepatutnya dicapai dalam hidupnya. 2 Kebanyakan, jika **bermasalah berat badan** seseorang akan berasa malas. 3 Oleh itu, mereka akan berasa sukar untuk melakukan **sesuatu** perkara. 4 Meminta bantuan orang lain. 5 **Orang-orang sebegini**, bukan sahaja tidak mencapai satu perkembangan tidak mampu mencapai sebarang perkembangan **dan** matlamat dalam hidupnya sendiri dilihat **satu** beban kepada keluarga **dan** negara. 6 Dengan ini, kehilangan ramai remaja yang berpotensi.

Pembetulan Teks Asal:

1 [*eppo:tu oruvar uṭal parumaṇa:ka irukkira:to:, avara:l na:ṭṭirku entavoru ce:vaiyum ceiya muṭiya:mal po:kiratu.*] 2 [*ippaṭippaṭṭavarkaḷ, taṇkaḷ va:ḷkaiyil valarciyum ca:taṇaiyum aṭaiya:mal iruppato:ṭu, na:ṭṭirkum ce:vaiya:rra muṭiya:ta cu:ḷnilaikkut taḷappaṭukinraṇar.*] 3 [*perumpa:lum, uṭal parumaṇa:ka irunta:l, oruvarukku co:mbal irukkum.*] 4 [*itaṇa:l, avarkaḷ cuyama:ka ve:lai ceyya ciramappaṭuva:rkaḷ.*] 5 [*ato:ṭu maṭṭumilla:mal, avarkaḷ enta oru ve:laiyai ceyvataṛkku:m pīrarin utaviyaiye: nalkuva:rkaḷ.*] 6 [*eṇave:, ippaṭippaṭṭavarkaḷ ulaka araṇkil na:ṭṭai piratinitittu enta oru vilaiya:ṭṭup po:ṭṭiyil paṇkuppeṛa mudiya:tu.*] 7 [*a:kave:, uṭal parumaṇ piraccanai oruvarukku e:rpaṭuvata:l, na:ṭu pa tarama:ṇavarkaḷin ce:vaiyai ilantu, na:ṭu valarciyil pintaṇkukiratu.*]

Terjemahan Pembetulan Teks Asal:

1 Apabila seseorang mengalami masalah berat badan, dia tidak dapat menyumbang apa-apa pun kepada negara. 2 Dengan ini, bukan sahaja mereka tidak mampu mencapai sebarang perkembangan **dan** matlamat dalam hidupnya sendiri, **tetapi** menjadi beban tanpa menyumbangkan apa-apa kepada negara. 3 Kebanyakan orang yang **bermasalah berat badan**, akan berasa malas. 4 Di **sebabkan ini**, mereka akan menghadapi kesukaran untuk melakukan **sesuatu** perkara dengan sendiri. 5 Selain itu, **mereka** akan meminta bantuan orang lain untuk melakukan sebarang aktiviti. 6 Dengan itu, orang-orang sebegini tidak dapat mewakili negara dalam acara sukan pada peringkat antara bangsa. 7 Oleh itu, sekiranya seseorang itu mengalami masalah berat badan, negara akan kehilangan jasa orang yang berkebolehan dan pembangunan negara turut terjejas.

Teks di atas dipetik dari karangan lemah yang merupakan satu perenggan isi. Jika dilihat perenggan di atas, didapati bahawa responden telah menggunakan pelbagai Kohesi Nahuan dan Leksikal (kata-kata yang dihitamkan dalam teks asal). Namun, ada Kohesi Nahuan yang digunakan pada tempat yang salah (*a:tala:l* ayat 3; teks asal). Penggunaan Kohesi Nahuan yang salah ini telah dibetulkan oleh pengkaji dalam teks pembetulan. Isi teks ini didapati tidak dihuraikan dengan betul kerana responden telah memberikan satu ayat mengenai isi lain dalam perenggan di atas (ayat 1; teks asal). Namun, ayat tersebut telah dialihkan dalam perenggan pembetulan.

Selain itu, jika dilihat dari segi organisasi isi, didapati bahawa petikan di atas tidak diorganisasikan dengan betul. Ini kerana teks di atas tidak mengikuti urutan isi utama, isi sampingan berserta dengan contoh yang berhubung kait dengan tajuk penulisan tetapi, mengandungi ayat yang dicampuraduk dengan isi yang lain.

Manakala, jika dilihat dari segi gaya persembahan, penggunaan bahasa dalam teks atas didapati tidak lancar. Ini kerana bahasa yang digunakan dalam petikan didapati mengandungi kesalahan tatabahasa bahasa Tamil (ayat 5; teks asal).

4.6.4 Karangan Sangat Lemah

Berikut ialah petikan-petikan dari karangan kategori sangat lemah yang menunjukkan ciri-ciri koheren yang wujud dalam karangan tersebut.

Contoh dari Responden R1:

Teks Asal:

1 [*uṭal paruman piraccanaiya:l, **nam** uṭal pala koṭiya no:ykaḷa:l ta:kkappaṭukinraṇa.*] 2 [*ma:rataippu, ni:rilivu no:y, purru no:y **enra** pala no:ykaḷa:l ta:kkappaṭukinro:m.*]

Terjemahan Teks Asal:

1 Masalah berat badan menyebabkan badan **kita** mengalami pelbagai penyakit yang berbahaya. 2 Mendapat penyakit **seperti** serangan jantung, kencing manis, barah.

Pembetulan Teks Asal:

1 [*uṭal parumaṇ piraccanaiya:l pa:tikkappaṭṭavarkaḷai ma:rataippu, ni:riḷivu no:y **marrum** purru no:y **enra** pala koṭiya no:ykaḷa:l ta:kkukinraṇa.*]

Penterjemahan Pembetulan Teks Asal:

1 Masalah berat badan menyebabkan seseorang diserang pelbagai penyakit yang berbahaya **seperti** serangan jantung, kencing manis **dan** barah.

Teks di atas dipetik daripada karangan yang kategori sangat lemah. Responden telah menggunakan 2 Kohesi Nahan (kata-kata yang dihitamkan dalam teks asal). Namun, salah satunya digunakan pada tempat yang salah (**nam**, ayat 1; teks asal). Penggunaan Kohesi Nahan yang salah telah dibetulkan oleh pengkaji dalam perenggan pembetulan. Petikan di atas juga mengandungi penghuraian yang tidak menepati tajuk karangan iaitu punca masalah berat badan. Ini kerana, jika dilihat perenggan di atas, penghuraian responden hanya mengandungi dua ayat. Sepatutnya responden memberikan isi-isi sampingan serta contoh yang berkisar tentang apakah akibat masalah berat badan dengan lebih terperinci.

Seterusnya, jika dilihat dari segi organisasi isi kandungan, responden tidak menepati pengorganisasian yang betul. Ini kerana, responden sepatutnya menepati pengorganisasian isi kandungan mengikut urutan isi utama, isi sampingan dan contoh yang berhubung kait dengan tajuk penulisan. Manakala, jika dilihat dari segi gaya persembahan, bahasa responden dalam teks di atas tidak lancar, kerana dalam teks terdapat kesalahan tatabahasa. Sebagai contohnya, responden telah melakukan kesalahan penggunaan kata

tunggal-jamak (ayat 1; teks asal) dan juga kesalahan ayat tergantung (ayat 2; teks asal).

Ayat-ayat ini membantutkan pemahaman pembaca yang membacanya.

Contoh dari Responden R2:

Teks Asal:

1 [itaitavirttu, uṭal eṭai uṭaiyavarkaḷa:l na:ṭṭin munne:rram kunrukīratu.]
2 [uṭal parumaṇa:ka iruppavarkaḷai ve:laikku eṭukka:tatum, avarkaḷin alaḱarra
to:rramalippata:lum avarkaḷai ve:laikku eṭuppatillai.] 3 [me:lum, avarkaḷai
viḷaiya:ṭukaḷil eṭuppatai kuraittu koḷkinraṇar.] 4 [itan vaḷi, avarkaḷ maṇam uṭaintu
po:kinraṇar.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Selain itu, orang yang bermasalah berat badan menyebabkan pembangunan negara terjejas. 2 Orang yang bermasalah berat badan tidak diambil untuk pekerjaan, rupa mereka yang tidak cantik menyebabkan **mereka** tidak diambil kerja. 3 Selain itu, pengambilan mereka dalam bidang sukan juga dikurangkan. 4 Dengan ini, mereka berputus asa.

Pembetulan Teks Asal:

1 [itaitavirttu, uṭal eṭai uṭaiyavarkaḷa:l na:ṭṭin munne:rram kunrukīratu.]
2 [uṭal parumaṇa:ka iruppavarkaḷa:l tarama:ṇa ce:vaiyai na:ṭirkku vaḷaṇka
muṭiya:tu.] 3 [e:nenil, uṭal parumaṇa:ka iruppavarkaḷ velay ceyya
ciramappaṭuvatuṭan velay ilakkum apa:yamum e:rpaṭukīratu.] 4 [itan vaḷi, na:tu pala
kalvima:ṇkaḷai ilakkīratu.] 4 [me:lum, oruvar uṭal parumaṇa:ka irunta:l
viḷaiya:ṭukaḷil paṇku koḷlum va:yppilla:mal po:kīratu.] 5 [itan vaḷi, avarkaḷ
evvitama:ṇa po:ṭṭikaḷilum na:ṭai piratinititu paṇke:rka muṭiya:tu.] 6 [ivva:ru na:tu
pala tarama:ṇa kalvima:ṇkaḷaiyum tiramaiya:ṇa viḷaiya:ṭṭu vi:rarkaḷaiyum
ilappata:l, na:ṭṭin vaḷarci taṭaippaṭukīratu.]

Penterjemahan Pembetulan Teks Asal:

1 Selain itu, orang yang bermasalah berat badan menyebabkan pembangunan negara terjejas. 2 Ini kerana, orang yang bermasalah berat badan bukan sahaja sukar untuk bekerja tetapi juga dikhuatiri akan kehilangan pekerjaan. 3 Dengan ini, negara akan kehilangan golongan para akademik. 4 Tambahan, sekiranya seseorang itu berbadan besar, dia mempunyai peluang yang tipis untuk mengambil bahagian dalam acara sukan. 5 Dengan ini, mereka tidak dapat mewakili negara dalam sebarang acara sukan. 6 Dengan sebegini, negara kehilangan kebanyakan para akademik serta ahli sukan yang berkemahiran yang akan menyebabkan pembangunan negara terjejas.

Teks di atas merupakan perenggan isi yang dipetik daripada kategori karangan yang sangat lemah. Jika dilihat perenggan di atas, didapati bahawa responden telah menggunakan beberapa Kohesi Nahuan (kata-kata yang dihitamkan dalam teks asal). Namun, ada Kohesi Nahuan yang tidak digunakan pada tempat yang sepatutnya. Penggunaan Kohesi Nahuan yang salah telah dibetulkan oleh pengkaji dalam perenggan pembetulan (*e:nenil*, ayat 3; pembetulan teks asal). Teks ini juga didapati mengandungi penghuraian yang tidak menepati tajuk karangan, iaitu punca masalah berat badan. Ini kerana, jika dilihat teks di atas, penghuraian yang diberikan hanya mengandungi empat ayat. Sepatutnya responden memberikan isi-isi sampingan serta contoh yang berkisar tentang apakah akibat masalah berat badan dengan lebih terperinci. Selain itu, jika dilihat dari segi organisasi isi, didapati bahawa petikan di atas tidak menepati pengorganisasian yang betul, iaitu mengikut urutan seperti isi utama, isi sampingan dan contoh yang berhubung kait dengan tajuk. Jika dilihat dari segi gaya persembahan, petikan di atas didapati mempunyai bahasa yang tidak lancar. Ini kerana bahasa yang digunakan dalam petikan didapati mengandungi kesalahan gramatis (ayat 2; teks asal). Ayat ini juga merupakan ayat yang sukar untuk difahami dan membantutkan koheren.

4.7 Kelemahan Koheren dalam Karangan Responden

Analisis kelemahan koheren dilakukan berdasarkan jenis-jenis kelemahan Wikborg, E. (1990) yang diadaptasi dan diubahsuai oleh pengkaji setelah berbincang dengan penyelia. Kelemahan koheren dalam karangan pelajar dianalisis bagi menjawab soalan kajian yang kelima seperti berikut:

Soalan Kajian 5: Apakah kekerapan jenis-jenis kelemahan koheren yang terdapat dalam karangan responden?

Bagi menjawab soalan kajian di atas, analisis kelemahan koheren dilakukan berdasarkan kepada lima jenis kategori utama iaitu pendahuluan, isi, ayat, pemerenggan dan penutup. Berikut adalah analisis koheren mengikut kategori tersebut.

4.6.1 Analisis Jenis Kelemahan Koheren Kategori Pendahuluan


Kelemahan koheren kategori pendahuluan terbahagi kepada dua jenis, iaitu i) definisi tajuk tidak tepat dan ii) penerangan definisi tajuk lemah. Definisi tajuk tidak tepat merujuk kepada kesalahan tidak memberikan definisi masalah berat badan dalam satu ayat. Definisi masalah berat badan ialah jisim kasar lemak dalam tubuh seseorang yang melebihi pengiraan Indeks Jisim Tubuh (BMI). Manakala penerangan definisi tajuk yang lemah pula merujuk kepada ketiadaan huraian bagi pengiraan berat badan mengikut Indeks Jisim Tubuh (BMI). Responden seharusnya menerangkan bahawa pengiraan Indeks Jisim Tubuh seseorang dikira dengan menggunakan rumus berat badan dibahagikan dengan hasil darab tinggi (tinggi m x tinggi m). Selain itu, responden juga seharusnya memberikan penerangan yang terperinci tentang pengiraan Jisim Indeks Tubuh, iaitu ia berbeza mengikut umur dan jantina seseorang. Setiap karangan responden (36) dianalisis untuk

memastikan kedua-dua kelemahan ini. Jadual seterusnya menerangkan secara terperinci analisis jenis kelemahan koheren bagi kategori pendahuluan.

Jadual 4.20
Jenis Kelemahan Koheren Kategori Pendahuluan

Bil	Jenis Kelemahan Koheren Kategori Pendahuluan	Jumlah Kelemahan (Pendahuluan)	Peratus Kelemahan (%)	Jumlah Betul (Pendahuluan)	Peratus Betul (%)
1.	Definisi tajuk tidak tepat	34	99.4%	2	1.6%
2.	Penerangan definisi tajuk lemah	16	44.4%	20	55.6%

Jadual 4.20 menunjukkan bahawa seramai 34 (99.4%) orang responden tidak memberikan sebarang definisi dalam penulisan mereka dan hanya seramai 2 (1.6%) orang responden sahaja telah memberikan definisi tajuk dalam penulisan mereka. Namun, definisi yang diberikan didapati masih tidak menepati definisi yang sebenar. Selain itu, seramai 16 (44.4%) orang responden telah memberikan penerangan tajuk definisi yang lemah dan yang selebihnya, iaitu seramai 20 (55.6%) orang responden telah memberikan keterangan tajuk definisi yang memuaskan. Rajah berikut menunjukkan peratusan kekerapan kelemahan koheren kategori pendahuluan secara lebih terperinci.



Rajah 4.9
Peratus Kekerapan Kelemahan Koheren Kategori Pendahuluan

Seterusnya ialah contoh definisi tajuk yang tidak tepat.

Contoh dari Sampel R12:

Teks Asal:

1 [nam na:tu irubata:m nu:rraṇtai no:kkic cenrukkonrukkum ivve:laiyil, namatu maleciya makkaliṭaiye: ku:ṭutal uṭal uṭaiyavarkaḷakave: uḷḷanar enra:l atu mikaya:katu.]
2 [atuvum, itupo:nra ku:ṭutal eṭaiyai koṇṭavarkaḷil iḷa vayatiṇarum aṭaṅkuvar.] 3 [ku:ṭutal uṭal eṭai enbatu, oruvariṇ vayatirku e:rra uṭal eṭai illa:mal, atikama:kavum aḷavukku mi:riyum iruppate: a:kum.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Dalam era menuju wawasan 2020, masyarakat Malaysia berhadapan dengan masalah berat badan. 2 Lebih-lebih lagi, golongan remaja juga turut mengalami masalah ini. 3 Berat badan ialah di mana seorang mempunyai berat badan yang tidak mengikut umurnya serta melebihinya.

Teks di atas menunjukkan salah satu pendahuluan yang mempunyai definisi tajuk karangan iaitu masalah berat badan. Namun, definisi yang diberikan oleh responden masih tidak menepati definisi yang sebenar. Definisi tajuk ini agak kabur kerana berat badan bukan semata-mata mengikut umur seseorang, tetapi juga melibatkan ketinggian seseorang. Responden sepatutnya mendefinisikan masalah berat badan sebagai pengiraan jisim lemak kasar dalam tubuh seseorang yang melebihi pengiraan *Body Mass Index*.

Contoh dari Sampel R22:

Teks Asal:

1 [innavi:na 2020 tu:rano:kkut tiṭṭa ceyalpaṭṭai no:kki pi:ṭunaṭai po:ṭṭukkoṇṭirukkum namatu male:ciya makkaḷiṭaiye: uṭal parumaṇ piraccaṇai e:rakkuraiya atikaḷavil talaitu:kku uḷḷatu.] 2 [uṭal eṭai eṇbatu oru maṇitarin uṭaliṇ pa:rattaiyum ataṇ aḷavaiyum kuṛippitukiratu.] 3 [uṭal eṭai ci:ra:ka amaintuḷḷata: eṇbatai 'Body Mass Index' eṇṇum muṛaiyil kaṇakkiṭala:m.] 4 [ata:vatu, oru a:ṇiṇ uṭal eṭaiyum peṇṇiṇ uṭal eṭaiyum iṭil verupaṭukiratu.] 5 [uta:raṇattirku, ore: aḷavila:na uyarattai koṇṭe o:r a:ṇum peṇṇum ci:ra:na uṭalai uṭaiyavarkaḷukku camama:na uṭal eṭaiyai kuṛippita:tu.] 6 [a:ṇiṇ uṭal eṭaiyai atikama:kavum peṇṇiṇ uṭal eṭaiyai ciritu kuṛaittu ka:ṭṭuvate: 'Body Mass Index' eṇappaṭum.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Dalam era menuju wawasan 2020 ini, masyarakat Malaysia kita kebanyakannya mengalami masalah berat badan. 2 Berat badan merujuk kepada berat seseorang dan penyukatannya. 3 Kita boleh menilai sama ada kita mempunyai berat badan yang seimbang dengan menggunakan cara *Body Mass Index*. 4 Iaitu, berat badan seorang lelaki dan perempuan berbeza dalam pengiraan ini. 5 Sebagai contohnya, seorang lelaki dan perempuan yang mempunyai ketinggian yang sama badan yang sejahtera tidak akan mendapat pengiraan berat badan yang sama. 6 *Body Mass Index* ialah pengiraan yang menunjukkan berat badan seorang lelaki yang lebih banyak berbanding berat badan seorang perempuan.

Teks di atas merupakan pendahuluan responden yang mengandungi definisi yang tidak tepat. Responden hanya mendefinisikan berat badan iaitu berat seseorang dan penyukatannya. Sepatutnya, responden mendefinisikan masalah berat badan seseorang iaitu jisim lemak kasar dalam tubuh seseorang yang melebihi pengiraan *Body Mass Index*.

Seterusnya ialah contoh penerangan definisi tajuk yang lemah yang dihasilkan responden.

Contoh dari Sampel R15:

Teks Asal:

1 [*inraiya ka:lakkattatil udal parumana:ka iruppatu o:r iyarkaiya:ka po:ivittatu.*]
2 [*male:ciya:vileye: e:ratt:ala 40 vilukka:ttinar uṭal eṭai uṭaiyavarkaḷa:ka irukkinṛaṇar.*]
3 [*ittakaiyac ceyalai kuraikka araca:ṇkam pala naṭavadikkaikaḷai eṭuttu varukinṛaṇar.*] 4
[*ate:po:l, uṭal eṭai e:rpaṭuvataṛkka:na ka:raṇaṇkaḷaiyum a:yvu ceytu varukinṛaṇar.*]

Terjemahan Teks Asal:

1 Pada masa kini, masalah berat badan telah menjadi satu perkara yang biasa. 2 Di Malaysia, lebih kurang 40% penduduk mengalami masalah berat badan. 3 Pihak kerajaan telah mengatur pelbagai langkah untuk mengurangkan masalah sebegini. 4 Seperti itu juga, pihak kerajaan sedang mengkaji punca-punca yang mengakibatkan masalah ini.

Contoh dari Sampel R24:

Teks Asal:

1 [*namatu male:ciya na:ṭṭil tolil nuṭpa vaḷarciya:lum ariviyal ulaka ma:rratta:lum ettaṇaiyo: piraccāṇaikalum ti:rvukalum naṭantu koṇṭe: varukiratu.*] 2[*avarṛul onṛu maṇitarkaḷiṭaiye: uḷḷa uṭal eṭai piraccāṇai.*] 3 [*a:m, male:ciya makkaḷiṭaiye: suma:r 40 % inta uṭal eṭai piraccāṇai e:rpaṭṭirukkiratu.*] 4 [*inta eṇṇikkai na:ḷukku na:l atikarittu varukiratu.*] 5 [*akka:lattil ippiraccāṇai periyavarkaḷukkutta:ṇ atikam ne:rntatu.*] 6 [*a:ṇa:l, ippo:tu, kuḷantaikaḷukkum ciṛu piḷḷaikaḷukkum ku:ṭa ippiraccāṇai ne:rntu varukiratu.*]

Terjemahan Teks Asal:

1 Perubahan yang dibawa oleh kemajuan teknologi telah mengakibatkan pelbagai masalah serta penyelesaian baginya di negara kita. 2 Antaranya ialah masalah berat badan dalam kalangan manusia. 3 Ya, hampir 40% rakyat Malaysia mengalami masalah berat badan. 4 Bilangan ini semakin meningkat setiap tahun. 5 Masalah ini hanya wujud dalam kalangan orang dewasa pada masa dahulu. 6 Tetapi, pada masa kini masalah ini wujud dalam kalangan kanak-kanak

Contoh dari Sampel R5:

Teks Asal:

1 [nam male:ciya na:ttil na:lukku n:al ku:tutal utal etai udaiyavarkal atikaritttu konde: irukkinraṇar.] 2 [aṇaivarum paṇatthi i:ttuvatile: atika kavaṇam celuttuvata:l udalaip paṇṇi akkarai koḷvatu mikavum kuṛaiva:kave: irukkīratu.] 3[paṇatthirṅku tarukinṇe mukkiyattuvattai udal a:ro:kkiyattirṅku taruvataṇṅku makkal tayakkam ka:ttukinraṇar.] 4 [eṇave:,udal parumaṇa:ga iruppataṇṅku nīraiya ka:raṇaṅkal irukkinraṇa.] 5 [me:lum ataṇa:l, e:ṛpaṭakku:ṭiya vīlaivukalum irukkinraṇa.] 6 [na:m ka:raṇaṅkalai a:raintu pa:rtto:ma:na:l eṇṇil aṭaṅka:.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Di Malaysia bilangan orang yang mengalami masalah berat badan semakin meningkat. 2 Semua orang memberikan perhatian untuk mencari duit semata-mata sahaja tanpa menghiraukan kesihatan badan. 3 Keutamaan yang diberi oleh masyarakat untuk mencari wang ringgit tidak diberi untuk memelihara kesihatan. 4 Oleh itu, terdapat banyak faktor yang menjadi punca berat badan. 5 Tambahan pula, terdapat pelbagai masalah yang bakal menimpa akibat daripada masalah berat badan. 6 Punca-punca masalah ini adalah tidak terhingga.

Petikan-petikan (R15, R24 dan R5) adalah pendahuluan bagi karangan. Kesemua pendahuluan menunjukkan keterangan definisi tajuk yang lemah. Ini kerana, para responden telah memberikan keterangan tajuk yang tidak kukuh. Sepatutnya responden memberikan penerangan tentang cara pengiraan jisim tubuh seseorang dilakukan. Selain itu, responden juga seharusnya memberikan penerangan yang terperinci tentang pengiraan jisim indeks tubuh iaitu ia berbeza mengikut umur dan jantina seseorang dan bukannya mengulangi tajuk karangan dan fakta yang diberikan dalam tajuk karangan (R15 dan R24).

4.7.2 Analisis Jenis Kelemahan Koheren Kategori Isi

Kelemahan koheren kategori isi terbahagi kepada dua jenis iaitu i) isi tidak dihuraikan dengan betul dan ii) isi utama terpesong. Untuk menganalisis kelemahan ini, jumlah isi yang dihasilkan oleh responden dianalisis setiap satunya. Setiap responden dikehendaki menulis lima isi dalam karangannya. Oleh itu, jumlah isi yang dianalisis ialah


180 ($5 \times 36 = 180$). Jadual 4.21 menerangkan secara terperinci tentang analisis jenis kelemahan koheren kategori isi.

Jadual 4.21
Jenis Kelemahan Koheren Kategori Isi

Bil	Jenis Kelemahan Koheren Kategori Isi	Jumlah Keseluruhan (Isi)	Jumlah Kelemahan (Isi)	Peratus Kelemahan (%)	Peratus Betul (%)
1.	Isi tidak dihuraikan dengan jelas	180	94	52.2%	47.8%
2.	Isi utama terpesong	180	35	19.4%	80.6%

Jadual 4.21 menunjukkan jumlah kekerapan serta peratus bagi kategori kelemahan koheren isi. Jenis kelemahan koheren isi yang pertama, iaitu isi tidak dihuraikan dengan jelas mencatat kekerapan kelemahan yang paling tinggi iaitu sebanyak 94 (52.2%) isi dan isi-isi selebihnya sebanyak 86 (47.8%) isi telah dihuraikan dengan betul.

Manakala jenis kelemahan koheren isi yang kedua, iaitu isi utama terpesong pula mencatat kekerapan kelemahan sebanyak 35 (19.4%) isi dan baki isi-isi utama, iaitu sebanyak 145 (80.6%) isi telah dihuraikan dengan betul dan tidak terpesong. Rajah seterusnya menunjukkan dengan terperinci tentang peratus kekerapan kelemahan kategori isi.



Rajah 4.10
Peratus Kekerapan Kelemahan Koheren Kategori Isi

Berikut ialah contoh isi yang tidak dihuraikan dengan jelas dari karangan responden 25.

Contoh dari Sampel R25:

Teks Asal:

1 [nam na:tt̃il uṭal eṭai atikam uṭaiyavarkaḷiṇ eṇṇikkai atikarittukkoṇṭe: celvataṛku pala mukkiya ka:raṇaṅkaḷ uḷḷaṇa.] 2 [Avarṛul mutanṇmaiya:ka iruppatu nam male:ciya makkaḷa:l kaṭaiṇṇiṭikkappaṭum muraiaṛra uṇavumuṛaye: a:kum.] 3 [nam na:tt̃il aṛiviyal marṛum toḷilnuṭpa vaḷarcikke:rpa makkaḷiṇ uṇavumuraiaṇum ma:rṛamaṭainta vaṇṇama:kave: uḷḷatu.] 4 [makkaḷ cattuḷḷa uṇavumuraiaṇi kaṭaiṇṇiṭippatait tavirttu mikavum culapama:kavum viraiva:kavum kiṭaikkapperum tiṭi:r uṇavukaḷaiye: atikam virumpi uṇṇukinṇaṇar.] 5 [atumaṭṭumilla:mal, ka:ikaṛikaḷ, palaṅkaḷ po:nṛa uṭalukku a:ro:kkiyattaik koṭukkum uṇavukaḷai uṇṇa:mal atika ceyarkaḷi raca:yaṇaṅkaḷaik koṇṭu taya:rikkappaṭum uṇavukaḷaiye: atikam virumpukinṇaṇar.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Terdapat beberapa sebab utama bagi peningkatan bilangan rakyat yang mempunyai masalah berat badan di negara ini. 2 Sebab utama antaranya ialah amalan pemakanan yang tidak sihat dalam kalangan rakyat Malaysia. 3 Di Malaysia, selaras dengan kemajuan sains dan teknologi, amalan pemakanan rakyat juga semakin berubah. 4 Rakyat mengelakkan pengambilan makanan yang berkhasiat dan lebih gemar untuk makan makanan segera yang boleh didapati dengan mudah dan cepat.

5 Selain itu, rakyat juga tidak mengambil makanan-makanan yang berkhasiat seperti sayur-sayuran dan buah-buahan tetapi, suka makan makanan yang disediakan dengan menggunakan bahan-bahan kimia.

Contoh isi di atas jelas menunjukkan bahawa isi yang diperkenalkan oleh responden R25 tidak diuraikan dengan jelas. Jika diteliti, isi yang diperkenalkan oleh responden ialah amalan pemakanan yang tidak sihat yang diamalkan oleh rakyat Malaysia yang menjadi punca utama berlakunya masalah berat badan. Namun, responden gagal menghubungkan punca yang dicadangkan ini dengan huraian yang sepatutnya membincangkan bagaimana punca ini menyebabkan masalah berat badan berlaku. Responden sepatutnya memberi penguraian tentang bagaimana amalan pemakanan yang tidak sihat boleh menyebabkan masalah berat badan.

Contoh dari Sampel R27:

Teks Asal:

1 [*mutal ka:raṇam eṇṇavenra:l, muraiyarra uṇavumurai eṭukka:tata:kum.*]
2 [*nam na:ṭṭu makkal alaṭciyama:ka iruppataṇa:le: ci:ra:ṇa uṇavumurai eṭuppataṛkut taṭaiya:ka amaikiratu.*] 3 [*muraiyarra uṇavu murai pinparruvata:l nam na:ṭṭil udal parumaṇin eṇṇikkai atikarippatumattumilla:mal uṭalukku niraia pa:tippukalaik koṭukkinraṇa.*] 4 [*muraiyarra uṇavu murai eṇra:l aḷavukku atikama:ka ca:ppiduvatu.*] 5 [*nam uṭalukku te:vaiya:ṇa aḷavu mattum uṇavukaḷ uṭkoḷḷa ve:ṇṭum.*]

Terjemahan Teks Asal:

1 Sebab utama ialah pengambilan makanan yang tidak sihat. 2 Sikap tidak bertanggungjawab masyarakat kita menjadi satu halangan kepada amalan pemakanan yang sihat. 3 Amalan pemakanan yang tidak sihat di negara kita bukan sahaja meningkatkan bilangan orang yang bermasalah berat badan malah, menyebabkan pelbagai masalah kepada badan kita. 4 Amalan pemakanan yang tidak sihat bermakna makan secara berlebihan. 5 Kita seharusnya memakan makanan dalam kuantiti yang diperlukan sahaja.

Contoh isi yang diberikan di atas juga merupakan isi yang tidak dihuraikan dengan baik. Isi yang diketengahkan oleh responden ialah berkenaan amalan pemakanan yang tidak sihat. Namun, responden tidak menunjukkan apa hubungannya amalan pemakanan yang tidak sihat dengan masalah berat badan. Responden seharusnya menerangkan bagaimanakah amalan pemakanan yang tidak sihat menjadi punca kepada masalah berat badan kerana tema atau pokok persoalan dalam tajuk karangan adalah mengenai masalah berat badan.

Seterusnya ialah contoh isi dari karangan responden yang menunjukkan kelemahan isi utama terpesong.

Contoh dari Sampel R35:

Teks Asal:

[*atumaṭṭumalla:mal, vaḷamarra va:lkkaiyum oru inṛiyamaiya:ta villaiva:ka karutappaṭukinṛatu.*] [*ittakaiyac cu:lnilai nadaipperuvata:lta:n namakku no:y ne:riṭa ka:raṇama:kiratu.*] [*atumaṭṭuminṛi, itaṇvaḷi na:ṭṭin muṇṇe:rramum taṭaipaṭukiratu.*] [*eppaṭiyenṛa:l, uṭal eṭai atikarittata:l na:m entavoru po:ṭṭiyilum iṭampera iyala:tu.*] [*itaṇvaḷi, nam na:ṭirku perumai ce:rkka iyala:tu enbatu kurippiṭatakkatu.*]

Terjemahan Teks Asal:

Selain itu, satu lagi akibat yang utama ialah kehidupan yang tidak sejahtera. Keadaan ini menyebabkan kita mendapat penyakit. Selain itu, masalah ini menjadi penghalang kepada pembangunan negara. Ini kerana, kita tidak boleh menyertai sebarang perlawanan bagi mewakili negara sekiranya kita mengalami masalah berat badan. Oleh itu, kita tidak boleh mengharumkan nama negara.

Contoh yang ditunjukkan sebelum ini merupakan contoh isi utama yang terpesong. Jika dilihat isi yang diberikan oleh responden salah satu akibat masalah berat badan, iaitu kehidupan seseorang menjadi tidak sejahtera. Namun, responden tidak menjelaskan bagaimana masalah berat badan mengakibatkan kehidupan seseorang menjadi tidak sejahtera. Malah, responden telah memperkenalkan 2 isi yang baru, iaitu akibat daripada

masalah berat badan seperti mendapat penyakit dan menjadi penghalang kepada pembangunan negara terjejas khususnya dalam bidang sukan.

Contoh dari RespondenR2:

Teks Asal:

1 [itaitavirttu, uṭal eṭai uṭaiyavarkaḷa:l na:ṭṭin munne:rram kunrukiratu.]
2 [uṭal parumaṇa:ka iruppavarkaḷai ve:laikku eṭukka:tatum, avarkaḷin alakarra to:rramaḷippata:lum avarkaḷai ve:laikku eṭuppatillai.] 3 [me:lum, avarkaḷai viḷaiya:ṭukaḷil eṭupatai kuraittu koḷkinraṇar.] 4 [itan vali, avarkaḷ maṇam uṭaintu po:kinraṇar.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Selain itu, orang yang bermasalah berat badan menyebabkan pembangunan negara terjejas. 2 Orang yang bermasalah berat badan tidak diambil untuk pekerjaan, rupa mereka yang tidak cantik menyebabkan mereka tidak diambil kerja. 3 Selain itu, pengambilan mereka dalam bidang sukan juga dikurangkan. 4 Dengan ini, mereka berputus asa.

Contoh di atas merupakan contoh isi utama yang terpesong. Jika dilihat isi yang diberikan oleh responden, isi utamanya ialah salah satu akibat masalah berat badan iaitu pembangunan negara terjejas. Sepatutnya, responden menghuraikan dengan lebih terperinci tentang bagaimana pembangunan negara terjejas dengan orang yang bermasalah berat badan, contohnya mereka tidak dapat mewakili negara dalam pelbagai acara sukan pada peringkat kebangsaan. Tetapi, responden telah memperkenalkan isi baru, iaitu kehidupan orang yang bermasalah berat badan menjadi tidak sejahtera.


4.6.3 Analisis Jenis Kelemahan Koheren Kategori Ayat

Kelemahan koheren kategori ayat mengandung tiga jenis kelemahan yang membantutkan koheren pada peringkat ayat. Jadual berikut menunjukkan kelemahan koheren pada peringkat ayat.

Jadual 4.22
Jenis Kelemahan Koheren Kategori Ayat

Bil.	Jenis Kelemahan Koheren Kategori Ayat	Jumlah Kelemahan (Ayat)	Peratus Kelemahan (%)
1.	Penggunaan ayat yang kurang tepat	163	56.2
2.	Penggunaan ayat tergantung	79	27.2
3.	Penyusunan ayat yang kurang tepat	48	16.6
Jumlah Kelemahan		290	100

Jadual 4.22 memperlihatkan jenis kelemahan koheren kategori ayat. Jumlah keseluruhan ketiga-tiga jenis kelemahan koheren ayat yang dikenal pasti ialah sebanyak 290. Daripada jumlah ini, jenis kelemahan koheren ayat iaitu penggunaan ayat yang kurang tepat mencatat jumlah kelemahan yang paling tinggi iaitu sejumlah 163 (56.2%). Seterusnya, jenis kelemahan penggunaan ayat tergantung merupakan kelemahan yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 79 (27.2%). Akhirnya, kelemahan penyusunan ayat yang kurang tepat mencatat kekerapan kelemahan yang paling rendah iaitu hanya sebanyak 48 (16.6%). Rajah berikut menunjukkan secara terperinci peratus kekerapan kelemahan koheren kategori ayat.



Rajah 4.11
Peratus Kekerapan Kelemahan Koheren Ayat

Berikut ialah beberapa contoh ayat dari karangan responden yang menunjukkan penggunaan ayat yang kurang tepat.

Contoh dari Sampel R36:

Teks Asal:

1 [*uṭal parumaṇ atikarippataṛku mu:laka:raṇama:ka iruppatu muṛaiyarṛa uṇavumuṛai a:kum.*] 2 [*male:ciyarkaḷ perumpa:lo:rkku cariya:ṇa uṇavu muṛaiyai kaiya:ḷa teriyavillai.*] 3 [*ivarkaḷ iṇṇum kiṇaṛrut tavaḷaiya:kave: uḷḷaṇar.*] 4 [*enta uṇavai atikam uṭkollā ve:ṇṭum, enta uṇavai tavirkka ve:ṇṭum eṇṛa vicayattai aṛiya:tata:lta:ṇ uṭal parumaṇ na:ḷukku na:ḷ atikarittukkoṇṭe: po:kiṛatu.*]

Terjemahan Teks Asal:

1 Amalan pemakanan yang tidak sihat menjadi punca utama berlakunya masalah berat badan. 2 Kebanyakan rakyat Malaysia tidak tahu untuk mematuhi amalan pemakanan yang sihat. 3 Mereka masih lagi seperti katak di bawah tempurung. 4 Oleh kerana tidak mengetahui makanan mana yang harus diambil dalam kuantiti yang banyak dan makanan mana yang harus dielak, masalah berat badan menjadi semakin meluas.

Dalam teks yang dipaparkan di atas, ayat yang dihitamkan (ayat 3; teks asal) merupakan ayat yang kurang tepat dalam perenggan tersebut. Ayat tersebut didapati tidak sesuai kerana, responden tidak perlu memberi perumpamaan untuk menunjukkan sifat masyarakat yang tidak tahu untuk mengawal pengambilan makanan mereka. Ini kerana, dalam ayat sebelumnya (ayat 2; teks asal), responden sudah pun menyatakan bahawa rakyat tidak tahu mengamalkan amalan pemakanan yang sihat.

Contoh dari Sampel R10:

Teks Asal:

1 [aṭuttata:ka, uṭal parumaṇ uruva:vataṛka:ṇa ka:raṇam eṇṇaveṇṇa:l uṭarpayiṛciyiṇmai.] 2[tarpolutu ciṛuvarkaḷum ilavayatiṇarum marṛum mutiyo:rkaḷum uṭarpayiṛciyiṇri va:ḷkiṛa:rkaḷ.] 3 [itana:l e:rpaṭum viḷaivukaḷai avarkaḷ aṛiya:r.] 4 [cilar muṛaiyaṛra uṇavumuṛaiyai uṭkoḷyarkaḷa:kavum iruppa:rkaḷ.] 5 [e:n iccu:ḷnilai nikaḷkiṇṇratu?] 6 [itaṛku ore: patil uṭarpayiṛciyiṇmai.] 7 [uṭarpayiṛciyiṇmaiṇa:l nam uṭal co:rvaṭaikiṇṇratu; ratta o:ttam cariyilla:mal amaiyum; marṛum tu:kka veriḷku a:ḷa:kkiṭum.] 8 [uṭarpayiṛciyiṇmai mukkiyama:ka ilavayatiṇaraiyum mutiyo:rkaḷaiyum mikap peritaḷavil ta:kkum.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Seterusnya, punca berlakunya masalah berat badan ialah kerana tidak bersenam. 2 Pada masa kini, para remaja, orang dewasa dan orang tua hidup tanpa bersenam. 3 Mereka tidak mengetahui akibat perbuatan sebegini. 4 **Ada juga sebilangan orang yang mengamalkan amalan pemakanan yang tidak sihat.** 5 Kenapa keadaan ini berlaku? 6 Satu-satunya jawapan untuk ini ialah tidak bersenam. 7 Sekiranya kita tidak bersenam, badan kita akan menjadi lesu; pengaliran darah dalam badan kita akan terganggu; serta akan berasa mengantuk. 8 Tabiat tidak bersenam akan menyebabkan kesan yang mendalam khususnya kepada para remaja dan orang tua.

Dalam teks asal di atas, (ayat 4; teks asal) didapati ayat yang tidak sesuai dalam perenggan tersebut. Ini kerana, ayat tersebut merupakan satu lagi punca yang menyebabkan masalah berat badan, iaitu amalan pemakanan yang tidak sihat dan tidak sepatutnya ditulis sebagai ayat penghuraian dalam perenggan di atas. Pada hal, ayat utama

atau ayat tema dalam perenggan isi (ayat 1; teks asal) membincangkan sikap rakyat yang tidak melakukan senaman yang menjadi punca kepada masalah berat badan. Selain itu, teks asal juga mengandungi dua lagi ayat yang tidak sesuai (ayat 5 dan 6). Ini kerana, kedua-dua ayat ini merupakan ayat berulang. Sekiranya diteliti ayat 1 (teks asal), responden telah pun memberikan jawapan bagi punca berat badan iaitu tidak bersenam. Namun, dalam ayat 5 (teks asal) responden menanya sekali lagi ‘kenapakah keadaan ini wujud?’ dan seterusnya dalam ayat 6 (teks asal) responden memberikan jawapan bagi soalan ini, padahal dalam ayat 1 responden telah pun memberikan jawapannya.

Seterusnya ialah contoh ayat teks responden yang menunjukkan kelemahan penggunaan ayat tergantung.

Contoh dari Sampel R30:

[*ka:ikaṛikaḷ, paḷavakaikaḷ kuṛaitu uṇbatu, koḷuppu niṛaiṇta uṇavukaḷaiye: virumbi uṇbatu.*]

Terjemahan:

Kurang memakan sayur-sayuran dan buah-buahan, gemar makan makanan yang berminyak.

Dalam contoh ayat R30 di atas, responden tidak menyatakan sebarang predikat. Maka, pembaca akan keliru dengan apa yang ingin disampaikan oleh responden.

Contoh dari Sampel R3:

Teks Asal :

[*toṭarntu, maleciyarkaḷiṇ paḷakka vaḷakkaṇkaḷ inta uṭal eṭaikka:ṇa ka:raṇaṇkaḷ.*]

Terjemahan Teks Asal :

Seterusnya, tabiat masyarakat Malaysia sebab-sebab masalah berat badan.

Jika diteliti contoh ayat R3 di atas, responden telah menulis satu ayat tergantung. Sepatutnya, responden harus mengatakan bahawa sikap rakyat Malaysia menjadi salah satu punca kepada berlakunya masalah berat badan.

Contoh dari Sampel R4 :

Teks Asal :

[*me:rkāṇṭa ka:raṇāṅkaḷ noykaḷ, vaḷamarra va:ḷkkai murai marṛum na:ṭṭin munne:rrattai pa:tikkiratu.*]

Terjemahan Teks Asal :

Sebab-sebab yang disenaraikan di atas, penyakit, kehidupan yang tidak sejahtera dan menjejaskan pembangunan negara.

Contoh ayat yang dipaparkan di atas merupakan ayat tergantung yang dikenal pasti dalam perenggan penutup. Dalam contoh ayat di atas, responden cuba membuat satu kesimpulan dengan menyatakan semula akibat-akibat yang disebabkan oleh masalah berat badan. Namun, ayat yang ditulis oleh responden sukar difahami. Sepatutnya responden menulis bahawa masalah berat badan menyebabkan akibat-akibat seperti yang telah dibincangkan dalam penulisannya, iaitu dijangkiti penyakit, kehidupan yang tidak sejahtera dan pembangunan negara terjejas.

Seterusnya ialah beberapa contoh ayat dari karangan responden yang menunjukkan penyusunan ayat yang kurang sesuai.

Contoh dari Sampel R12:

Teks Asal:

[*nam na:ṭu irubata:m nu:rraṇṭai no:kkic cenṛukkoṇrukkum ivve:ḷaiyil, namatu maleciya makkaḷṭaiye: ku:ṭutal uṭal eṭai uṭaiyavarkaḷakave: uḷḷaṇar enra:l atu mikaya:katu.*] (1) [*atuvum, itupo:nra ku:ṭutal eṭaiyai koṇṭavarkaḷil iḷa vayatiṇarum aṭaṅkuvar.*] (4) [*ku:ṭutal uṭal eṭai enbatu, oruvariṇ vayatirku e:rra uṭal eṭai illa:mal, atikama:kavum aḷavukku mi:riyum iruppate: a:kum.*] (3) [*namatu na:ṭṭil ceita a:yviṇ vaḷi, male:ciya makkaḷ atika uṭal eṭai piraccanaikku a:ḷa:kinraṇar.*] (2)

Terjemahan Teks Asal:

Dalam era menuju wawasan 2020, masyarakat Malaysia berhadapan dengan masalah berat badan. (1) Lebih-lebih lagi, golongan remaja juga turut mengalami masalah ini. (4) Berlebihan berat badan ialah di mana seorang mempunyai berat badan yang tidak mengikut umurnya serta melebihinya. (3) Mengikut satu kajian yang telah dilakukan di negara kita, didapati bahawa kebanyakan rakyat Malaysia menghadapi masalah berat badan. (2)

Contoh dari Sampel R12:**Teks Asal:**

[*me:lum, uṭarpayirciyinmai uṭal parumaṇa:ka irupatarṅku perum paṅka:rṛukinṛatu.*] (1) [*na:m tinasari uṭal payirci seyvatu nallatu.*] (3) [*uṭal payirci seyrum po:tu nam uṭaliliruntu kalivup poruṭkaḷ veliya:kinṛana.*] (4) [*nam na:ṭṭil uṭal payirci seyvo:riṇ eṇṇikkai mikavum kuṛaivu eṇru sami:battil na:litaḷ oṇril takaval veliyiṭṭiruntaṇar.*] (2) [*atuve: na:m uṭal payirci seyavillai eṇra:l , na:m uṭkolḷkinṛa uṇavu uṭalil koluppa:ka ma:ri uṭal eṭai atikarikka utavukiratu.*] (5)

Terjemahan Teks Asal:

Tambahan, tabiat tidak suka bersenam menjadi satu punca yang menyebabkan masalah berat badan. (1) Bersenam setiap hari adalah baik untuk kesihatan. (3) Apabila kita bersenam, bahan perkumuhan dari badan kita akan disingkirkan. (4) Baru-baru ini ada akhbar yang melaporkan bahawa bilangan masyarakat yang bersenam di negara kita adalah sangat rendah. (2) Manakala, kita tidak bersenam, makanan yang dimakan akan bertukar menjadi lemak dan seterusnya akan menyebabkan masalah berat badan. (5)

Dalam contoh-contoh teks di atas, didapati responden telah membuat penyusunan ayat yang kurang sesuai dalam teks yang ditulisnya. Pengkaji telah pun menyusun ayat-ayat dalam perenggan di atas (mengikut nombor dalam kurungan) agar ayat-ayat tersebut berhubung kait antara satu sama lain dan menyampaikan mesej dengan tepat.

4.7.4 Analisis Jenis Kelemahan Koheren Kategori Pemerenggan

Jenis kelemahan koheren kategori pemerenggan hanya mengandung satu jenis kelemahan koheren sahaja iaitu pembahagian perenggan yang tidak betul. Koheren antara perenggan ditentukan dengan menilai kewujudan isi yang dicampuradukkan dalam satu perenggan. Jumlah keseluruhan perenggan yang ditulis oleh semua responden ialah sebanyak 252 perenggan ($7 \times 36 = 252$). Jadual berikut menunjukkan jumlah kelemahan koheren kategori pemerenggan.

Jadual 4.23
Jenis Kelemahan Koheren Kategori Pemerenggan

Jenis Kelemahan Kategori Pemerenggan	Kelemahan Perenggan (Bil. Perenggan)	Peratus Kelemahan (%)
Pembahagian perenggan yang tidak betul	27	10.7%
Pembahagian perenggan yang betul	225	89.3%
Jumlah Keseluruhan	252	100%

Jadual 4.23 menunjukkan kekerapan kelemahan koheren kategori pemerenggan. Didapati bahawa dari jumlah keseluruhan perenggan yang ditulis oleh responden, iaitu daripada sejumlah 252 perenggan, hanya 27 (10.7%) perenggan tidak dibahagikan secara betul. Perenggan-perenggan yang selebihnya, iaitu sebanyak 225 (89.3%) perenggan dibahagikan secara betul oleh responden dalam penulisan mereka.

Seterusnya ialah beberapa contoh perenggan daripada karangan responden yang menunjukkan kelemahan pembahagian perenggan yang tidak betul.

Contoh dari R30:

Teks Asal:

1 [Ku:ṭutal uṭal eṭai enra:l enna?] 2 [Inta ke:ḷvikku na:m patil aḷitta:l ta:n, atan ka:raṇaṅkaḷai na:m uṇara allatu a:raya mudiyum.] 3 [Kuṭutal uṭal eṭai enbatu nammuṭaiya uṭal eṭai namatu uyaratirku ku:ṭutala:ka iruppatu.]

Terjemahan Teks Asal:

1 Apa itu berat badan? 2 Jika kita menjawab soalan ini, barulah kita boleh menyedari atau mengkaji punca-punca yang menyebabkannya. 3 Berat badan berlebihan ialah, berat badan seseorang yang melebihi ketinggiannya.

Ketiga-ketiga ayat yang diberikan di atas merupakan permulaan perenggan isi yang pertama. Didapati bahawa responden tidak membuat pembahagian perenggan yang betul dalam perenggan ini. Ketiga-tiga ayat yang ditulis ini, lebih kepada definisi berat badan, yang sepatutnya diberikan dalam perenggan pendahuluan iaitu perenggan sebelum perenggan isi ini. Oleh itu, ketiga-tiga ayat dalam contoh di atas, sepatutnya dijadikan sebahagian dalam perenggan pendahuluan dan bukannya ayat-ayat permulaan dalam perenggan isi.

Contoh dari R18:

Teks Asal:

[itaṛku mukkiya ka:raṇama:ka iruppatu na:ṭṭu makkal muraiyarra uṇavu muraiyaip pinparruvatillai.]

Terjemahan Teks Asal:

Sebab utama yang menyebabkan masalah ini ialah rakyat tidak mengamalkan amalan pemakan yang sihat.

Contoh di atas merupakan ayat terakhir dalam perenggan pendahuluan. Jika diteliti, contoh ayat di atas lebih kepada perenggan isi iaitu punca-punca yang menyebabkan masalah berat badan. Maka, ayat ini lebih kepada isi pertama yang sepatutnya ditulis sebagai ayat pertama dalam perenggan isi dan bukannya sebagai ayat terakhir dalam perenggan pendahuluan. Oleh itu, ayat ini menunjukkan responden telah membuat pemerenggan yang tidak betul.

4.6.5 Analisis Jenis Kelemahan Koheren Kategori Penutup

Akhirnya, jenis kelemahan koheren kategori penutup mengandungi satu jenis kesalahan sahaja iaitu ‘penutup yang kurang sesuai’. Setiap responden telah menulis penutup dalam karangan masing-masing. Maka, jumlah keseluruhan perenggan penutup ialah 36. Jadual seterusnya menunjukkan kekerapan kelemahan bagi kategori penutup.

Jadual 4.24
Jenis Kelemahan Koheren Kategori Penutup

Jenis Kelemahan Kategori Penutup	Bilangan Kelemahan Penutup	Peratus Kekerapan Kelemahan (%)
Penutup yang kurang sesuai	26	72.2%
Penutup yang sesuai	10	27.8%
Jumlah Keseluruhan	36	100%

Jadual 4.24 menunjukkan kekerapan kelemahan koheren bagi kategori penutup iaitu ‘penutup yang kurang sesuai.’ Dari sejumlah 36 penutup yang ditulis oleh responden kajian ini, sebanyak 26 (72.2%) penutup merupakan kurang sesuai. Hanya sebanyak 10 (27.8%) penutup yang ditulis oleh responden dianggap sebagai penutup yang sesuai.

Berikut ialah beberapa contoh penutup dari karangan responden yang menunjukkan penutup yang kurang sesuai.

Contoh dari R34:

Teks Asal:

[*enave:*, '*uṇave: maruntu, marunte: uṇavu*' *eṇbatai niṇaivil koḷḷa ve:ṇṭum.*]

Terjemahan Teks Asal:

Oleh itu, kita harus sentiasa mengingati bahawa kesederhanaan dalam amalan pemakanan adalah sama dengan pengambilan ubat-ubatan bagi memelihara kesihatan seseorang individu.

Dalam contoh ini, responden hanya menulis satu ayat sebagai penutupnya. Maka, penutup ini dikategorikan sebagai 'penutup yang kurang sesuai' kerana tidak merumuskan secara keseluruhan tentang isi-isi yang dibincangkan dalam perenggan-perenggan sebelumnya.

Contoh dari R25:

Teks Asal:

[*iṛutiya:ka, palar uṭal eṭai piraccanaiya:l pala viḷaivukalai etirno:kkukinṇanar.*] [*enave:*, *male:ciya makkal muraiya:na uṇavumuraiyai kaṭaiṇṇittu a:ro:kkiyama:na va:ḷkkaiyai va:ḷa ve:ṇṭum.*]

Terjemahan Teks Asal:

Akhirnya, ramai orang menghadapi pelbagai masalah akibat masalah berat badan. Oleh itu, masyarakat Malaysia harus mengamalkan amalan pemakanan yang sihat untuk kesejahteraan hidup.

Jika melihat penutup di atas, responden telah memberikan lebih dari satu ayat dalam perenggan penutup ini. Namun, penutupnya dikategorikan sebagai 'penutup kurang

sesuai' kerana responden hanya membuat rumusan tentang salah satu daripada punca yang menyebabkan masalah berat badan, iaitu amalan pemakanan yang tidak sihat, walaupun dalam hasil penulisan responden telah menyentuh beberapa punca yang lain. Selain itu, penulis juga tidak membuat rumusan mengenai isi-isi yang dibincangkan dalam penulisan secara keseluruhannya.

4.8 Penutup

Secara keseluruhannya, penganalisan kajian ini menampakkan bahawa para responden masih belum menguasai sepenuhnya penggunaan kohesi dan koheren dalam penulisan mereka. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kelemahan pelajar yang menjadi penghalang kepada mereka dalam menghasilkan sebuah penulisan yang kohesif dan koheren yang dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan-dapatan kajian yang diperoleh melalui penganalisan data dalam Bab 4. Selain itu, bab ini juga mengemukakan beberapa cadangan bagi mengatasi masalah penguasaan kohesi dan koheren oleh pelajar serta kajian masa depan.

5.2 Rumusan Hasil Dapatan Kajian

Analisis penggunaan kohesi dalam karangan responden secara keseluruhannya menunjukkan bahawa para responden menggunakan jenis kohesi yang sama seperti yang diusulkan oleh Halliday dan Hasan (1976). Dapatan yang sama turut dilaporkan oleh Johnson, P. (1992) dan Khatijah (1997).

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi lima soalan kajian yang dinyatakan pada bab 1 (Rujuk muka surat 9). Dapatan kajian bagi setiap soalan kajian disimpulkan dan dipaparkan seperti berikut:

5.2.1 Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal Secara Keseluruhan

Soalan kajian yang pertama dalam kajian ini ialah untuk menilai kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal yang digunakan oleh pelajar Tingkatan 6 dalam karangan bahasa Tamil pada peringkat STPM.

Secara keseluruhannya, Kohesi Nahuan mencatat kekerapan yang paling tinggi (2967 kali) berbanding dengan Kohesi Leksikal (936 kali). Manakala, Kohesi Nahuan Rujukan pula mencatat kekerapan penggunaan yang paling tinggi (1379 kali) antara kesemua Kohesi Nahuan yang lain iaitu Konjungsi (1137 kali), Penggantian (385 kali) dan Elipsis (66 kali).

Jika dilihat Kohesi Nahuan Rujukan, Kohesi Nahuan Rujukan Personel mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling tinggi (900 kali) diikuti dengan Kohesi Nahuan Rujukan Demonstratif (454 kali) dan Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif (25 kali).

Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan Personel dalam data kajian ini mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling tinggi, kerana tajuk karangan memerlukan responden menggunakan Kohesi Nahuan Rujukan Personel, khususnya Rujukan Personel Diri Ketiga dengan kadar yang lebih tinggi. Jika dilihat tajuk karangan, responden dikehendaki merujuk kepada masalah yang dialami oleh rakyat Malaysia iaitu masalah berat badan. Maka, keadaan ini menjadi salah satu faktor yang menyumbang penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan Personel secara lebih kerap dalam penulisan responden. Selain itu, Rujukan Personel merupakan satu aspek yang telah dipelajari oleh responden seawal sekolah rendah. Maka, responden mampu menguasai penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan Personel dengan baik.

Bagi Kohesi Nahuan Konjungsi, Kohesi Nahuan Konjungsi Aditif mencatat jumlah kekerapan yang paling tinggi (588 kali) diikuti dengan Kohesi Nahuan Konjungsi Kausal (312 kali), Kohesi Nahuan Konjungsi Temporal (201 kali) dan Kohesi Nahuan Konjungsi Adversatif (36 kali).

Seterusnya, bagi Kohesi Nahuan Penggantian, Kohesi Nahuan Penggantian Klausa mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling tinggi (179 kali) diikuti dengan

cxli

Kohesi Nahuan Penggantian Nominal (163 kali) dan Kohesi Nahuan Penggantian Verbal (43 kali).

Bagi Kohesi Nahuan Elipsis, Kohesi Nahuan Elipsis Klausa mencatat jumlah kekerapan yang paling tinggi (30 kali), diikuti dengan Kohesi Nahuan Elipsis Nominal (29 kali) dan Kohesi Nahuan Elipsis Verbal (7 kali).

Jika dilihat penganalisan kajian ini, didapati bahawa secara keseluruhannya kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis mencatat kekerapan yang paling rendah antara Kohesi Nahuan yang lain iaitu Kohesi Nahuan Rujukan, Kohesi Nahuan Konjungsi dan Kohesi Nahuan Penggantian. Kohesi Nahuan Elipsis ialah perkataan atau bahagian suatu ayat yang digugurkan, dan berhubungan rapat juga boleh dirujuk sebagai ‘penggantian kosong’ (Halliday dan Hasan, 1976). Maka, penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis dalam kadar yang rendah dalam penulisan responden menunjukkan bahawa responden tidak menguasai atau tidak tahu bagaimana untuk menggugurkan sebahagian kata nama, kata kerja atau klausa tanpa mengulanginya semula dalam ayat-ayat yang berurutan.

Seterusnya, bagi Kohesi Leksikal, Kohesi Leksikal Reiterasi mencatat kekerapan penggunaan yang paling tertinggi (780 kali) berbanding Kohesi Leksikal Kolokasi (156 kali). Manakala, jika dilihat Kohesi Leksikal Reiterasi, Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat mencatat jumlah kekerapan penggunaan yang paling tinggi (418 kali) diikuti oleh Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Subordinat (157 kali), Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Kata Umum (108 kali) dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sinonim (97 kali).

Jika dilihat penganalisan data kajian ini, responden telah menggunakan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat dalam kadar yang lebih tinggi berbanding

dengan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sinonim yang mencatat kekerapan penggunaan yang paling rendah. Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sama Tepat merujuk kepada pengulangan satu kata pada kadar yang sama dalam ayat-ayat yang berurutan. Manakala, Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sinonim pula merupakan pengulangan kata yang mempunyai maksud yang sama dalam ayat-ayat yang berurutan. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa responden lebih mudah mengulangi satu kata dalam bentuk yang sama dalam ayat-ayat yang berurutan berbanding dengan menggantikannya dengan satu kata yang mempunyai maksud yang sama. Kesukaran penggunaan kata-kata yang bersinonim jelas menunjukkan bahawa responden tidak menguasai perbendaharaan kata bahasa Tamil secara meluas.

Seterusnya, penggunaan Kohesi Leksikal Kolokasi yang rendah berbanding dengan penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi juga menunjukkan bahawa responden tidak dapat menggunakan item-item leksikal yang selalu wujud bersama-sama (Halliday dan Hasan, 1976). Keadaan ini membuktikan bahawa para responden mempunyai pendedahan yang terhad terhadap penggunaan leksis yang berkolokasi.

Oleh itu, secara keseluruhannya didapati responden telah menggunakan Kohesi Nahuan dalam bilangan yang jauh lebih tinggi berbanding dengan Kohesi Leksikal.

Penggunaan kohesi leksikal yang rendah menunjukkan bahawa para responden menguasai kadar leksis yang sangat terhad. Keadaan ini memungkinkan responden sukar menggunakan leksis dengan kadar yang lebih tinggi berbanding dengan nahuan. Ini mungkin kerana para responden tidak mengamalkan tabiat membaca selain buku teks. Namun, responden telah menggunakan kohesi nahuan dengan kadar yang lebih tinggi. Ini mungkin kerana responden telah didedahkan kepada nahu bahasa Tamil seawal sejak dari

sekolah rendah. Oleh itu, responden tidak bermasalah dalam menggunakan Kohesi Nahuan dalam kadar yang lebih banyak.

5.2.2 Perbezaan Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal

Mengikut Kategori Gred Karangan

Soalan kajian yang kedua ialah untuk menilai perbezaan yang terdapat dalam kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan kategori baik, sederhana, lemah dan sangat lemah.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan kohesi berbeza mengikut kategori karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah.

Kekerapan penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam karangan baik didapati yang paling tinggi dan diikuti oleh karangan-karangan dari kategori sederhana, lemah dan akhirnya karangan kategori sangat lemah. Walaupun penganalisan kajian ini berbeza dengan dapatan yang dilaporkan oleh Lieber, P. E. (1980) yang melaporkan bahawa peratus penggunaan kohesi konsisten dalam kesemua kategori karangan, tetapi didapati sama dengan dapatan yang dilaporkan oleh Johnson, P. (1992), Khatijah (1997), Witte, S., & Faighley, L. (1981).

Selain itu, didapati bahawa karangan baik (Gred A dan A-), telah menggunakan kesemua Kohesi Nahuan dan Leksikal dengan pelbagai variasinya. Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan dan Kohesi Nahuan Konjungsi yang tinggi dalam karangan baik (Gred A dan A-), membuktikan bahawa responden menghasilkan ayat-ayat yang mempunyai perhubungan yang lebih erat seperti yang dikenal pasti oleh Witte, S., & Faighley, L. (1981). Selain itu, karangan baik juga didapati mengandungi Kohesi Nahuan Rujukan, khususnya Rujukan Personel Diri Ketiga dengan kadar yang lebih banyak. Penganalisan

ini sama dengan dapatan Witte, S., & Faighley, L. (1981) yang mendapati penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan, khususnya Rujukan Personel Diri Ketiga digunakan dalam kadar yang paling rendah dalam penulisan gred lemah, kerana responden cuba mengelakkan kesalahan seperti memberikan rujukan personel yang samar.

Manakala, kekerapan penggunaan Kohesi Leksikal yang paling tinggi dalam karangan baik (Gred A dan A-), membuktikan bahawa responden telah menggunakan bilangan leksis dalam kadar yang lebih banyak untuk menghubungkan ideanya dalam ayat-ayat yang berurutan.

Manakala, karangan sederhana (Gred B+) didapati tidak menggunakan dua jenis Kohesi Nahuan, iaitu Kohesi Nahuan Elipsis Nominal dan Kohesi Nahuan Elipsis Verbal. Seterusnya, karangan gred B- juga didapati tidak menggunakan tiga Kohesi Nahuan iaitu Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif, Kohesi Nahuan Elipsis Nominal dan Kohesi Nahuan Elipsis Verbal. Akhirnya, karangan gred B didapati tidak menggunakan lima jenis Kohesi Nahuan, iaitu Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif, Kohesi Nahuan Konjungsi Adversatif, Kohesi Nahuan Penggantian Verbal, Kohesi Nahuan Elipsis Nominal dan Kohesi Nahuan Elipsis Verbal. Walaupun, karangan kesemua gred sederhana didapati tidak menggunakan beberapa Kohesi Nahuan tetapi, telah menggunakan kesemua Kohesi Nahuan dan Leksikal.

Seterusnya, kesemua karangan gred lemah juga tidak menggunakan beberapa jenis Kohesi Nahuan. Bagi karangan lemah (Gred C+), didapati bahawa tidak mengandungi enam jenis Kohesi Nahuan, iaitu Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif, Konjungsi Adversatif, Kohesi Nahuan Penggantian Verbal, Kohesi Nahuan Elipsis Nominal, Kohesi Nahuan Elipsis Verbal dan Kohesi Nahuan Elipsis Klausa. Tetapi, karangan lemah (Gred C+), didapati telah menggunakan kesemua jenis Kohesi Leksikal. Manakala, karangan

lemah (Gred C) juga didapati tidak mengandungi enam jenis Kohesi Nahuan seperti Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif, Kohesi Nahuan Konjungsi Adversatif, Kohesi Nahuan Penggantian Verbal, Kohesi Nahuan Penggantian Klausa, Kohesi Nahuan Elipsis Verbal dan Kohesi Nahuan Elipsis Klausa. Karangan lemah (Gred C) juga didapati tidak menggunakan dua jenis Kohesi Leksikal, iaitu Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Sinonim dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Kata Umum.

Akhirnya, keadaan yang sama seperti karangan gred C juga dapat dilihat karangan sangat lemah (Gred D+). Ini kerana, karangan gred D juga didapati tidak menggunakan enam jenis Kohesi Nahuan dan dua jenis Kohesi Leksikal seperti Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif, Kohesi Nahuan Konjungsi Adversatif, Kohesi Nahuan Penggantian Verbal, Kohesi Nahuan Elipsis Nominal, Kohesi Nahuan Elipsis Verbal, Kohesi Nahuan Elipsis Klausa, Kohesi Leksikal Pengulangan Sinonim dan Kohesi Leksikal Reiterasi Pengulangan Kata Umum.

5.2.3 Korelasi antara Gred dan Penggunaan Kohesi

Tujuan kajian yang ketiga ialah untuk menilai sama ada terdapat korelasi yang signifikan antara pencapaian gred responden dan kekerapan penggunaan kohesi. Hasil penganalisan menunjukkan bahawa wujudnya korelasi yang signifikan antara gred karangan responden dan kekerapan penggunaan kohesi pada aras 0.01 di mana nilai p ialah ≤ 0.05 . Selain itu, didapati bahawa korelasi yang signifikan wujud antara gred responden dan penggunaan Kohesi Nahuan ialah sebanyak $.96^{**}$. Manakala, perbezaan korelasi yang signifikan antara gred dan penggunaan Kohesi Leksikal ialah sebanyak $.89^{**}$.

Dapatan ini membuktikan bahawa lebih banyak penggunaan kohesi yang digunakan dalam sesebuah karangan lebih tingginya gred karangan tersebut.

5.2.4 Ciri-ciri Koheren dalam Karangan Pelajar

Soalan kajian yang keempat ialah untuk melihat ciri-ciri koheren yang terdapat dalam setiap kategori karangan baik, sederhana, lemah dan sangat lemah.

Didapati bahawa responden yang menghasilkan karangan baik telah menghuraikan isi-isinya dengan tepat serta bersesuaian dengan tajuk, juga menepati pengorganisasian isi yang betul, menggunakan gaya persembahan yang baik dan menggunakan bahasa yang lancar dengan kesalahan mekanikal yang sangat minimum.

Manakala, hasil penulisan responden kategori sederhana didapati kurang memuaskan dengan penghuraian isi-isi yang kurang tepat dengan tajuk, pengorganisasian isi yang sederhana, gaya persembahan yang sederhana berserta dengan penggunaan bahasa yang kurang lancar dengan kesalahan mekanikal yang sederhana.

Seterusnya, hasil penulisan responden kategori lemah didapati kurang memuaskan dengan penghuraian isi-isi yang kurang tepat dengan tajuk, pengorganisasian isi yang lemah, gaya persembahan yang lemah berserta dengan penggunaan bahasa yang tidak lancar dengan kesalahan mekanikal yang banyak.

Akhirnya, hasil penulisan responden kategori sangat lemah didapati sangat kurang memuaskan dengan penghuraian isi-isi yang sangat tidak tepat dengan tajuk, organisasi isi yang sangat lemah, gaya persembahan yang sangat lemah berserta dengan penggunaan bahasa yang tidak lancar dengan kesalahan mekanikal yang optimum. Keadaan yang sama turut dilaporkan oleh Johnson, P. (1992), Khatijah (1997) dan Witte, S., & Faighley, L. (1981).

Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa karangan yang baik (Gred A dan A-) yang juga mengandungi penggunaan kohesi yang tinggi, merupakan penulisan yang

cxlvii

mengandungi penghuraian yang terperinci, pengorganisasian isi yang betul serta bahasa yang lancar seperti yang dicadangkan oleh Johnson, P. (1992). Penganalisisan kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dari segi penghuraian, pengorganisasian isi serta penggunaan bahasa yang lancar di antara karangan yang baik (Gred A dan A-) berbanding karangan yang lemah (Gred C+, C dan C-) dan sangat lemah (Gred D+, D dan E). Dengan ini boleh dikatakan bahawa karangan yang baik yang menepati ciri-ciri koheren yang baik dengan penggunaan kohesi yang tinggi menyumbang kepada kewujudan koheren seperti yang dilaporkan oleh Witte, S., & Faighley, L. (1981), Johnson, P. (1992), Chan, 1994) dan Khatijah (1997).

5.2.5 Kelemahan Koheren dalam Karangan Responden

Soalan kajian yang kelima ialah untuk menilai kekerapan jenis kelemahan koheren dalam karangan ekspositori responden. Bagi kategori pendahuluan, jenis kelemahan koheren pertama, iaitu pendefinisian tajuk yang tidak jelas mencatatkan jumlah kesalahan paling tinggi, iaitu sebanyak 34 kali. Sebenarnya, 34 definisi yang dikategorikan sebagai pendefinisian tajuk yang tidak jelas, didapati tidak mengandungi sebarang definisi tajuk. Pengkaji telah mengkategorikan ketiadaan definisi tajuk ke dalam kategori pendefinisian tajuk yang tidak jelas. Responden gred A dan A- juga didapati tidak memberikan sebarang definisi dalam pendahuluan mereka. Ini kerana hanya 2 orang responden (R12 dan R22) yang telah memberikan definisi tajuk. Namun, bahagian-bahagian karangan yang lain seperti isi dan penutup responden gred A didapati lebih koheren seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, iaitu perbandingan ciri-ciri koheren dalam karangan responden. Walaupun begitu, kedua-dua responden yang telah memberikan definisi (R12 dan R22) dalam penulisan mereka, didapati telah mendefinisikan tajuk dengan salah.

Seterusnya kesalahan kategori pendahuluan yang kedua iaitu penerangan definisi tajuk yang lemah yang mencatatkan bilangan yang kedua tinggi iaitu sebanyak 16 kali.

Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa penulisan responden tidak mengandungi pendahuluan yang menepati skema pemarkahan iaitu menghasilkan definisi yang jelas dan penerangan definisi tajuk yang kukuh. Definisi merupakan satu aspek yang sangat penting dalam penulisan. Ini kerana, sekiranya responden berjaya mendefinisikan tajuk dengan betul, maka ia akan menampakkan kefahaman penulis yang mendalam terhadap tajuk penulisan. Selain itu, responden juga seharusnya menjelaskan definisi tajuk dengan lebih kukuh berbanding dengan hanya menyatakan kembali fakta yang telah diberikan dalam tajuk penulisan.

Manakala bagi kategori isi didapati kelemahan tidak menghuraikan isi dengan betul telah mencatatkan bilangan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 94 kali dan diikuti oleh jenis kelemahan isi utama terpesong sebanyak 35 kali. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa para responden lebih banyak membuat penghuraian isi yang tidak betul dalam penulisan mereka daripada memesongkan isi utama. Aspek penghuraian isi dengan betul memainkan peranan yang sangat penting dalam penulisan. Ini kerana, sekiranya responden tidak mampu menghuraikan isinya dengan betul mengikut tajuk penulisan, maka ia akan melemahkan ciri-ciri koheren dalam sesebuah karangan. Walaupun kelemahan isi utama terpesong mencatat kekerapan yang lebih rendah dalam kategori kelemahan koheren isi, namun ia harus diberi perhatian yang serius. Ini kerana, para responden kajian ini yang merupakan pelajar Tingkatan 6 yang bakal melangkah ke Institut Pengajian Tinggi mahupun ke alam pekerjaan, seharusnya menguasai kemahiran menghuraikan sebuah idea tanpa terpesong.

Bagi kategori ayat pula, jenis kelemahan penggunaan ayat yang kurang sesuai telah mencatatkan bilangan yang paling tinggi iaitu sebanyak 163 kali dan diikuti penggunaan

ayat tergantung sebanyak 79 kali serta kelemahan penyusunan ayat yang kurang sesuai sebanyak 48 kali sahaja. Oleh itu, boleh disimpulkan penulisan responden lebih kerap mengandungi kelemahan penggunaan ayat yang kurang sesuai berbanding kelemahan-kelemahan koheren ayat yang lain. Dengan ini boleh dirumuskan bahawa responden kajian ini masih mengalami kesukaran dalam pembentukan ayat-ayat yang sesuai dan betul dan menggunakannya dalam susunan yang betul dalam penulisan bagi memantapkan kesinambungan idea yang mana akan memperlihatkan ciri-ciri koheren yang utuh.

Apabila dianalisis koheren dalam 252 perenggan, iaitu kesemua perenggan yang dihasilkan oleh responden, didapati 27 perenggan tidak koheren dari aspek isi yang terdapat dalam perenggan tersebut. Ini bererti responden-responden telah mencampuradukkan pelbagai isi yang berlainan dalam perenggan yang sama. Ini mencacatkan koheren perenggan-perenggan tersebut. Walaupun, hanya 27 perenggan sahaja yang didapati tidak koheren dari aspek isi yang telah dicampuradukkan, namun kelemahan ini juga harus diberi perhatian. Ini kerana, para responden yang merupakan pelajar pra-Universiti sepatutnya tidak melakukan kesalahan sebegini dalam penulisan mereka. Pembahagian perenggan yang betul merupakan satu aspek yang penting dalam penulisan di mana ia juga kait rapat dengan koheren. Sekiranya, pelbagai isi dicampuraduk dalam satu perenggan, maka pembaca tidak akan memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Keadaan ini juga akan mencacatkan ciri-ciri koheren sesebuah wacana.

Akhirnya, didapati bahawa daripada jumlah keseluruhan sebanyak 36 yang ditulis oleh responden sebanyak 26 penutup didapati kurang sesuai. Oleh itu, disimpulkan bahawa lebih dari 50% responden telah menulis penutup yang kurang sesuai. Jika diteliti keadaan ini, penutup merupakan bahagian yang merumuskan atau menyimpulkan idea yang telah dibincangkan dan seterusnya mengakhiri penulisan dengan sempurna. Sekiranya, seseorang penulis tidak mampu menghasilkan penutup yang sesuai, maka kelemahan ini

akan mewujudkan situasi ketidaksempurnaan sesuatu isu atau idea yang dibincangkan dalam karangan lantas mencatatkan kualiti kewacanaan.

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa para responden mempunyai masalah dengan kelima-lima aspek penulisan seperti penghasilan pendahuluan yang baik, penghuraian isi dengan betul, penulisan ayat yang sesuai, pembahagian perenggan yang betul dan penulisan penutup yang sesuai. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa tidak semestinya penutur asli sesuatu bahasa dapat menghasilkan sebuah penulisan yang koheren seperti yang dilaporkan oleh Jones, J. (2007). Selain itu, kesemua kelemahan ini didapati memberi kesan kepada pembaca dari segi pemahaman seperti yang dilaporkan oleh Wikborg, E. (1990). Ini kerana, kelemahan sebegini membantutkan pemahaman pembaca berkenaan apa yang ingin disampaikan oleh penulis.

Walaupun begitu, penulisan baik (gred A) didapati jarang mengandungi kelemahan koheren seperti yang telah dibincangkan kecuali bagi kategori kelemahan pendahuluan. Ini kerana, contoh-contoh dalam penganalisan data menunjukkan bahawa penulisan responden gred A hanya mengandungi kelemahan pemberian definisi tajuk yang betul serta penerangan definisi tajuk yang kukuh. Selain bahagian pendahuluan, penulisan responden gred A didapati tidak mengandungi sebarang kelemahan koheren.

5.3 Hubungan Antara Kohesi dan Koheren

Berdasarkan penganalisan kajian, didapati bahawa kohesi dan koheren mempunyai perhubungan yang sangat rapat. Ini kerana, karangan yang mengandungi kekerapan penggunaan kohesi yang tinggi, iaitu kategori karangan baik, juga didapati menepati segala ciri koheren yang baik. Karangan kategori baik mengandungi penghuraian yang terperinci, pengorganisasian isi kandungan yang betul serta bahasa yang lancar. Selain itu, karangan baik juga memperlihatkan kesinambungan idea dalam penulisan. Jika cli

dilihat dari segi perspektif pembaca, karangan baik merupakan penulisan yang mudah dan senang untuk difahami. Walaupun, karangan gred A mengandungi penggunaan kohesi yang tinggi, ciri-ciri koheren yang baik (pada bahagian-bahagian yang selain daripada pendahuluan), namun masih mengandungi kelemahan koheren dalam perenggan pendahuluan dari segi ketiadaan definisi dan penerangan tajuk definisi yang lemah.

Manakala, karangan yang mengandungi kekerapan penggunaan kohesi yang terendah, iaitu kategori karangan sangat lemah didapati tidak menepati sebarang ciri-ciri koheren yang baik. Kategori karangan sangat lemah juga mengandungi penghuraian yang tidak terperinci, pengorganisasian isi kandungan yang kurang betul serta bahasa tidak lancar. Selain itu, karangan sangat lemah juga tidak memperlihatkan sebarang kesinambungan idea dalam penulisan. Jika dilihat dari segi perspektif pembaca, kategori karangan sangat lemah merupakan penulisan yang sukar untuk difahami kerana kewujudan kekaburan makna.

Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa kohesi dan koheren saling berhubung kait antara satu sama lain dan juga karangan yang berkohesif juga merupakan karangan yang berkoheren. Dapatan yang sama turut dilaporkan oleh Johnson, P. (1992), Chan (1994), Khatijah (1997), Tanskenen, S. (2004), Olateju, M. (2006) dan Jones, J. (2007).

5.4 Faktor Kelemahan Responden

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa faktor kelemahan responden bagi menghasilkan karangan yang kohesif dan koheren. Hasil daripada faktor kelemahan itu, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan seperti berikut untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut.

5.4.1 Faktor Sukatan Pelajaran

Pada pendapat pengkaji, sukatan pelajaran bahasa Tamil STPM merupakan faktor utama yang berhubung kait dengan tahap pencapaian atau penguasaan penggunaan kohesi dan koheren dalam kalangan responden kajian. Oleh sebab sukatan pelajaran tidak menyatakan secara eksplisit aspek kohesi mahupun koheren, maka responden tidak langsung berpeluang untuk mempunyai kesedaran tentang penggunaan kohesi dan koheren dalam penulisan mereka. Oleh itu, penekanan pada aspek kohesi dan koheren dan penulisan karangan harus dinyatakan dengan jelas dalam sukatan pelajaran STPM bagi mata pelajaran bahasa Tamil supaya pelajar-pelajar menyedari aspek-aspek yang akan dinilai dalam peperiksaan. Penekanan pada aspek kohesi dan koheren akan memupuk tabiat penulisan yang berkualiti dalam kalangan pelajar.

5.4.2 Faktor Pelajar

Selain daripada faktor sukatan pelajaran, faktor pelajar juga merupakan faktor penentu dalam penguasaan kohesi dan koheren dalam penulisan bahasa Tamil. Faktor ini bergantung sepenuhnya pada sikap pelajar itu sendiri. Sikap pelajar yang negatif merupakan punca kepada berlakunya kelemahan penggunaan kohesi dan koheren dalam penulisan mereka. Sebagai contoh, pelajar yang tidak mempunyai minat dan kesungguhan untuk mempertingkatkan keupayaan penguasaan penulisan, terutamanya dalam membuat rujukan melalui bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan bahasa, akan melakukan pelbagai kesalahan dalam penulisan bahasa Tamil.

Ini kerana, para pelajar terpaksa belajar sendiri mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat STPM disebabkan mata pelajaran ini tidak diajar dalam jadual waktu harian sekolah. Maka, para pelajar harus berusaha sendiri untuk mempertingkatkan kebolehan diri serta mengatasi kelemahan diri mereka dalam menghasilkan hasil penulisan yang lebih

cliii

berkualiti. Sekiranya, para pelajar bersikap sambil lewa dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Tamil khususnya penulisan bahasa Tamil, maka ia akan mengancam pencapaian para pelajar.

5.4.3 Faktor Guru

Selain daripada faktor yang dinyatakan di atas, faktor guru juga tidak dapat dinafikan. Guru adalah tenaga penggerak dan pelaksana sukatan pelajaran dan meletakkan batu asas bagi penguasaan bahasa yang sempurna dalam kalangan pelajar. Mata pelajaran bahasa Tamil pada peringkat STPM tidak diajar di sekolah dan kebanyakan pelajar mengikuti kelas tuisyen yang pada kebiasaannya diadakan seminggu sekali. Maka, para pelajar hanya berpeluang untuk berjumpa dengan guru tuisyen hanya sekali dalam seminggu. Oleh itu, guru yang mengajar mata pelajaran pada peringkat STPM harus menyediakan satu pengajaran yang berkualiti kepada pelajar.

Guru juga perlu memberi penekanan pada aspek-aspek kohesi dan koheren secara teliti sejak peringkat awal dalam pengajaran penulisan bahasa Tamil. Guru bahasa perlu berinovatif terhadap pengajaran mereka, iaitu dengan banyak membaca, mengkaji serta menghadiri seminar dan kursus. Guru juga harus mempelbagaikan kaedah, pendekatan dan teknik dalam pengajaran penulisan khususnya dengan memberi penekanan terhadap aspek-aspek kohesi dan koheren selaras dengan kebolehan pelajar agar dapat menimbulkan kesan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Teknik pengajaran yang sesuai dan berkesan dapat membimbing dan membantu pelajar untuk menguasai sesuatu kemahiran dengan berkesan. Mengikut pemerhatian pengkaji, teknik syarahan atau secara kuliah sepenuhnya tidak sesuai atau kurang sesuai. Ini kerana, hanya sebilangan kecil pelajar sahaja yang memberi perhatian dan tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran. Bentuk latihan yang diberikan oleh guru juga harus

diberi perhatian. Latihan yang diberikan oleh guru haruslah bersesuaian dengan penulisan bahasa Tamil yang berasaskan aspek kohesi dan koheren.

Seterusnya, guru juga harus mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif di mana lebih banyak perbincangan antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar digalakkan. Setiap kesalahan yang dilakukan dalam latihan penulisan khususnya penggunaan kohesi dan kesalahan koheren perlu dikaji oleh pelajar melalui perbincangan dengan guru. Guru juga harus menjadikan analisis kelemahan penggunaan kohesi dan koheren sebagai satu strategi pengajaran di mana menggalakkan pelajar untuk menganalisis kesilapan mereka sendiri. Latihan ini seharusnya memerlukan pelajar untuk mengesan dan mengenal pasti bentuk-bentuk kesalahan penggunaan kohesi dan koheren yang terdapat dalam hasil penulisan dan membetulkannya dengan bimbingan guru. Aktiviti ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Setiap latihan penulisan yang diberikan oleh guru perlu disemak dan dinilai oleh guru dan menentukan kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar. Latihan ini boleh membantu pelajar menyedari kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar khususnya kesalahan kohesi dan koheren.

Seterusnya, pelajar juga perlu didedahkan kepada pelbagai variasi penggunaan kohesi. Pada sesi pengajaran, variasi-variasi penggunaan kohesi boleh dijadikan aspek pengajaran dan pembelajaran. Dengan berbuat demikian, pelajar akan dapat mengenali bentuk variasi penggunaan kohesi yang boleh digunakan dalam penulisan mereka kelak.

5.5 Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya

Kajian yang menyeluruh dan yang meliputi skop yang lebih luas boleh dilakukan untuk memperoleh gambaran menyeluruh untuk melihat keadaan sebenar penguasaan aspek kohesi dan koheren dalam kalangan pelajar Tingkatan 6 seluruh negara, misalnya.

Banyak penyelidikan yang berhubung kait boleh dilakukan sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Kajian-kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk mencari faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan-kelemahan pelajar dalam kemahiran penulisan bahasa serta cara-cara mengatasinya. Kajian tentang penguasaan aspek kohesi dan koheren pelajar patut diperluaskan dengan melakukan kajian ke atas pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rendah (Tingkatan 1-3) dan Atas (Tingkatan 4-5). Ini kerana, golongan pelajar tersebut tidak diberi perhatian oleh pengkaji. Dalam kajian ini, penyelidik hanya mengkaji pencapaian kohesi dan koheren pelajar Tingkatan 6. Pada pendapat pengkaji, kajian awal ke atas pelajar Tingkatan 3 boleh menjadi ukuran dan panduan kepada pelajar Tingkatan 4 dan 5. Kajian perbandingan juga boleh dibuat ke atas kedua-dua kelompok pelajar tersebut untuk mengenal pasti tahap pencapaian kohesi dan koheren dengan seterusnya mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengatasi kelemahannya.

Seterusnya kajian eksperimental tentang kualiti penulisan bahasa Tamil pelajar juga boleh dilakukan. Misalnya, kajian ke atas dua golongan pelajar yang mempunyai latar belakang yang sama, di mana satu kumpulan responden diajar aspek-aspek kohesi dan koheren dalam penulisan manakala satu lagi kumpulan responden tidak diajar aspek kohesi dan koheren dalam penulisan. Dengan berbuat begini, boleh dilihat sama ada pengajaran aspek-aspek kohesi dan koheren dalam penulisan bahasa Tamil mempunyai kesan ke atas kualiti penulisan responden.

Selain kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah menengah, kajian lanjutan boleh dilakukan ke atas guru-guru pelatih maktab perguruan dan institut pengajian tinggi, khususnya terhadap mereka yang mengikuti pengajian bahasa Tamil. Setakat ini tiada kajian yang dilakukan ke atas penguasaan aspek kohesi dan koheren oleh pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang mengikuti pengajian bahasa Tamil. Oleh itu, satu kajian terhadap mereka yang mengikuti kursus ini perlu dilakukan bagi mengukur

clvi

keupayaan mereka yang bakal menjadi pendidik dalam menghasilkan sebuah penulisan yang berkohesif serta berkoheren.

Pengkaji yang berminat juga boleh menjalankan kajian mereka bagi tempoh masa yang lebih panjang, misalnya enam bulan untuk melihat pencapaian kohesi dan koheren dalam penulisan secara lebih mendalam. Pengkaji juga boleh memilih genre penulisan yang lain selain karangan ekspositori untuk mendapat gambaran yang lebih luas.

Dengan itu, adalah diharapkan bahawa kajian seperti yang dicadangkan boleh dipertimbangkan oleh pengkaji-pengkaji lain yang berminat bagi menjawab persoalan yang wujud dan untuk memperoleh pengetahuan yang lebih mendalam serta luas tentang aspek kohesi dan koheren dalam penulisan.

5.6 Penutup

Bahasa Tamil dilihat semakin terpinggir dari segi jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan awam setiap tahun khususnya jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Tamil sebagai salah satu mata pelajaran elektif dalam peperiksaan STPM. Kesedaran tentang penguasaan kohesi dan koheren dalam penulisan bahasa Tamil yang mendalam harus diberi penekanan sejak peringkat awal lagi. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa pengajaran dan pembelajaran aspek kohesi dan koheren dalam penulisan bahasa Tamil adalah sangat penting bagi pelajar. Tanpa penguasaan yang mendalam, hasil penulisan pelajar tidak akan berkualiti. Walaupun pelajar India mempelajari bahasa Tamil seawal umur 7 tahun di sekolah rendah dan kemudiannya bersambung lagi sehingga ke peringkat menengah, penguasaan mereka dalam bahagian penulisan bahasa Tamil masih didapati lemah (Komathi Sinniah, 2010).

Melihat kepada pencapaian responden dalam penulisan bahasa Tamil, pengkaji berpendapat bahawa satu usaha yang giat perlu dilakukan terutama oleh guru-guru bahasa Tamil untuk menyampaikan segala pengetahuan berkaitan dengan penggunaan kohesi dan koheren bagi meningkatkan kualiti penulisan pelajar.

Diharapkan perhatian yang lebih serius akan diberi oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan kualiti penulisan bahasa Tamil dalam kalangan pelajar pada masa akan datang. Ahli-ahli bahasa juga seharusnya mencari jalan yang terbaik untuk meningkatkan kualiti penulisan pelajar.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Jalil Othman. (1997, March). Sarana kohesi sebagai asas perkaitan semantik dalam pengajaran penulisan. Persidangan pendidikan bahasa dan kesusasteraan Melayu, (pp. 15). Petaling Jaya.
- Agesthiolingom. (2002). *Tamiḷ molī amaippiyal*. Chennai: Meiyappaṇ tamiḷ a:ivakam.
- Aijmer, K., & Stenstrom, A. (2004). Discourse patterns in spoken and written corpora. In Aijmer, K., & Stenstrom, A. (Ed.), *Discourse patterns in spoken and written corpora: Vol 120*, (pp. 3-13). Philadelphia: John Benjamins Publishing.
- Allison, D., & Tauroza, S. (1995). *The Effect of Discourse Organisation*.
- Asmah Haji Omar. (2006). *Panduan wacana akademik: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Beaugrande, R. (1980). *Text, discourse and process. Toward a multidisciplinary science of texts*. Norwood: Ablex.
- Brown, G., & Yule, G. (1983). *Discourse analysis*. London: Cambridge University Press.
- Cain, K. (2003). Text comprehension and its relation to coherence and cohesion in children's fictional narratives [Electronic version]. *British Journal of Developmental Psychology* 21, 335–351.
- Candlin, C.N., & Widdowson, H.G. (Eds.). (1989). *Discourse*. New York: Oxford University Press.
- Carrel, P. (1982). Cohesion is not coherence [Electronic version]. *TESOL quarterly*, 16(4), 479-488.

- Carter, R., & Nunan, D. (Series Ed.). 1993. *Introducing discourse analysis*. London: Penguin English.
- Chan, Peggi P.K. (1994). Coherence in the writing of engineering undergraduates. *Ijazah Sarjana, Universiti Malaya*.
- Connor, U. (1984). A study of cohesion and coherence in English as a second language students 'writing'. *Papers in Linguistics*, 17, 301—316.
- Cook, G. (1989). Discourse. In Candlin, C.N., & Widdowson, H.G. (Eds.). *Language teaching: discourse*. New York: Oxford University Press.
- Cook, G. (1994). *Discourse and literature: the interplay of form and mind*. New York: Oxford University Press.
- Coskun, E. (2009). Text coherence in the narrative texts Turkish students and bilingual uzbek students in turkey [Electronic version]. *Scientific Research and Essays*, 4(7), 678-684.
- Crystal, D. (1992). *Introducing Linguistics*. London; Penguins.
- Delwis, Caesar. (1999). Discourse structure of annual reports, *Ijazah Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya*.
- Dzulkifli Abdul Razak. (2010, April). Kenyataan Akhbar Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia Tahun 2009. Retrieved from <http://www.mpm.edu.my>
- Emmott, C. (1999). *Narrative Comprehensions: a discourse perspective*. London: Oxford University Press.
- Enkvist, N. E. (1978). Coherence, pseudo-coherence and non-coherence. In: Jan-Ola Ostman (Ed.). *Cohesion and semantics*. Abo Akademi, 109-128.

Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. London: Polity Press.

Garrot, S., & Doherty, D. (1995). Special determinants of coherence in spoken dialogue. In. Gert Rickheilt and Christopher Habel (Eds.). *Focus and coherence in discourse processing*. (pp. 97-114). Berlin: de Gruyter.

Grimes, J. (1975). *The thread of discourse*. The Hague: Mouton de Gruyter.

Gumperz, J. & Hymes, D. (1972). *Directions in socio linguistics*. New York: Hold, Reinhart and Winston.

Halliday, M.A.K. (1973). *Explorations in the functions of language*. London: Edward Arnold.

Halliday, M.A.K., & Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.

Halliday, M.A.K. (1982). How is a text like a clause? In. Allen, S., (Ed.). *Text processing*. Stockholm: Almquist & Wiksell.

Harris, Z. S. (1952). Discourse analysis. *Language*, 28, 1-30.

Harris, Z. S. (1963). *Discourse analysis*. La Haye: Mouton and Company.

Harris, Z. S. (1970). *Papers in structural and transformational linguistics*. Dordrecht: D.Reidel.

Hellman, C. (1995). The notion of coherence in discourse. In Rickheit, G., & Habel, C. (Eds.). *Focus and coherence in discourse processing*. Berlin: Walter de Gruyter.

Hoey, M. (1983). On the surface of discourse. London, WCIS ILU, UK: George & Unwin (Publishers) Ltd.

Hoey, M. (1991). Questions about cohesion. In J. Sinclair (Series Ed.) & R. Carter (Series Ed.), Patterns of lexis in text (pp. 3-25). London: Oxford University Press.

Hymes, D. (1960). Lexicostatistics so far. *Current Anthropology* 1, 3-44.

Idris Aman. (2001). Wacana kepemimpinan satu analisis terhadap penulisan Perdana Menteri Mahathir Mohamad, Doktor Falsafah, Universiti Malaya.

Idris Aman. (2002). Analisis wacana pedagogi bahasa Melayu di sekolah: satu kajian kes. Persidangan antarabangsa pengajian melayu ke-2: 8-15 oktober 2002, Beijing: China, Penyusun Abdullah Hassan, (Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 2002): Vol 2 hlm. 858-870.

Johnson, P. (1992). Cohesion and coherence in compositions in Malay and English, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Jones, J. (2007). Losing and finding coherence in academic writing. *University of Sydney Papers in TESOL*, 2(2), 125-148.

Kaplan, R.B., & Grabe, W. (2002). A modern history of written discourse analysis [Electronic version]. *Journal of Second Language Writing*, 11, 191-223.

Kellogg, R.T., & Raulerson, B.A. (2007). Improving the writing skills of college students. *Psychonomic Bulletin & Review*, 14, 237-242.

Khairul Bariah Muda. (2006). Penggunaan bahasa di kalangan motivator lelaki dan wanita dalam wacana pertuturan. *Ijazah Sarjana*, Universiti Malaya.

Khatijah Abdul Hamid. (1996). Wacana dalam teks penulisan: satu tinjauan tentang perkaitan semantik dalam karangan bahasa Melayu pelajar-pelajar dalam sistem

pendidikan di Malaysia berdasarkan analisis tautan kohesi dan koheren. Persidangan antarabangsa pengajian melayu, 20-24 May Beijing.

Khatijah Abdul Hamid. (1997). Analisis koheren dan kohesi dalam karangan bahasa Malaysia pelajar tingkatan empat. Doktor Falsafah, Universiti Malaya.

Komathi Sinniah. (2010, Mei). Program Ganden-Pembinaan Ayat yang Efektif dalam bahasa Tamil. Retrieved from <http://smkkamunting.net/portal/articles/komathi.pdf>

Kridalaksana Harimurti. (1978). “Keutuhan wacana” dalam Bahasa dan Sastra, IV/I,36-45. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

Kridalaksana Harimurti. (1982). Kamus Linguistik. Jakarta: Gramada.

Kumaran, R. (2006). Wacana bahasa Tamil: analisis kohesi dalam esei pelajar tingkatan 5. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya.

Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Tingkatan Enam (STAM). Seminar Tingkatan Enam Peringkat Kebangsaan, 2008. Retrieved from <http://www.mppt6johor.org/PentaksiranSTPM.pdf>

Lieber, P. E. (1980). Cohesion in ESL students expository writing: A descriptive study. Doctor of Philosophy, School of Education, New York University, Michigan UMI Dissertation Information Service, University Microfilms International.

Lindsay, D.B. (1985). Cohesion in compositions of ESL and English students. M.A. thesis, University of California.

Locke, T. (2004). Critical discourse analysis. London: Continuum International Publications.

- Majlis Peperiksaan Malaysia. (1999). Sukatan Pelajaran Malaysia, bahasa Tamil Tingkatan enam. Batu Caves: Percetakan Warni.
- Malaya Education Committee. (1956). Laporan Razak. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Marohaini Yusof & Zulkifli Abdul Manaf. (1997). Kemahiran mengajar karangan BM di sekolah: Satu penilaian kualitatif. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 5(2), 65-71.
- McCarthy, M. (1990). *Discourse analysis for language teachers*. London: Oxford University Press.
- Meurer, J. (2003). Relationships between cohesion and coherence in essays and narratives [Electronic version]. *Fragmentos*, 25, 147-154.
- Micheal, S. (1983). *Discourse analysis: the socio linguistic analysis of natural language*. New York: University of Chicago Press.
- Mohd. Isa Osman., (1996). Penggunaan penanda wacana dalam kemahiran menulis murid-murid tahun enam sekolah rendah kebangsaan. *Ijazah Sarjana, Universiti Malaya*.
- Nunan, D. (1993). *Introducing discourse analysis*. Penguin English: England.
- Olateju, M. (2006). Cohesion in ESL classroom written texts [Electronic version]. *Nordic Journal of African Studies*, 15(3), 314-331.
- Philips, L., & Jargensen, M. W. (2002). *Discourse analysis as theory and method*. London: SAGE Publications.
- Philips, L., & Jorgensen, M.W. (2002). *Discourse analysis as theory and method*. SAGE: London.

- Reinhart, T. (1980). Conditions for text coherence. *Poetics Today*, 1, 161-180.
- Renkema, J. (1993). *Discourse studies: an introductory textbook*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Richards, J.C. (1990). *The language teaching matrix*. New York: Cambridge University Press, hlm. 100-117.
- Scarlealla, M. (1984). *Cohesion in the writing development of native and non native English speakers*. PhD, dissertation, University of Southern California.
- Schiffrin, D. (1994). *Approaches to discourse*. Oxford: Blackwell.
- Schiffrin, D., Tannen, D., & Hamilton, H. (Eds). 2001. *The handbook of discourse analysis*. Oxford: Blackwell.
- Schneider, M. (1985). *Levels of cohesion: Distinguishing between two groups of college writers*. Phd. dissertation, Boston University.
- Shannon, C. E., & Weaver, W. (1949). *The mathematical theory of communication*. Urbana: University of Illinois Press.
- Sinar, Tengku Silvana. (2003). *Teori dan analisis wacana: pendekatan sistemik fungsional*. Indonesia: Pustaka Bangsa Press.
- Sinclair, J. M., & Coulthard, M. (1975). *Towards an analysis of discourse: the English used by teachers and pupils*. London: Oxford University Press.
- Stubs, M. (1983). *Discourse analysis: The sociolinguistic analysis of natural language*. Oxford: Basil Blackwell.

Supramani Soniah. (2005). Pendidikan bahasa Tamil di Malaysia: Evolusi dan Cabaran. Jurnal Pengajian India. Jilid 9. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Tanskanen, S. (2004). Cohesion and collaboration: patterns of cohesion in spoken and written dialogue. In Aijmer, K., & Stenstrom, A. (Ed.), Discourse patterns in spoken and written corpora: Vol 120, (pp. 3-13). Philadelphia: John Benjamins Publishing.

Tarigan, H., G. (1995). Pengajaran wacana, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Van Dijk, T. A. (1972). Some aspects of text grammars. The Hague: Mouton.

Van Dijk, T. A. (1977). Text and context: Explorations in the semantics and pragmatics of discourse. London: Longman.

Van Dijk, T. A. (1980). Macrostructures: An inter disciplinary of global structures in discourse, interaction and cognition. Hillsdale: Erlbaum.

_____ (a) The semantics and pragmatics of functional coherence in discourse. Versus 26-27: 49-65.

Van Dijk, T. A., & Kintsh, W. (1983). Strategies of discourse comprehension. Orlando: Academic Press.

Van Dijk, T. A. (1985). Handbook of discourse analysis. London: Academic Press.

_____ (a) Introduction: the role of discourse analysis in society. In Van Dijk, T. A. (Ed.). Handbook of discourse analysis volume 4: Discourse analysis in society, 1-8, London: Academic Press.

Vass. L. (1992). Methods of text and discourse analysis. London: SAGE Publications.

- Walsh, S. (1987). Classroom discourse: "Toward an analysis of discourse" revisited. Unpublished M. A. dissertation, Department of Linguistics and Phonetics, University of Leeds.
- Widdowson, H. G. (Ed.). (2007). Discourse analysis. London: Oxford University Press.
- Wikborg, E. (1990). Types of coherence breaks in Swedish student writing: misleading paragraph division. In Connor, U. & Johns, A. Coherence in writing: research and pedagogical perspectives, (pp.131-150). USA: Teachers of English to speakers of Second Language.
- Witte, S., & Faighley, L. (1981). Coherence, cohesion and writing quality [Electronic version]. College Composition and Communication, 32(2), 189-204.
- Wodak, R. (1996). Disorders of discourse. London: Longman.
- Wohl, M. (1978). Techniques for writing compositions. Massa-Chussetts: Newbury House Publishers, Inc.

STPM/S912

UJIAN KARANGAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)

BAHASA TAMIL (KERTAS 1: KARANGAN)

1 JAM 15 MINIT

Arahan:

1. Sila baca dengan teliti tajuk ujian karangan dan jawab dalam kertas yang dibekalkan sahaja.
2. Anda diingatkan untuk menggunakan kesemua isi-isi yang dibekalkan sahaja.
3. Panjang karangan hendaklah tidak melebihi 450-500 patah perkataan.
4. Tiada masa tambahan akan diberikan.
5. Perbincangan sesama rakan dilarang sama sekali.

Tajuk Karangan :

Male:ciyarkalul e:rakkuraiya 40 vilukka:tinar ku:tatal utal etai utaiyavarkala:ka ullanar. ittakaiyo:rin ennikkai na:lukku na:l atikarittu varukiratu. ittakaiyac cu:lnilai uruva:vatarka:na ka:raṇaṅkaḷaiyum vīḷaivukaḷaiyum a:ra:ika.

*Penduduk Malaysia sekurang-kurangnya 40% mengalami masalah berat badan. Bilangan ini semakin hari semakin meningkat. Bincangkan **sebab-sebab** menyebabkan keadaan ini dan **akibatnya**.*

Isi-isi karangan:

A) Sebab-sebab

1. Amalan pemakanan yang tidak baik.
2. Tidak melakukan senaman.
3. Perlakuan individu (makan sambil menonton televisyen, makan pada lewat malam dsb).

B) Kesan-kesan

1. Mendapat pelbagai jenis penyakit.
2. Tidak dapat meningkat prestasi diri kerana selalu sakit dsb.
3. Tiada penyumbangan kepada pembangunan negara.

Lampiran III

Skema Pemarkahan Karangan : 40 Markah

Panduan Rujukan Kriteria (*Criterion Reference Banding Guide*)

Tahap	Kriteria
Baik A (80-100) A- (75-79)	<p>i) Pendahuluan (3 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none">• Mendefinisikan tajuk dengan baik• Menerangkan tajuk dengan jelas• Membayangkan apa yang akan dibincangkan dalam perenggan-perenggan seterusnya• Menyatakan pendiriannya dengan tajuk <p>ii) Isi (3 Markah X 5 = 15 Markah; maksimum)</p> <ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan isi utama, isi sampingan, bukti dan contoh yang tepat dan relevan• Mengemukakan isi-isi yang logik dan memperlihatkan kematangan fikiran• Mengemukakan idea yang tulen dan bernas• Menghuraikan isi dengan tepat dan jelas <p>iii) Bahasa (10-12 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none">• Kurang daripada 3 kesalahan sintaksis• Kesalahan morfologi amat kurang• Pemilihan kata (diksi) yang tepat• Menggunakan pelbagai jenis ayat dengan betul• Menggunakan bahasa standard dan laras yang sesuai• Kesalahan aspek mekanis yang amat kurang <p>iv) Pengolahan (6-7 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none">• Mengembangkan isi secara tepat dan berkesan• Menjalin isi-isi dalam satu perenggan bagi menampakkan kesatuan idea• Menyusun perenggan dalam urutan yang sesuai bagi menampakkan kesinambungan dan kelancaran idea <p>v) Penutup (3 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none">• Memperlihatkan pendirian atau penegasan tentang tajuk dengan jelas• Membuat kesimpulan atau rumusan tentang apa yang telah dibincangkan dalam karangan dengan jelas

<p>Sederhana</p> <p>B+ (70-74)</p> <p>B- (65-69)</p> <p>B (60-64)</p>	<p>i) Pendahuluan (2 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Definisi kurang jelas • Keterangan tajuk kurang jelas • Kurang dihubungkaitkan dengan tajuk • Kurang jelas pendiriannya <p>ii) Isi (2 Markah X 5)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan isi utama, isi sampingan, bukti dan contoh yang kurang tepat dan kurang relevan • Mengemukakan isi-isi yang kurang logik dan memperlihatkan kematangan fikiran yang lemah • Kurang mengemukakan idea yang tulen dan bernas • Menghuraikan isi dengan tepat dan jelas <p>iii) Bahasa (7-9 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurang daripada 5 kesalahan sintaksis • Tidak banyak kesalahan morfologi • Pemilihan kata (diksi) yang tepat • Menggunakan pelbagai jenis ayat dengan betul • Menggunakan bahasa standard dan laras yang sesuai • Kesalahan aspek mekanis yang kurang <p>iv) Pengolahan (4-5 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengembangkan isi secara kurang tepat dan kurang berkesan • Isi-isi dalam satu perenggan kurang kemas dijalinkan bagi menampakkan kesatuan idea • Menyusun perenggan dalam urutan yang kurang sesuai bagi menampakkan kesinambungan dan kelancaran idea <p>v) Penutup (2 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurang memperlihatkan pendirian atau penegasan tentang tajuk • Kesimpulan atau rumusan tentang apa yang telah dibincangkan dalam karangan kurang tepat
---	--

<p>Lemah</p> <p>C+ (55-59)</p> <p>C (50-54)</p> <p>C- (45-49)</p>	<p>i) Pendahuluan (1 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Definisi tajuk tidak jelas • Keterangan tajuk lemah • Kaitan dengan tajuk lemah • Pendiannya tentang tajuk lemah <p>ii) Isi (1 Markah X 5)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan isi utama, isi sampingan, bukti dan contoh yang lemah • Mengemukakan isi-isi yang kurang logik dan memperlihatkan kematangan fikiran yang lemah • Mengemukakan idea yang lemah/sipi Menghuraikan isi dengan lemah <p>iii) Bahasa (4-6 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat antara 6-10 kesalahan sintaksis • Banyak kesalahan morfologi • Pemilihan kata (diksi) yang kurang tepat • Tidak menggunakan pelbagai jenis ayat dengan betul • Kurang menggunakan bahasa standard dan laras yang sesuai • Banyak kesalahan aspek mekanis <p>iv) Pengolahan (2-3 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengembangkan isi secara kurang tepat dan kurang berkesan • Isi-isi dalam satu perenggan kurang kemas dijalinkan bagi menampakkan kesatuan idea • Menyusun perenggan dalam urutan yang tidak sesuai <p>v) Penutup (1 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Amat kurang memperlihatkan pendirian atau penegasan tentang tajuk • Kesimpulan atau rumusan tentang apa yang telah dibincangkan dalam karangan dengan lemah
---	--

<p>Sangat lemah</p> <p>D+ (40-44)</p> <p>D (35-39)</p> <p>E (0-34)</p>	<p>i) Pendahuluan (0 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada definisi • Tiada keterangan tajuk • Tiada kaitan dengan tajuk • Tiada pendiriannya tentang tajuk <p>ii) Isi (0 Markah X 5)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isi utama, isi sampingan, bukti dan contoh yang terpesong • Tiada isi-isi yang logik dan tidak memperlihatkan kematangan fikiran • Tidak mengemukakan idea yang tulen dan bernas • Tidak menghuraikan isi dengan tepat dan jelas <p>iii) Bahasa (0-3 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melebihi 11 kesalahan sintaksis • Amat banyak kesalahan morfologi • Banyak pemilihan kata (diksi) yang tidak tepat • Tidak menggunakan pelbagai jenis ayat dengan betul • Kurang menggunakan bahasa standard dan laras yang sesuai • Terlalu banyak kesalahan aspek mekanis <p>iv) Pengolahan (0-1 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak mengembangkan isi dengan tepat dan berkesan • Mencampuradukkan beberapa isi dalam satu perenggan • Tidak menyusun perenggan mengikut urutan <p>v) Penutup (0 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak memperlihatkan pendirian atau penegasan tentang tajuk • Tiada kesimpulan atau rumusan tentang apa yang telah dibincangkan dalam karangan
--	--

Lampiran IV

Skema Pemarkahan Analitikal STPM : 40 Markah

Kriteria	Jumlah Markah	Catatan
Pendahuluan	3 Markah	
Isi	15 Markah	(Markah Maksimum 15)
Bahasa	3 Markah	
Pengolahan	12 Markah	
Penutup	7 Markah	
Jumlah	40 Markah	

Kriteria Kelemahan Koheren (Types of Coherence Breaks)

(Wikborg, E 1990:134)

(I) Masalah Penulisan Topik

1. Topik yang tidak spesifik (unspecified topic).
2. Perubahan pengalihan topik yang tidak dijustifikasi (unjustified change of/ drift of topic).
3. Pembahagian perenggan yang tidak betul (misleading paragraph division).
4. Penyusunan yang tidak betul (misleading disposition).
5. Ketidakrelevanan (irrelevance, in the form of van Dijk's over completeness (1977:110).
6. Pemberian tajuk yang tidak betul (misleading headings).

(II) Masalah Kohesi

7. Hubungan inferen yang tidak menentu (uncertain inference ties).
8. Tiada hubungan antara ayat atau hubungan antara ayat yang tidak tepat. (missing or misleading sentence connection).
9. Penggunaan hubungan kohesi yang salah (malfunctioning cohesion ties).
10. Jarak yang sangat jauh di antara item-item kohesi dalam jalian kohesi. (too great a distance between cohesive items in a cohesive chain).
11. Terdapat kekeliruan antara ayat-ayat dalam penyebaran sesuatu maklumat. (misleading distribution of given and new information within the sentences).

Lampiran VI

Kriteria Kelemahan Koheren

(Diadaptasi dan Diubahsuai berpanduan Wikborg, E 1990:134)

Bil	Kategori Kelemahan	Jenis Kelemahan	Kriteria
I)	Pendahuluan	1. Definisi tajuk tidak tepat.	• tidak dapat mengupas maksud tajuk dengan tepat dalam satu ayat.
		2. Penerangan definisi tajuk lemah.	• penjelasan / penerangan kepada definisi tajuk tidak tepat / kurang memuaskan / terpesong dari tema.
II)	Isi	3. Isi tidak diuraikan dengan jelas.	• menulis ayat-ayat yang kurang berkaitan dengan isi utama yang bincangkan dalam sesuatu perenggan.
		4. Isi utama terpesong.	• menulis lebih dari satu isi dalam satu perenggan yang sama
III)	Ayat	5. Penggunaan ayat yang kurang tepat.	• menulis ayat-ayat yang isinya bercampur aduk.
		6. Penggunaan ayat tergantung.	• menulis ayat-ayat yang tidak lengkap dari segi tatabahasa bahasa Tamil. • menulis ayat tanpa sebarang subjek atau predikat.
		7. Penyusunan ayat yang kurang tepat.	• Ayat-ayat tidak tersusun dengan teratur supaya dapat mewujudkan kesinambungan idea dalam sesuatu perenggan.
IV)	Pemerenggan	8. Pembahagian perenggan yang kurang sesuai.	• menulis lebih dari 1 isi dalam sesuatu perenggan.
V)	Penutup	9. Penutup yang kurang sesuai.	• tiada rumusan, kesimpulan dan penegasan semula. • tiada rasa penyelesaian kepada aspek perbincangan.

Contoh Karangan Kategori Baik

R29

Subject: *bank*

"கல்யாண சமயம் சாதம், காய்கறிகளும் பிரசாதம், இது கொள்ளு பிரசாதம், இதுவே எனக்குப் போதும்." என்று இப்பாடலைக் கேட்கும் போதே நாம் நா எங்கும், ஆம் உணவு என்றால் யாருக்குத் தான் பிடிக்காது. இந்த உலகின் இருக்கும் பரவ நாம் வேண்டுகிற சென்று பணம் சம்பாதிப்பது, நாம் வயிறை நிறைத்துக் கொள்வதற்குத்தானே பிறகு தானே மற்ற விஷயங்கள். எனினும் உணவை அதிக அளவு உட்கொள்வது நமது எடைகளைக் கூட்டும். இதுவே, நமக்கு பல பேராய்கள் வர வாய்ப்பளிக்கிறது. அதிலும் மனசிய மக்கள் ஏறக்குறைய 40 விழுக்காடு உடன் பருமன் அடைந்துள்ளார்கள் என்று ஆய்வுகள் காட்டுகின்றன. இத்தனை நம் நோட்டீஸ் பெருமளவின் குடைபெயர்வதற்கு சில காரணங்களுக்கும் அமைகின்றன.

"மருந்தே உணவு, உணவே மருந்து" என்பார்கள். ஆம், அக்காஸ்து உணவு முறைகளை பார்த்தாலேயானால், நாம் மருந்தை தேடி அதையே அவசியமில்லை. நாம் உட்கொள்ளும் உணவிலேயே பல சத்துகள், இதாவது புரோட்டீன், பிளாஸ்ட், இரும்புச் சத்து என ~~அ~~ அடங்கியிருக்கும். அக்காஸத்தின் சேற்று என்றால் அது பணக்காரர்கள் வீட்டின்குள் பார்த்து முடியும். மக்கள் பல முனிதக மருந்துகளை கொண்டு உணவு சமைப்பார்கள். ஆனால், இக்காஸத்திலேயே, நமது அன்றாட வாழ்க்கையின் மருந்தே ஒரு உணவாகிவிட்டது. நாம் இக்காஸக்கூட்டு நாம் ~~அ~~ மருந்து களாச்சொத்து, வெநிராட்டினர்களைப் பார்த்து பிற்பற்றுகிறோம். அதின் நம் உணவு முறையும் ஒன்று. எனவே, திட்டி உணவுகளின் நிறைய எண்ணம், கொழுப்பு, போன்றவற்றை நம்மை பருமன் அடைய செய்யும். நம் சப்பிலே போது, சூரியாக இருந்தாலும், பின் இதுதான் நமக்கு பல விளைவுகளை கொடுக்கும். மருந்தாக உயிர், நானா அடிக்கி ஆயு பேண்டும், என்பார்கள். ஆகவே, நாம் சரியான முக்கோண உணவு, ~~அ~~ என்றதை விடப்பதி மற்றும் நிறைய காய்கறிக் உட்கொள்ள வேண்டும்.

அதுமட்டுமன்றி, நம் நோட்டீஸ்களினிடையே உடற்பயிற்சியின்மை என்ற ஒரு பழக்கம் உருவாகி, இதற்கு உதாரணம், நாம், உட்கூடும் விதமானபட்டு கைமதுகத்திற்கு சென்றுப் பார்த்தால், கிரஸ்ஸிட்டு எண்ணும் அளவிட்டுத்தான், சிலர் உடற்பயிற்சி செய்து கொண்டிருப்பர். இதற்கு காரணத்தை அறிந்தால், நிறைய தேரம் வேலை செய்கிறேன் கழிக்கிறார்கள், அதனால் உடற்பயிற்சி செய்வதற்கு தேர்வின்மையான மக்கள் தேர்வற்றித்ததைத் தைப்பதற்கு என்ன ஒரு அருமையான பதில் அளிக்கிறார்கள். நாம் பார்த்துப் போனால், ஒரு வாரத்தின் 5 முதல் உடற்பயிற்சி செய்ய வேண்டும், அதிலும் 30.

Subject: _____

R29

நிமிடமாவது செவ்விட வேண்டும். அவ்வாறு செய்வின், நமது ரத்த சிட்டம் சீராக அமையும், ஒரு குறுகுறுப்பும், புத்துணர்ச்சியும் தம்பிடைவே நன்றும். இதனால், நமது உடலின் கிருக்குத் தொழிப்புப் பெருமப்பத நினைவு வரப்படுகிறது. "நோயற்ற வாழ்வே நுண்பற்ற செல்வம்" என்பார்கள். ஆதலால், தம்பிடைவே நோய் வரவன் இரக்க, நாம் "வெற்றம் பெறுவன் அண்ணலோடு" என்ற பழமொழிகளை உடற்பயிற்சியை இன்றைய முதல் உதும் வாழ்வின் ஒரு அன்றாட விடயமாகக் கொள்ள வேண்டும்.

நமது பழக்க வழக்கங்களுக்கும், நாம் படுமனமுடவதற்கு ஒரு காரணம் நாம் சாப்பிடும் உணவுகளை சரியான முறையில் உட்கொள்ள வேண்டும். சிலர், தங்கனின் வேலைக்கு முதல் சூக்கியத்துவம் அளிப்பதால், உணவு சாப்பிட வேண்டிய நேரத்தின் சாப்பிடாமல் நேரம் கழித்து உட்கொள்கின்றார்கள். இதனால், அவர்களின் உடல் இடை கூட நினைவு வரப்படுகிறது. சிலர் துள்ளிவிட்டு கூட சுகாதாரமற்ற உணவுகளை உட்கொள்கின்றனர் என்று ஆய்வுகள் காட்டுகின்றது. இதற்கு உதாரணமாக நாம் நினைவு சாப்பாடு கடைகளைப் பார்க்கலாம். அதுமட்டுமின்றி, சாப்பிடும் போது படுத்துக் கொண்டு சாப்பிடவது, படம் பார்க்குதுக் கொண்டு சாப்பிடவது, விளக்கு சாப்பிட்டபின் படுக்கச் செல்வது, இவைவற்றால் நாம் இடைய அடிகளாகும்.

நமது உடல் படுமனாக இருப்பதால், நாம் ஒருவருக்கு மட்டுமே விளைவுகள் ஏற்படுவதோடு, விளக்குத் நினைவு விளைவுகள் கொடுக்கும். நாம் உட்கொள்ளும் உணவால், படுமனமாகி நினைவு நோய்கள் வர வாய்ப்பு பிரகடனமாக இருக்கிறது. உதாரணத்திற்கு சுவாசிப்பதில் கடினம், இருதய நோய், தீநிழிய நோய் பெரிய பரிதாபகமாகக் கொண்டு வரும். இப்பொழுது தீநிழிய கொண்டிருக்கும் பல கர்ப்பணி பெண்கள், தங்கனின் சுகவிற்கும் அந்நோய் வர காரணமாகின்றனர். அதுமட்டுமின்றி இந்நோய்களை, தீர்ப்பதற்கு தம் பணத்தை தண்ணீர்ப் போல் செவ்வழிக்க வேண்டும். அரகங்களை, மருத்துகளை, விளக்குகளை வாரம்பதற்கு பல நட்சம் செவ்வழிக்க வேண்டும். இதனால், நம் நோட்டர் பல நட்சங்களைக்காண பணம் இப்படியே நீண்ட செவ்வின் அழிந்துள்ளது. ஒருவர் கொடுக்கின்ற விளைவுகளால் நம் நோட்ட அது விளைவை சந்திக்க நேர்கிறது.

Contoh Karangan Kategori Sederhana

R12

Subject :

Date: _____

[illegible][illegible]

வேறு உதவிப்படுத்தியிருக்கிற உள் பக்கங்கள்
இருப்பதால் பெரும் பங்குதான் இருக்கிறது. நான் நினைவு உள் பக்கத்தில்
இருப்பது தான். உள் பக்கத்தில் அமைப்பு வேறு நான்
உள்ளிருந்து கருவியை விபரமாக விவரிப்பதற்கான நான்
தான். உள் பக்கத்தில் அமைப்பை விவரிக்கிற கருவியை
இருவரும் அறிந்து கொள்ளும் தரத்தில் இருப்பது தான்
விவரிப்பதற்குரியது. அதனால் நான் உள் பக்கத்தில் இருப்பதற்கான
அறிவு, நான் உள்பக்கத்தில் இருக்கிற உள் பக்கத்தில் இருப்பதற்கான
அறிவு உள் பக்கத்தில் இருப்பதற்கான உள் பக்கத்தில் இருப்பதற்கான

சான்றிதழ் பெற்று, அதன்மேல் இவ்வாறு குறிப்பிட்டுள்ளதால்,

Date:

அதற்குமே, கூடுதல் உண்மை அளவுகள் அறிந்திருக்கிற
பெரும்பாலானவர்கள் மிகவும் அச்சப்படுகிறார்கள். அப்போது
அந்தந்த கூடுதல் உண்மை அளவு அளவு அளவு
அளவுகளை அறிந்திருக்கிற அளவுகளை அளவுகளை
அளவுகளை அளவுகளை அளவுகளை அளவுகளை
அளவுகளை அளவுகளை அளவுகளை அளவுகளை

R20

Date:

[illegible]

R20

Date:

[illegible]

clxxxiii

Date:

[illegible]

Contoh Karangan Kategori Sangat Lemah

RI

Subject :

Date :

இன்று நம் மலேசியா நாட்டில் மலேசியர்கள் ஏறத்தாழ 40 விழுக்காட்டினர் கூடுதலாக உடல் எடை உடையவர்களாக இருக்கின்றனர். இந்த உடல் எடை நம் நாட்டில் நாளடைவில் நாள் அதிகரித்து வருகிறது. சிறுவர்களுக்கும் இள வயதினரும் அதிகமாக இந்த உடல் எடை உடையவர்களாக ஒரு அம்சம் காட்டுகிறது. மேலும், இந்த உடல் எடை பற்றி சேவ்வாறு நாளும் நம் படிப்பாது உண்டு. அனால், இன்னும் இந்த உடல் எடை பிழச்சாணனகள் நம் நாட்டில் அதிகமாக ஏற்படுகிறது. உடல் எடை உடுவாவதற்கான காரணங்களும், விளைவுகளும் பல உண்டு.

நம் மலேசியா நாட்டில் மத்தாளடைபே உடல் எடை ஏற்படுவதில் முதல் காரணம், முறையற்ற உணவுமுறை ஆகும். சூக்கரை, அவர்கள் கண்ட நோய்களில் உணவு உண்ணுதல், சமீர் உணவுவை பின்பற்றாமல் உண்ணுவது, மேலும், முக்கோணம் உணவை உண்ணாவினை. அவர்கள் பாசிடீம் போது உணவுகளை, உண்ணுவது அவர்கள் மூலம் காலம் அரியமான் உண்ணுவது. அடுத்துக்காட்டி, இரவு மணி 12.00 க்கு உண்ணுவது. உண்ட பிறகு தங்கிவிடுதல், முறையான உணவு முறைகளை அவர்கள் பின்படுத்துவது இல்லை. அடுத்துக்காக, அவர்கள் உணவுகளை சமீர் சரியாக உண்டு வேண்டும்.

மேலும், உடல் எடை நம் மலேசியர்களின் இடை அதிகரித்து வருவதற்கான முக்கிய காரணம், அவர்கள் உடற்பயிற்சியின்மை. இந்த வாய்நுழை வரும் காலகட்டத்தில் நம் மலேசியர்கள் அதிக நோய்களை வேலைகளுக்கு, பாடிப்பதற்கு, மற்றும் பல காரியங்களை செய்யும் வதற்கு சௌக்ய செய்கிறார்கள். அவர்களுக்கு மூலம் இல்லை என்று சிலபமான பதிலை சொல்வார்கள். அனால் அவர்கள் பல நோய்களை களக்கும் போது, ஆடு சிறு நிமிடம் இந்த உடல் பயிற்சிக்கு சேருகிறது சிறப்பும். அனால் நம் மலேசியர்கள் செய்வாது இல்லை. சிறுவர்களுக்கும் இள வயதினரும் தங்கள் நோய்களை வெட்டிவிடாமல் களிக்கிறார்கள். உணவு உண்ட பிறகு, தங்குவது, திணைத்திய சொன்று விளையாடுவது மற்றும் வெட்டி ரிப்சிகள் தந்து

19

Subject:

Date:

நண்பர்களிடம் பேசுவது போன்றவற்றை செய்வது, அமெரிக்க இல்லம் பல சீய பலக்கங்களை கற்றுக்கொண்டு பல சீய நண்பர்களிடம் சொர்த்து கொண்டு இன்டர் கம்பலில் சொறுவர்கள். சிறுவர்களுக்கும், தின வயதிலும் தங்களுக்கு நேரம் கிடைக்கும் போது உடற்பயிற்சிகளை செய்வ வேண்டும் மேலும், மலேசியா மக்கள் அவர்களின் வயதுக்கு ஏற்ப உடல் பயிற்சி செய்வ வேண்டும். இந்த உடல் எடை நம் மலேசியர்களின் எடையா ஏற்படுவதுக்கான காரணம் மலேசியர்கள் சிறுநா உடல் பயிற்சி செய்வது கில்லை.

சொர்த்து மலேசியர்களின் பழக்கவழக்கங்கள் இந்த உடல் எடைக்கான காரணங்கள். அவர்கள் சூடு சூடுவது முறைபற்ற உணவு பழக்கவழக்கங்களை உண்பது, அது அவர்கள் விதைய உண்களை விட்டு உண்பது அமெ.

உடல் எடையை ரெச்சானகாளாய், நம் உடல் பல கொடிய நோய்களாய் தாக்கப்படுகின்றன. மாரடைப்பு, நீரிழிவு நோய், புற்று நோய் என்ற பல நோய்களாய் தாக்கப்படுகின்றன.

நம் நாட்டில் உடல் எடை பெரிசானது அதிகரித்து தொண்ட் வருகிறது. அகலே, நம் நாட்டு அரசாங்கமும், மக்களும் சொர்த்து, தினத சூடுக்கு பல முறைகளை கையாண்ட வேண்டும்.